


**Jilid III  
Bil. 6**



**Hari Rabu  
25hb April, 1973**

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 627]**

**USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 654]**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 655]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KETIGA**

---

Hari Rabu, 25hb April, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR :**

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

” Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

” Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

” Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).

” Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).

” Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

” Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

” Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Raub).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- ” Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- ” DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- ” DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, P.N.B.S. (Payang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- ” TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- ” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- ” TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

- Yang Berhormat TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.  
(Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, J.S.M., S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S.  
(Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.  
(Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

Yang Berhormat TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

- ” TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).  
 ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).  
 ” TUAN LUHAT WAN (Baram).  
 ” TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).  
 ” TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).  
 ” DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).  
 ” TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).  
 ” TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).  
 ” TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).  
 ” TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).  
 ” TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).  
 ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).  
 ” TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).  
 ” TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).  
 ” TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).  
 ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).  
 ” WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).  
 ” TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).  
 ” TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasar Mas Hilir).  
 ” TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).  
 ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).  
 ” TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).  
 ” TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).  
 ” RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).  
 ” TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).  
 ” DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).  
 ” PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).  
 ” TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).  
 ” TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Patani).  
 ” DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).  
 ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).  
 ” TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).  
 ” TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).  
 ” DR A. SOORIAN (Port Dickson).  
 ” TUAN SU LIANG YU (Bruas).

- Yang Berhormat WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, s.m.k. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK ENGGU MUHSEIN BIN ENGGU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

## YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N.,  
P.J.K. (Dilantik).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,  
J.M.N. (Dilantik).

## DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### GAJI MATA-MATA

**1. Tuan V. David** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang melantik satu suruhanjaya yang diketuai oleh seorang hakim Mahkamah Tinggi untuk mengulangkaji gaji-gaji mata-mata yang mana perlu disemak memandangkan kenaikan belanja hidup.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, perkhidmatan Polis Diraja Malaysia adalah termasuk di dalam bidang kajian Suruhanjaya Gaji Suffian yang baru dilaksanakan pada 1-1-1970. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang hendak melantik sebuah Suruhanjaya khas bagi mengkaji gaji mata-mata. Sekiranya penyemakan gaji perlu diadakan oleh kerana kenaikan sara-hidup, kajian yang seperti itu akan meliputi semua kakitangan Kerajaan dan tidak terhad kepada mata-mata sahaja.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerima gaji mata-mata yang kurang sekali dan Kerajaan mesti siasat dan menambah gaji mereka, kerana harga barang-barang telah naik dalam dua tiga tahun ini, bolehkah difikirkan balik.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya sudah jawab tadi, kita sudah timbangkan atas perkara ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar beberapa anggota-anggota polis telah diberi elaun harian sebanyak \$5 seorang, tetapi pada 1-4-1973 elaun itu telah dikurangkan daripada \$5 ke \$2.50 sehari dan anggota-anggota polis tersebut telah diberitahu mereka terpaksa mengembalikan \$2.50 kepada Kerajaan. Kalau beliau sedar, bolehkah beliau menimbangkan perkara ini supaya elaun yang telah diberi kepada anggota-anggota polis tidak payah mereka membayar balik kepada Kerajaan.

**Tuan Yang di Pertua:** Itu yang dikatakan dikaji, apabila ada satu komisyen.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di Pertua, mereka ini sekarang terpaksa mengembalikan elaun yang lebih kepada Kerajaan.

**Tuan Yang di Pertua:** Itu sudah soalan lain.

#### PERJANJIAN PERTAHANAN LIMA NEGARA

**2. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Luar Negeri samada beliau sedar terhadap satu kenyataan yang dibuat oleh Tun Adam Malik di Jakarta pada 29-11-1972 yang menyatakan bahawa Perjanjian Pertahanan Lima Negara adalah berbentuk sementara dan sebaik saja tamat perang Vietnam maka pengkalan-pengkalan asing yang ada sekarang tidak lagi perlu dan jika ya, adakah dasar ini selaras dengan dasar Kerajaan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat harus ingat bahawa saya telah terangkan beberapa kali dalam

Dewan ini, bahawa apabila cadangan Perkecualian Asia Tenggara diterima oleh semua pihak, Peraturan Pertahanan itu akan ditamatkan sebaik sahaja peruntukan-peruntukan Perkecualian itu diwujudkan.

Saya sedar tentang kenyataan Tun Adam Malik mengenai perkara ini dan kenyataan itu adalah selaras dengan dasar Kerajaan Malaysia seperti yang saya telah nyatakan tadi.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Pada dasarnya bukannya lebih baik pengkalan tentera daripada negeri asing di negara-negara ASEAN dipindahkan sebelum kita mencapai perkecualian di Asia Tenggara?

**Tuan Yang di Pertua:** Itu soalan tambahannya?

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Yang di Pertua:** Apa soalan tambahannya?

**Dr Tan Chee Khoon:** Pada dasarnya, Tuan Yang di Pertua, bukannya lebih baik pengkalan tentera daripada negeri asing yang ada di negara-negara ASEAN dipindahkan sebelum kita mencapai . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Itu kenyataan!

**Dr Tan Chee Khoon:** Bukan, itu pertanyaan. Bolehkah Yang Amat Berhormat menasihatkan negeri-negeri di ASEAN supaya Pengkalan Tentera dipindahkan sebelum kita mencapai pengecualian Asia Tenggara?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya sudah terangkan perkara ini tidak mustahak dibuat begitu. Kita telah bersetuju iaitu apabila dasar pengecualian Tenggara Asia telah dipersetujui, Pengkalan Tentera asing ini akan diundurkan.

**Tuan Fan Yew Teng:** Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan sikap Kerajaan Malaysia dalam konteks ASEAN—sikap Kerajaan ini terhadap air base yang sangat besar di dalam negeri Thai—Air Base America?

**Perdana Menteri:** Saya sudah jawab soal ini pada minggu yang lalu.

**Tuan T. S. Gabriel:** (*Dengan izin*) Sir, taking into consideration the overall security situation prevailing in Asia today, and in the event the new Governments of New Zealand and Australia decide to withdraw from the Five-Power Defence Pact, would Malaysia decide to make any bilateral defence arrangement with Indonesia?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, masalah ini tidak timbul lagi.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di Butterworth Kerajaan Australia, pada pendapat saya ada dua squadron Mirage di sana, kalau beliau sedar bilakah Kerajaan kita akan menyuruh Kerajaan Australia memindahkan squadrons tersebut?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya sedar atas perkara itu, sebab ini termasuk dalam Perjanjian Pertahanan Lima Negara. Saya sudah terangkan tadi bahawa Pengkalan Tentera asing ini akan diundurkan apabila kita telah membuat ketetapan berkenaan dengan dasar pengecualian Tenggara Asia ini.

#### KEDUTAAN MALAYSIA— KESELAMATAN

3. **Tuan V. David** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah diambil berhubung dengan keselamatan Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri; dan
- (b) samada mereka yang bertanggungjawab bagi keselamatan adalah mendapat latihan sepenuhnya ataupun samada mereka diambil bekerja secara sesuka hati.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua,

- (a) Tidaklah menjadi kebiasaan perkara-perkara berhubung dengan keselamatan di Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri itu dihebahkan kepada umum.
- (b) Oleh itu, saya dukacita tidak dapat menjawab soalan ini.

## DIPLOMATIK DENGAN ALBANIA— HUBUNGAN

**4. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menubuh hubungan diplomatik dengan Albania.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan akan menimbang penubuhan perhubungan diplomatik dengan mana-mana sahaja negara yang ingin bersahabat dengan kita berdasarkan kepada prinsip-prinsip hidup bersama secara aman damai. Sekiranya Kerajaan Albania ingin bersahabat dengan kita, maka tidak ada sebab mengapa kita tidak harus menimbangkan pertubuhan perhubungan diplomatik dengan negara itu.

**Tuan Fan Yew Teng:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini, sampai sekarang adakah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Albania membuat apa-apa langkah atau cadangan konkrit ataupun overture terhadap perkara ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, kita belum ada perhubungan lagi dengan Albania berkenaan dengan perkara ini.

## INDO-CINA—BANTUAN

**5. Dr S. Seevaratnam** minta Perdana Menteri menyatakan dengan tegas apa jenis bantuan Kerajaan bercadang hendak beri kepada negara-negara Indo-Cina dalam usaha-usaha mereka membina ekonomi dan tentera mereka.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi sebarang bantuan ketenteraan kepada negeri-negeri Indo-Cina kerana ini adalah bertentang dengan dasar pengecualian kita. Apa-apa bantuan yang akan diberi, samada berbentuk "bilateral" atau "multilateral" sebagai ahli ASEAN, adalah untuk pembinaan dan pemulihan semula ekonomi dan keadaan sosial negara-negara itu; dan pemberian ini adalah untuk menunjukkan semangat berbaik-baik antara Malaysia dengan semua negara-negara itu, serta kerjasama serantau.

Saya percaya Malaysia boleh membantu dalam bidang-bidang teknikal dan saintifik, khususnya dalam bidang pembangunan. Saya suka beritahu Dewan ini bahawa dalam

mesyuarat Menteri-menteri luar ASEAN yang baru lepas di Pattaya, Thailand, Menteri-menteri Luar berkenaan telah memersetujukan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras ASEAN (ASEAN Co-ordinating Committee) bagi pembinaan semula dan pemulihan negara-negara Indo-Cina itu.

Memandangkan keadaan di Indo-Cina yang masih lagi belum tetap pada masa ini, mereka bersetuju untuk menangguk bantuan ASEAN itu buat sementara. Walau bagaimanapun, negara-negara ASEAN, secara individual (perseorangan) boleh memberi bantuan kepada mana-mana negara Indo-Cina secara "bilateral".

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soal tambahan, Tuan Yang di Pertua. Yang Amat Berhormat ada berkata tadi negara kita hendak memberi bilateral aid, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu apa bilateral aid itu?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya telah terangkan tadi bahawa kita harus boleh memberi bantuan dalam lapangan bidang teknikal dan saintifik terutama sekali dalam bidang pembangunan.

## TERUSAN PANAMA—PERTIKAIAN

**6. Tuan Mustapha Hussain** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia akan menyokong Kerajaan Panama di dalam pertikaian dengan Amerika Syarikat mengenai Terusan Panama, dan jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, pertikaian antara Kerajaan Panama dengan Amerika Syarikat mengenai Terusan Panama telah dibincangkan di hadapan Majlis Keselamatan, Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia bukanlah ahli dalam Majlis Keselamatan itu dan sokongan kita untuk pihak Panama atau pun Amerika Syarikat belumlah diminta.

**Tuan Mustapha bin Hussain:** Soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan kita mengemukakan satu cadangan untuk membatalkan veto dalam perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu supaya Kuasa Besar tidak boleh menyalahgunakan veto itu?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, perkara itu kita tidak boleh. Memang sudah ada dalam peraturan Badan Bangsa-bangsa Bersatu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata tadi Kerajaan kita tidak ada masuk di dalam Security Council, United Nations, tetapi kalau masalah ini ada ditimbulkan di United Nations, Kerajaan kita akan menyokong atau tidak sokong Kerajaan Panama.

**Tuan Yang di Pertua:** Itu soal "akan", tidak boleh.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Kerajaan kita bukan akan, mahu atau tidak mahu? (*Ketawa*).

**Perdana Menteri:** Ini hypothetical question—perkara ini kita akan timbangkan bila sampai masanya.

### KONSEP PERKECUALIAN ASIA TENGGERA

7. **Tuan Mustapha bin Hussein** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Amerika Syarikat menyokong konsep kita mengenai perkecualian Asia Tenggara.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, sepertimana saya telah beritahu Dewan ini dahulu, kita belum lagi mengemukakan cadangan pengecualian Asia Tenggara kepada Amerika Syarikat atau kuasa-kuasa besar yang lain, secara rasmi bagi sokongan mereka.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Berkenaan dengan pengecualian Asia Tenggara, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan kita ada menghantar surat kepada Kerajaan United States of America berkenaan dengan perkara ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya telah jawab tadi, kita tidak ada buat apa-apa perhubungan pada masa ini.

### LAWATAN KE REPUBLIK RAKYAT CINA

8. **Tuan Chan Fu King** minta Timbalan Perdana Menteri menyatakan samada beliau telah membuat satu lawatan sulit ke Republik Rakyat Cina, dan jika ya, berikan butir-butirnya.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, saya tidak pernah membuat lawatan rahsia ke Republik Rakyat Cina.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, dengan izin. Sir, there has been indication in the past . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Dengan izin apa?

**Tuan T. S. Gabriel:** Dengan izin hendak bercakap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di Pertua:** Tak boleh!

### SIJIL KERAKYATAN—ARTIKAL 30

9. **Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan Sijil-sijil Kerakyatan Artikul 30 yang telah diterima untuk pengesahan, mulai dari 1hb Januari, 1973 hingga 31hb Mac, 1973, dan menyatakan jumlah bilangan sijil-sijil yang didapati betul dan jumlah bilangan yang telah dibatalkan.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, bilangan Sijil-sijil Kerakyatan di bawah Perkara 30 yang telah diterima untuk pengesahan mulai dari 1hb Januari, 1973 hingga 31hb Mac, 1973 berjumlah 898. Dari jumlah ini sebanyak 824 telah didapati teratur dan sebanyak 74 tidak teratur.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Masa pengesahan Sijil Kerakyatan di bawah Artikul 30 sudah tamat, tetapi ramai lagi orang yang mempunyai Sijil Kerakyatan di bawah Fasal 30 yang belum diberi pengesahan, sila beritahu apakah yang hendak dibuat dengan Sijil Kerakyatan di bawah Artikul 30 itu?

**Tun Dr Ismail Al-Haj** Tuan Yang di Pertua, sila Ahli Yang Berhormat itu baca proceedings Parlimen ini; saya telah jawab soalan tambahan itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di Pertua. Seorang . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Saya tidak suka soalan tambahan itu kalau menghabiskan masa. Kalau betul-betul, boleh ditanya.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Ini adalah berkenaan dengan . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Kalau tidak kena sekali lagi, saya akan tegur.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

#### KETUA POLIS NEGARA—JAWATAN

**10. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah jawatan Ketua Polis Negara masih kosong lagi.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, perlantikan Ketua Polis Negara bagi menggantikan Allahyarham Tun Mohd. Salleh bin Ismail telah dibuat pada 1hb Februari, 1973. Perlantikan itu telah disiarkan dengan luasnya melalui mass media pada 15hb Februari, 1973.

Saya tidak tahu samada Ahli Yang Berhormat itu berada di dalam negeri dalam masa berita itu disiarkan. Jika beliau ada di negeri ini nampaknya beliau tidak minati berita mengenai perkara tempatan atau Malaysia khususnya. Jika beliau minati berita-berita dalam negeri, soal ini tidak akan dibangkitkan oleh beliau.

Ketua Polis Negara sekarang ini, Y. B. Datuk Abdul Rahman bin Hashim menyanggah jawatan itu secara memangku. Peraturan ini ialah selaras dengan perinsip perkhidmatan yang menentukan seseorang pegawai dicuba dahulu memangku di dalam sesuatu jawatan yang lebih tinggi dari pangkatnya sendiri dengan memuaskannya sebelum ianya disahkan dalam jawatan yang berkenaan sebagai naik pangkat.

#### AIR DAN MAKANAN DI SABAH— KEKURANGAN

**11. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am membuat laporan tentang betapa banyak kekurangan air dan makanan di Sabah akibat kemarau, dan samada langkah-langkah yang cukup telah diambil untuk mengurangkan penderitaan mereka yang terlibat.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di Pertua, berikut ialah penerangan ringkas mengenai keadaan kekurangan air dan makanan di Sabah sehingga 21-3-73 berasaskan kepada laporan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah.

Keadaan kekurangan air dan makanan akibat kemarau yang dialami di Sabah adalah berleluasan. Semenjak beberapa bulan yang lalu seluruh Sabah, melainkan daerah Pensiangan telah mula mengalami kemarau.

Daerah-daerah di Residensi Pantai Barat merupakan kawasan yang paling teruk di-ancam kemarau. Hampir-hampir semua daerah-daerah luarbandaraya mengalami kekurangan makanan. Di daerah Tuaran tiga buah rumah pam dan 12 batang sungai telah kering dan beberapa kawasan padi tidak dapat dikerjakan. Daerah Kudat mengalami keadaan kemarau paling teruk dan 12,000 keluarga terlibat. Di daerah Labuan perigi-perigi telah kering semenjak 2½ bulan yang lalu dan catuan air di bandar-bandar telah dikenakan sejak tiga bulan yang lampau. Walau bagaimanapun, kekurangan bahan makanan belum lagi berlaku di Labuan. Bagi seluruh Residensi Pantai Barat lebih kurang 27,000 keluarga memerlukan bantuan segera.

Di Residensi Pendalaman, (Interior Residency), semua daerah, melainkan daerah Pensiangan terlibat. Bantuan bahan-bahan makanan seperti beras, susu, garam dan juga bekalan ubat diperlukan dengan segera.

Di Residensi Tawau dan di Residensi Sandakan, selain dari kekurangan air terdapat juga kekurangan bahan-bahan keperluan seperti garam, susu dan bekalan perubatan. Harga barang keperluan seperti beras dan padi naik dua kali ganda disebabkan terputusnya perhubungan melalui sungai.

Akibat bencana kemarau ini bertambah buruk kerana kejadian-kejadian kebakaran yang memusnahkan tanaman padi dan lain-lainnya. Pada keseluruhannya bencana kemarau menyebabkan penderitaan yang berat ke atas penduduk-penduduk Sabah terutamanya penduduk-penduduk luarbandar.

Bilangan mangsa-mangsa kemarau ini belumlah dapat dipastikan dengan tepat. Adalah dianggarkan bahawa lebih kurang 30% dari jumlah penduduk-penduduk Sabah memerlukan bantuan segera. Angka ini mungkin akan meningkat lagi jika kemarau ini berlanjutan.

Langkah-langkah yang perlu telahpun diambil untuk mengurangkan penderitaan mereka yang terlibat itu.

**AMOK DI TITIAN AKAR—TRAJIDI**

**12. Tuan Ng Hoe Hun** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) apakah bantuan yang telah diberikan oleh Jabatan Kebajikan Am kepada keluarga-keluarga yang malang di dalam trajidi Amok di Titian Akar, Lubok Cina, Negeri Sembilan; dan
- (b) apakah bantuan sagu hati yang telah diberikan kepada keluarga-keluarga Polis-polis Hutan yang terbunuh, iaitu Encik Yahya bin Hassan dan Encik Roslan bin Yahya.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di Pertua,

- (a) Bantuan yang telah diberi oleh pihak Perkhidmatan-perkhidmatan Kebajikan ialah seperti berikut:

(i) Bantuan kecemasan sebanyak \$25 telah diberi kepada semua keluarga mangsa orang amok itu, juga termasuk keluarga orang amok itu sendiri. Wang ini adalah untuk perbelanjaan pengkebumian semua mangsa-mangsa tersebut. Selain daripada itu tiap keluarga ada juga diberikan sedikit bantuan kebendaan.

(ii) Dua keluarga yang mengalami kesulitan hidup oleh kerana kematian pencari nafkah masing-masing sedang diberi bantuan am sebanyak \$25 sebulan dan \$30 sebulan sejak bulan Februari 1973.

(iii) Dua keluarga lagi yang mempunyai anak-anak kecil masing-masing sedang menerima Bantuan Penyaraan kanak-kanak sebanyak \$40 dan \$60 sebulan sejak bulan Februari 1973.

- (b) Saya suka menjelaskan kepada Yang Berhormat itu bahawa soal memberikan bantuan atau wang pampasan/sagu hati kepada Allahyarham Encik Yahya dan Encik Roslan, kedua-duanya anggota Polis Hutan, ialah tanggungjawab pihak polis. Saya telah mendapat tahu bahawa keluarga Allahyarham Encik Yahya dan Encik Roslan telah masing-masing diberi wang pampasan sebanyak \$5,000 dari Tabong Perwira.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini bantuan yang telah diberikan kepada mereka berapa lama mereka boleh dapat bantuan ini?

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di Pertua, pegawai-pegawai kita sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa kedudukan mereka ini. Sekiranya mereka memerlukan bantuan, bantuan akan diteruskan.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah bantuan yang diberikan kepada kanak-kanak keluarga tersebut diberikan kepada mereka sehingga kanak-kanak itu lepas daripada sekolah hingga ke Tingkatan V?

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di Pertua, perkara ini akan ditimbang.

**TANAMAN MODAL JEPUN DI MALAYSIA**

**13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sehingga ini peranan pemodal Jepun dalam penanaman modal di Malaysia, adakah khuatir menanam modal dalam negeri ini dan apakah langkah-langkah yang diambil supaya mereka menaruh kepercayaan penuh terhadap Malaysia.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam):** Tuan Yang di Pertua, pelaburan negeri Jepun dalam sektor perintis telah bertambah dari \$27.6 juta dalam tahun 1968 sehingga \$41.0 juta dalam tahun 1972. Bertambahnya pelaburan Jepun ini dibandingkan dengan lain-lain pelaburan asing adalah dari 11.3% dalam tahun 1968 sehingga 11.5% dalam tahun 1972. Setahu pihak Kerajaan, penanam-penanam modal Jepun tidak pernah khuatir menanam modal di negeri ini, malahan Kerajaan mendapati banyak pertanyaan-pertanyaan dari penanam-penanam modal Jepun mengenai kemungkinan penanaman modal di negara ini.

Untuk menarik lebih banyak pelaburan Jepun, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan akan menubuhkan Pusat Anjuran Pelaburan Seberanglaut di Jepun

tidak lama lagi. Suatu misi anjuran pelaburan akan juga dihantar ke Jepun diakhir tahun ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah bidang perusahaan-perusahaan yang diambil oleh pemodal-pemodal Jepun di negara kita ini.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, saya berkehendakkan notis.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar antara sebab-sebab pemodal-pemodal daripada Jepun keluar daripada Jepun dan pergi ke negeri lain ialah rakyat di Jepun membantah tentang pollution daripada perusahaan-perusahaannya. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu kepada pemodal-pemodal Jepun apabila mereka datang ke tanahair kita mereka jangan mengeksploitasi pollution ke negeri kita juga.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, dalam satu daripada syarat-syarat yang dikenakan kepada penanam modal di dalam negeri ini apabila diterima mereka datang kemari ialah bahawa mereka hendaklah seboleh-bolehnya mengambil langkah-langkah yang mencegah pollution.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar nama pemodal-pemodal Jepun yang pada masa sekarang tidak begitu baik. Ada beberapa negeri di Asean telah membantah tentang kelakuan yang berlaku daripada pemodal-pemodal Jepun. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini bahawa Kementerian sedar tentang hal ini dan apakah langkah, atau nasihat Kementerian telah memberi kepada pemodal-pemodal Jepun?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, dalam lawatan saya ke Jepun pada bulan Mac yang lalu banyak pertanyaan-pertanyaan dan perbincangan-perbincangan telah dijalankan dengan penanam-penanam modal yang hendak datang kemari di atas soal kedudukan dan sikap rakyat jelata Malaysia ke atas penanam-penanam Jepun. Ini adalah berasas

kepada pengalaman-pengalaman yang mereka sendiri telah hadapi apabila mereka menanam modal di negara-negara yang lain. Adalah diharapkan dan saya percaya bahawa hasil daripada perbincangan-perbincangan yang berterus-terang yang telah diadakan di Jepun dengan mereka itu mereka akan datang mengelakkan apa juga kemungkinan yang tidak akan menyenangkan rakyat jelata di dalam negara ini dan juga dari pihak Kerajaan, kami akan sentiasa mengawasi apa juga langkah-langkah yang diambil yang difikirkan tidak sesuai dengan polisi nasional di sini, bukan sahaja kepada penanam-penanam modal Jepun bahkan kepada sesiapa juga yang ingin menanam modal di dalam negara kita ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi saya sentuh tentang pemodal-pemodal Jepun mengeksploitasi pollutionnya, sekarang saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah beliau di dalam lawatannya ke Jepun memberitahu kepada pemodal-pemodal Jepun mereka tidak boleh mengexploitasi buruh di tanahair kita.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, pandangan ini telah diberitahu kepada semua pemodal-pemodal termasuklah pemodal Jepun bahawa exploitasi memang tidak dikehendaki.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di Pertua, jika Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan sikap Kerajaan tentang exploitasi buruh telah diberitahu kepada semua pemodal-pemodal asing, adakah beliau sedar beberapa kilang-kilang di tanahair kita masih memberi gaji, umpamanya \$1.60 sehari kepada pekerja-pekerja di kilang-kilang yang tersebut. Itu bukannya exploitasi pekerja di tanah air kita?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, soal ini telah berkali-kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat apabila mereka bertanya kepada pihak Kerajaan dan telah-pun dijawab, tetapi saya suka menyatakan bahawa kerja tiap-tiap seseorang yang bekerja di dalam kilang-kilang di dalam negara ini terpulanglah kepada anggaran berapakah gaji yang patut dibayar dan sekiranya betul-betul didapati bahawa seseorang pekerja itu diberi bayaran yang terlampau

rendah dan Kerajaan berpuas hati yang seseorang itu dieksploitasi tentulah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat akan mengambil tindakan, tetapi soal ini telah berkali-kali disebutkan dalam Rumah ini dan telahpun dijawab dengan tegas oleh Kerajaan.

**Tuan Fan Yew Teng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi satu jaminan bahawa kempen-kempen di masa hadapan untuk menarik pemodal-pemodal Jepun khususnya dan juga dari negeri-negeri lain diseluruh dunia ini tak sesuai Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan membuat propaganda bahawa buruh di dalam Malaysia sangat murah. Itu bukan satu quality propaganda semacam Yang Berhormat Menteri Kewangan baharu-baharu ini di dalam Seminar di Zurich ada membuat kenyataan itu bahawa buruh di Malaysia sangat murah, tetapi dengan membuat propaganda atau penerangan bahawa buruh di sini ada skill, rajin atau quality yang lain.

**Tuan Yang di Pertua:** Itu soal lain, tak payah dijawab.

**Tuan Musa Hitam:** Ini soalan lain, Tuan Yang di Pertua.

#### PADI DUA KALI SETAHUN— TANAMAN

14. **Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan tanaman padi dua kali setahun di Sarawak memandangkan kepada tingginya harga beras dan selalu kekurangan beras.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan kemudahan perairan yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi tanaman padi dua musim setahun ialah sebanyak 6 tempat, iaitu:

- (1) Tanjung Purun
- (2) Nanga Merit
- (3) Paya Selanyau Peringkat II
- (4) Banting
- (5) Pandaruan, dan
- (6) Merapok.

Saya difahamkan juga bahawa rancangan pengairan Tanjung Purun dan Sungai Merit baharu sahaja disiapkan dan petani-petani dalam kawasan sekim itu telah digalakkan untuk menjalankan tanaman padi dua musim setahun.

**Datuk James Wong Kim Min:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah saya bertanya kepada Menteri yang berkenaan, bagaimanakah dengan perjanjian Kerajaan dahulu untuk membuat satu rancangan yang besar tanaman padi di Sungai Sarawak yang sampai sekarang ini belum dibuat lagi?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di Pertua, ini soalan lain. Kalau Ahli Yang Berhormat berkehendakkan kenyataan, sila buat notis untuk jawapan yang akan datang.

**Tuan Valentine Cotter:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan di Sarawak sudah ada menanam padi dua kali setahun. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberi jaminan bahawa benih-benih padi yang sesuai itu boleh diberi percuma kepada peladang-peladang di Sarawak?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di Pertua, bagi rancangan pertanian tanaman padi dua kali setahun di Sarawak adalah di bawah rancangan Kerajaan Negeri, dan saya percaya jika sekiranya Ahli Yang Berhormat berkehendakkan pemberian benih-benih padi percuma daripada Kerajaan Negeri, saya percaya boleh ditimbang oleh pihak Kerajaan Negeri.

#### MINYAK PETROL

15. **Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan oleh kerana Sarawak mengeluarkan 180,000 tong minyak petrol sehari, mengapa minyak petrol untuk moto-sangkut di Sarawak sangat mahal iaitu berharga \$2.60 segelen di bandar-bandar kecil. Apa tindakan yang diambil untuk menurunkan harga minyak petrol ini sekira-kira tidak menyusahkan orang-orang kampung di Sarawak.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di Pertua, dalam tahun 1971 Sarawak telah mengeluarkan sebanyak 70,000 tong minyak

sehari bagi hetong panjang. Dalam tahun 1972 pengeluaran itu telah meningkat kepada 92,000 tong sehari dan dalam tahun ini adalah dijangka ia akan mengeluarkan sebanyak 95,000 tong sehari bagi hetong panjang. Angka-angka yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat sebagai 180,000 tong sehari sekiranya dimasukkan sebagai rujukan kepada tahun-tahun yang tersebut adalah salah. Bagi amnya ada dua sebab kenaikan harga-harga minyak di Sarawak.

- (1) Kenaikan eksais duti di Sarawak dari 65 sen segelen kepada 80 sen segelen dalam bulan November, 1970 dan dari 80 sen kepada 90 sen segelen dalam tahun yang lalu. Kenaikan eksais duti ini adalah untuk revenue negeri Sarawak dan atas permintaan negeri Sarawak sendiri.
- (2) Kenaikan harga minyak belum ditapis ataupun crude oil dalam tahun 1971 di Timur Tengah akibat daripada kenaikan harga crude itu harga ex-refineries super petrol dinaikkan 9 sen dan regular patrol 7 sen.

Di Kuching kenaikan adalah seperti berikut: Bagi patrol jenis regular harganya telah naik daripada \$1.38 sen kepada \$1.67 sen dan bagi Super Grade dari \$1.58 sen kepada \$1.89 sen iaitu kenaikan keseluruhannya adalah 29 sen bagi jenis regular dan 31 sen bagi jenis super grade semenjak tahun 1968. Di tempat-tempat di luar Kuching harganya mestilah lebih sedikit kerana kos pengangkutan adalah tinggi, terutama sekali di tempat-tempat kecil di hulu-hulu. Dari itu tanpa Ahli Yang Berhormat itu memberitahu saya misalan harga di satu-satu tempat yang tertentu maka sukarlah bagi saya menentukan samada satu harga itu patut atau tidak.

**Datuk James Wong Kim Min:** Soalan tambahan, bolehkah Menteri berkenaan memberikan penerangan mengenai Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang meminta dalam Dewan ini kelmarin supaya tax diturunkan lebih banyak lagi, bolehkah ditombangkan hal itu?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Soalan eksais duti seperti saya telah terangkan adalah soal di bawah I.G.C. di dalam kawasan Negeri Sarawak dahulu dan diserahkan kepada negeri Sarawak samada hendak menaikkan atau menurunkan eksais duti kerana hasilnya semua untuk negeri Sarawak.

**Datuk James Wong Kim Min:** Soalan tambahan, Timbalan Menteri ada berkata tadi dalam tahun ini estimate lebih kurang 90,000 tong sehari, tetapi ini 180,000 tong sehari adalah satu estimate yang diberi oleh Ketua Menteri Sarawak dalam Budget speech di Sarawak dua minggu yang sudah.

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, saya tidak tahu apa yang telah berlaku di Sarawak, tetapi angka ini adalah angka yang diberi kepada saya oleh pihak SHELL yang mengeluarkan minyak itu. Saya fikir SHELL lebih tahu.

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya ingin tahu sekali lagi Yang Berhormat Menteri berkenaan menyatakan tadi cukai itu naik diminta oleh Kerajaan Campuran Negeri Sarawak, adakah betul itu dari Kerajaan Campuran Negeri Sarawak atau pun tidak?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, saya sudah jawab.

#### JALANRAYA DAN JAMBATAN— PROJEK

16. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga memberikan suatu laporan kemajuan berkenaan dengan projek-projek yang di bawah ini dan jumlah wang yang dibelanjakan setakat ini:

- (a) jalanraya di antara Pantai Timur dan Pantai Barat;
- (b) jambatan bagi menyambung Pulau Pinang dengan tanah besar; dan
- (c) kemajuan dan perkembangan landasan Lapangan Terbang Bayan Lepas yang dicadangkan itu.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di Pertua,

- (a) Kerja-kerja pembinaan lebohraya Timur/Barat adalah berjalan dengan lancarnya. Sehingga akhir bulan Mac yang lalu sejauh 17 batu ataupun kira-kira 24% daripada jumlah jalan tanah yang akan dibina telah pun siap. 9 batu daripadanya adalah di sebelah barat dan 8 batu yang lain di sebelah timur. Walau bagaimanapun, pembinaan "Pilot Track" di sebelah barat sudah sampai ke Sungai Perak iaitu lebih kurang 23 batu dari Kuala Rui.

Sementara itu di sebelah timur pula "Pilot Track" ini sudah dibina sejauh 14 batu di barat Jeli. Tawaran-tawaran untuk pembinaan 5 buah jambatan di Sungai Rui, Sungai Perak, Perak Causeway, Upper dan Lower Pergau akan dipanggil pada bulan Mei, 1973. Perbelanjaan setakat ini ialah kira-kira \$25.5 juta.

Soalan (b) dan (c) walaupun tanggungjawab ini adalah di bawah Kementerian Perhubungan, tetapi disebabkan perlaksanaannya dilaksanakan oleh J.K.R. di sini saya ingin menjawab setakat mana yang boleh.

(b) Projek pembinaan jambatan bagi menyambung Pulau Pinang dengan Tanah Besar masih lagi dalam peringkat kajian kejuruteraan dan ekonomik. Laporan "Interim" peringkat pertama mengenainya telah pun diterima dan sedang dikaji oleh Kerajaan. Perbelanjaan yang telah dibuat setakat ini adalah dianggarkan sebanyak \$802,750 kesemuanya bagi kajian-kajian yang telah dilakukan.

(c) Laporan Rancangan Asas Lapangan-terbang ini telah dikaji dengan teliti dan Kerajaan telah bersetuju melaksanakan perkembangan Lapangan-terbang ini termasuk membina landasan baru yang panjangnya 11,000 kaki, menyediakan bangunan terminal untuk 1,000 orang penumpang sejam, bilik kawalan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Anggaran projek ini ialah kira-kira \$51 juta. Syor perlantikan Pakar Perunding untuk merikabentuk lapangan telah dikemukakan kepada Bank Pembangunan Asia untuk persetujuan yang masih ditunggu. Ini adalah kerana projek ini akan dibiayai dengan pinjaman hari ini ialah \$126,619.00.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Menteri berkenaan telah menyatakan laporan penyiasatan telah diterima oleh Kerajaan, bolehkah Menteri berkenaan memberitahu kepada Dewan ini bilakah laporan ini akan dikaji oleh Kerajaan Pusat dan bilakah pembinaan jambatan tersebut akan dimulai?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Bagaimana saya katakan tadi laporan itu sudah diterima dan kita sedang mengkaji pada

waktu ini dan apabila sahaja kajian ini sudah siap, engineering design sudah kita buat, pembinaan akan dijalankan.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga yakin bahawa masa untuk menyiapkan jalanraya Pantai Timur dan Pantai Barat akan sempurna mengikut jadualnya dan adakah beliau sedar bahawa selalu terjadi kegendalaan dalam menjalankan kerja membuat jalanraya itu dengan sebab lambat dapat spare parts mesin-mesin yang digunakan untuk menjalankan kerja projek itu.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, setakat ini saya yakin bahawa pembinaan jalanraya Timur-Barat itu akan siap seperti yang dijadualkan dan berkenaan dengan kesulitan mendapat spare parts yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, setahu saya tidaklah begitu susah, kita selalu dapat spare parts, walaupun kadangkadangkang ada juga kesusahan, tetapi bukan selalu kita mengalami kesulitan itu.

## TENTERA MALAYSIA

**17. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah Kerajaan akan menubuhkan satu pasukan Tentera Malaysia yang berbilang kaum.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa Angkatan Tentera, sejauh mana yang boleh, harus mencerminkan corak masyarakat berbilang kaum negeri ini, tetapi perlulah dihargai bahawa oleh kerana sejarah penubuhannya Askar Melayu Diraja dikhususkan bagi orang-orang Melayu sahaja.

## JAMBATAN DI KUALA SELANGOR

**18. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada beliau sedar bahawa Kerajaan telah berjanji untuk membina sebuah jambatan di Kuala Selangor semenjak tahun 1970 dan setiap kali perkara ini dibangkitkan, jawapan yang diberi adalah samada jambatan itu akan dibina dalam tahun yang berikutnya, ataupun pelannya masih lagi berada di atas meja, ataupun tapak untuk jambatan itu

masih lagi di dalam kajian dan perkara ini telah berlarutan sudah hampir-hampir tiga tahun, dan jika ya, bilakah dengan tepatnya jambatan itu akan dibina.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di Pertua, saya harap pada kali ini saya akan memberi khabar yang baik kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana memang Kerajaan sedar tentang kepentingan membina sebuah jambatan di Kuala Selangor ini berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dilakukan. Tindakan-tindakan yang berkaitan dengan pembinaan jambatan ini telah pun diambil dan saya percaya setiap kali Dewan ini bersidang Ahli Yang Berhormat telahpun diberikan jawapan mengenai kemajuan cadangan membina jambatan di sini. Saya inginlah memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ini bahawa kerja-kerja merancang dan membina sebuah jambatan yang berharga \$4 juta seperti di Kuala Selangor ini tidaklah dapat dilaksanakan dalam masa yang paling singkat sebagaimana yang difikirkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Beberapa tindakan yang perlu harus dijalankan sebelum kerja-kerja pembinaannya dilakukan. Kemajuan cadangan membina jambatan ini walaubagaimanapun adalah seperti berikut:

“Tawaran telah pun dipanggil dan ditutup pada 26hb April, 1973 (esok) pembinaan jambatan ini dijangka dimulakan pada bulan Jun 1973 dan dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 1975.”

#### IJAZAH UNIVERSITI TIMUR TENGAH—IKTIRAF

**19. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan telah menerima suatu laporan dari rombongan yang dihantar ke negeri-negeri Timur Tengah untuk menaksir taraf Pengajian Islam di universiti-universiti di sana, suatu langkah yang dibuat ke arah pengiktirafan ijazah-ijazah universiti dari negeri-negeri Timur Tengah; jika ya, nyatakan mengapa suatu keputusan belum lagi dibuat dan jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di Pertua, laporan ini sudah pun diterima dan sedang dalam kajian. Dan adalah diharap bahawa kerja pengiktirafan ini akan dapat diselesaikan pada penghujung bulan Mei hadapan ini.

#### YAYASAN PENGAJIAN TINGGI ISLAM NILAM PURI

**20. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengiktiraf sijil tertinggi Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kelantan; jika tidak, mengapa.

**Tuan Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di Pertua, perkara ini sedang dalam perhatian.

#### LALULINTAS DI KUALA LUMPUR— PENYIASATAN

**21. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bilakah hasil penyiasatan berkenaan keadaan lalulintas di Kuala Lumpur yang dijalankan oleh seorang pakar lalulintas dari Amerika akan dikeluarkan;
- (b) jumlah wang yang dibelanjakan ke atas projek ini; dan
- (c) samada terdapat pakar-pakar yang berkelayakan di negara ini, dan jika ya, mengapakah mereka tidak ditugaskan untuk menjalankan kerja ini.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di Pertua, laporan kajian dasar dan perancang lalulintas bagi Bandaraya Kuala Lumpur yang sedang dijalankan oleh sebuah Syarikat Perunding dari Amerika Syarikat itu akan dikemukakan kepada Kerajaan dijadualkan dalam bulan November tahun ini juga. Anggaran perbelanjaan di atas kajian ini ialah lebih kurang \$1.8 juta.

Pemilihan Syarikat perunding bagi kajian ini telah dijalankan bersama dengan pihak Bank Dunia. Oleh kerana kajian ini adalah dibiayai daripada Pinjaman Bank Dunia, Syarikat yang dipilih itu adalah daripada kumpulan Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Bank Dunia. Bagaimanapun sebuah syarikat tempatan ada juga bersama-sama dengan Syarikat tersebut menjalankan kajian ini.

**Tuan Hor Cheok Foon:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu kenapa Kerajaan tidak mahu buat suatu Jawatankuasa Khas untuk merancang masaalah-masaalah traffic di Bandaraya Kuala Lumpur

supaya local experts seperti Highway Engineer, Traffic Engineer, Town Planner, Surveyor, Sociologist dan Akitek dan sebagainya termasuk dalam Jawatankuasa tersebut.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, apa yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu tentulah ada segala-galanya yang dikatakan di dalam syarikat yang termasyhur daripada dunia yang telah diterima oleh Bank Dunia ini sehinggakan sebuah syarikat, kalau tidak salah saya, sebuah syarikat accountant yang expert dalam figures yang ada di Kuala Lumpur ini pun telah bekerjasama juga—digunakan.

#### “BULLDOG” TERHEMPAS—PESAWAT TERBANG

**22. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) mengapa sebuah pesawat terbang Bulldog jatuh terhempas semasa pertunjukan udara di Pesta Ria yang dianjurkan oleh Angkatan Tentera di Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Star pada 9.3.73 jam 5.30 petang dan menyebabkan 7 orang awam dari Kampung Telok terkorban;
- (b) samada benar bahawa kemalangan itu berlaku oleh sebab pesawat terbang itu terbang terlalu rendah berhampiran dengan orang ramai yang menyaksikan pertunjukan itu; dan
- (c) bantuan yang diberi kepada mereka yang terlibat di dalam kemalangan itu.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, kajian atas sebab berlakunya kemalangan kapalterbang tersebut masih dalam penyiasatan lagi. Oleh hal yang demikian jawapan bagi soalan-soalan (a) dan (b) masih belum dapat diberikan pada masa sekarang. Kajian yang sedang dijalankan itu dijangka akan dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi.

Waris-waris mereka yang terkorban telah diberi suguhati sebanyak \$2,000 tiap-tiap seorang daripada Kumpulan Wang Derma Pertahanan Negara. Mereka yang tercedera juga diberi suguhati sebanyak \$300 seorang daripada Kumpulan wang tersebut.

Balu Pegawai TUDM yang terkorban dalam kemalangan itu akan dibayar pencen sebanyak \$300 sebulan dan juga ganjaran sebanyak \$7,880. Selain daripada bayaran-bayaran tersebut suguhati sebanyak \$5,000 daripada Kumpulan Wang Derma Pertahanan Negara telah juga diberi kepada keluarga pegawai tersebut.

#### PEGAWAI-PEGAWAI FELDA

**23. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas menyatakan berapa banyak wang yang telah dibelanjakan oleh FELDA pada tiap-tiap tahun semenjak penubuhannya untuk membayar gaji-gaji dan elaun-elaun pegawai-pegawai FELDA dan nyatakan bilangan pegawai-pegawai mengikut bangsa.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang):** Tuan Yang di Pertua, Gaji dan elaun yang telah dibayar kepada pegawai-pegawai FELDA sejak ianya ditubuhkan adalah seperti berikut:

<i>Tahun Kewangan</i>	<i>Gaji dan Elaun</i>
1-7-1958—30-6-1959 ... ..	\$ 58,025.00
1-7-1959—30-6-1960 ... ..	86,880.00
1-7-1960—30-6-1961 ... ..	260,569.00
1-7-1961—30-6-1962 ... ..	510,195.00
1-7-1962—30-6-1963 ... ..	749,983.00
1-7-1963—30-6-1964 ... ..	763,402.00
1-7-1964—31-12-1965 (1½ tahun) ... ..	1,467,924.00
1-1-1966—31-12-1966 ... ..	4,180,114.00
1-1-1967—31-12-1967 ... ..	4,584,897.00
1-1-1968—31-12-1968 ... ..	5,540,378.00
1-1-1969—31-12-1969 ... ..	6,760,002.00
1-1-1970—31-12-1970 ... ..	8,275,157.00
1-1-1971—31-12-1971 ... ..	10,313,136.00
1-1-1972—31-12-1972 ... ..	13,984,972.39

Jumlah pegawai-pegawai FELDA pula ialah:

Tahun	Jumlah
1959	27
1960	95
1961	307
1962	661
1963	667
1964	707
1965	774
1966	826
1967	1,176
1968	1,320
1969	1,808
1970	2,240
1971	2,778
1972	3,223

Pada penghujung tahun 1972 jumlah pegawai-pegawai FELDA mengikut bangsa adalah:

Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah besar
2,911	202	92	18	3,223

#### RAMA IYER Pengerusi MAS— PEMBERHENTIAN

**24. Tuan Mustapha bin Hussein** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan sebab-sebab pemberhentian Encik Rama Iyer sebagai Pengerusi MAS.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, pemberhentian Encik Rama Iyer adalah dibuat mengikut perbekalan Articles of Association Sistem Penerbangan Malaysia. Ia menarik diri oleh kerana tugasnya menubuhkan MAS dan melaksanakan rancangan-rancangan permulaan bagi operasi MAS telah pun ditunaikannya dengan jayanya.

#### PERKHIDMATAN TENTERA

**25. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang Kerajaan sedang ambil untuk menjadikan perkhidmatan tentera berbilang kaum supaya ia mencerminkan komposisi kaum-kaum di negara ini.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, semenjak awal-awal lagi memang sudah menjadi dasar Kerajaan bahawa perkhidmatan tentera di negara ini harus mencerminkan corak masyarakat berbilang kaum. Dasar ini telah pun dilaksanakan dalam segala Pasukan/Cawangan Angkatan Tentera kita, melainkan Pasukan Askar Melayu Diraja yang mana, oleh kerana sejarah penubuhannya, dikhaskan bagi orang-orang Melayu sahaja.

#### DAFTAR PENGUNDI-PENGUNDI (ELECTORAL ROLLS)

**26. Tuan Chan Fu King** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa usaha mendaftar pengundi-pengundi (electoral rolls) telah terlewat dijalankan di beberapa kawasan di dalam negara kita dan daftar pengundi tidak ditunjukkan untuk diperiksa oleh orang ramai yang terpaksa berjalan jauh untuk memeriksa samada nama mereka telah didaftarkan; jika ya, apakah langkah-langkah Kementerian beliau telah ambil untuk menjamin supaya perkara-perkara tersebut tidak akan berlaku lagi di masa yang akan datang dan samada pengundi-pengundi diberi kad penerimaan setelah nama mereka didaftarkan; jika ya, mengapa beribu-ribu pengundi yang telah mendaftar nama mereka tidak menerima kad-kad ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, adalah tidak benar dinyatakan bahawa beberapa kawasan di dalam negara ini tidak ditunjukkan daftar pengundi. Kecuali Damansara, semua bahagian-bahagian pilihanraya telah mempunyai daftar pengundi yang dipamirkan mulai 1hb Mac hingga 14hb Mac, 1973. Untuk Damansara, tempoh pameran telah dilanjutkan sehingga 20hb Mac, 1973.

Daftar-daftar pengundi telah dipamirkan di 4,332 tempat di dalam negara ini dan tidak ada soal tentang orang ramai tidak berpeluang memeriksa daftar-daftar pemilih tersebut.

Kad-kad penerimaan biasanya diberi pada masa seseorang itu mendaftar juga. Keadaan dalam mana kad itu tidak diberi sertamerta ialah apabila orang lain membawa borang-borang mendaftar, kadangkala sehingga 200 borang sekali. Kad-kad mereka itu dikirim melalui pos.

### DIPLOMATIK DENGAN VIETNAM UTARA—HUBUNGAN

**27. Dr Tan Chee Khoon** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada benar bahawa Kerajaan bercadang untuk mengadakan perhubungan diplomatik dengan Vietnam Utara, dan jika ya, bilakah perhubungan diplomatik sepenuhnya akan diadakan dengan Vietnam Utara hingga ke peringkat Kedutaan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, Malaysia telahpun mengadakan hubungan diplomatik dengan Demokratik Republik of Vietnam (Vietnam Utara) pada 30hb Mac, 1973 pada peringkat Kedutaan.

Soal menghantar Duta masing-masing ke Ibu Kota kedua-dua negara adalah perkara yang sedang dipertimbangkan.

### PERJANJIAN PERTAHANAN LIMA KUASA

**28. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia telah membuat keputusan hendak menarik diri dari Perjanjian Pertahanan Lima Kuasa dan menutup semua markas-markas negara asing yang ada di negara ini sekarang.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, Malaysia bersama-sama negara ASEAN yang lain sedang berusaha untuk menubuhkan satu kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara. Kita meramalkan bahawa sebaik sahaja konsep pengecualian ini tercapai, Peraturan Perjanjian Lima Negara ini akan berakhir.

### RANCANGAN MALAYSIA KEDUA— LAPURAN KEMAJUAN

**29. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah laporan pertengahan tentang kemajuan Rancangan Malaysia Kedua akan dibentangkan di Parlimen untuk dibincangkan dan dibahaskan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya telahpun memberi jawapan kepada soalan serupa dalam Dewan ini pada 18hb April, 1973. Kajian ini sedang dijalankan dan dipercayai akan dapat siap tidak berapa lama lagi dan akan dibentang di Parlimen pada bulan Oktober—Disember tahun ini.

### SEMPADAN KAWASAN PARLIMEN/ NEGERI—SUSUNAN

**30. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menyusun semula sempadan-sempadan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sebelum pilihanraya umum akan datang; atau samada sebarang susunan baru sempadan-sempadan kawasan mengundi akan dikuatkuasakan selepas pilihanraya yang akan datang; dan berikan butir-butir mengenai penyusunan-penyusunan yang dicadangkan itu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya telahpun menjawab soalan yang serupa pada 18hb bulan ini, iaitu laporan mengenai perubahan pilihanraya, termasuk perubahan tentang sempadan-sempadan kawasan-kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, baru sahaja diterima dan sedang dikaji oleh Kerajaan.

### USUL-USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa pertimbangan atas usul menjunjung kasih Kebawah Duli yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini hendaklah dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) sepanjang hari ini dan Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Kamis, 26hb April, 1973, sebaik-baik sahaja usul yang tersebut itu telah dikemukakan dan dipersetujukan.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa pertimbangan atas usul menjunjung kasih Kebawah Duli yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini

pengambilan pekerja-pekerja Bumiputra sebanyak 98% berbanding dengan 2% bukan Bumiputra adalah melampau dan tidak benar sama sekali.

Bagaimanapun, untuk menerangkan kedudukan yang sebenarnya bagi pengetahuan Ahli-ahli Dewan ini, saya akan cuba mengemukakan statistik mengenai pengambilan kakitangan Kerajaan setakat yang dapat dikumpulkan. Akan tetapi, patutlah diingat bahawa segala usaha yang dijalankan oleh Kerajaan ialah hendak mengadakan keseimbangan dalam kedudukan kakitangan dalam Jabatan-jabatan Kerajaan supaya benar-benar mencerminkan pembahagian penduduk di negara ini.

Sebagai contoh, umpamanya dalam Jabatan Keretapi Tanah Melayu, meskipun terdapat tambahan 14 orang pegawai Melayu Bahagian 1 (15 dalam tahun 1969 berbanding dengan 29 masa sekarang), bilangan pegawai bukan Melayu dalam Bahagian 1 ialah 43. Dalam Bahagian II pegawai Bumiputra bertambah 7 orang—1969 (18), 1972 (25) berbanding dengan 74 orang bukan Bumiputra; dan dalam Bahagian 111, 984 Bumiputra berbanding dengan 1,499 bukan Bumiputra. Dalam Bahagian IV, dan I.M.G., terdapat tambahan yang ramai iaitu 5,001 berbanding dengan 4,191 dalam tahun 1969. Bagaimanapun, terdapat seramai 3,363 pekerja bukan bumiputra dalam kumpulan ini.

Dalam Lembaga Letrik Negara pun terdapat keadaan yang lebih kurang sama di mana pengambilan pegawai Bumiputra Bahagian 1 bertambah 54 orang dalam tempoh 1969—1972 menjadikan bilangannya 123 (1969 seramai 69) berbanding dengan 224 orang pegawai bukan Bumiputra. Dalam Bahagian 11 tambahan pegawai Bumiputra ialah 5 orang menjadi 54 (49 orang dalam tahun 1969) sedang pegawai bukan Bumiputra bertambah 17 orang menjadi 151. Bahagian III pegawai Bumiputra bertambah 298 orang menjadikan jumlah 1,242 sedang bukan Bumiputra bertambah 70 orang menjadi 1,849. Dalam Bahagian IV dan IMG, bilangan hari ini ialah 3,378 Bumiputra berbanding dengan 2,655 bukan bumiputra.

Saya suka pula menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Batu itu kepada pengambilan pegawai-pegawai EPF dalam tempoh yang sama di mana jumlah pengambilan pegawai dan kakitangan Bumiputra ialah 85 berbanding dengan 68 bukan Bumiputra.

Pecahan bilangan pegawai pada masa ini masih belum memuaskan kalau dilihat di kalangan pegawai kanan hanya terdapat 2 orang sahaja Bumiputra berbanding dengan 28 orang bukan Bumiputra. Di peringkat menengah terdapat 145 orang Bumiputra berbanding dengan 524 bukan Bumiputra dan hanya di peringkat bawah sahaja terdapat lebih Bumiputra iaitu 30 orang berbanding dengan 17 bukan Bumiputra.

Tuan Yang di Pertua, saya memandang amat mustahak angka-angka ini diterangkan kepada rakyat umum, kerana Ahli Yang Berhormat dari Batu dalam ucapannya menuduh seolah-olah Kerajaan tidak sama sekali memberi peluang pekerjaan kepada golongan bukan Bumiputra di negara ini hinggalah mereka itu akan terpaksa menyertai Chin Peng kerana tiada harapan bagi mereka lagi di negara ini. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Batu itu ingin melihat keadaan seperti yang dikatakannya itu berlaku di kalangan belia, tetapi bagi pihak Kerajaan saya ingin menegaskan bahawa peluang-pekerjaan akan terus diberi dan terbuka kepada semua pihak menurut keadaan ekonomi negara kita yang sedang berkembang pada hari ini.

Menyambung lagi tentang kedudukan pegawai dan kakitangan dalam Bandaraya Kuala Lumpur, saya ingin menyakinkan Dewan ini iaitu pengambilan pegawai dan kakitangan dilakukan dengan adil dan saksama. Kedudukan kakitangan I.M.G. dari tahun 1969 hingga sekarang mengikut kaum ialah 1,289 Bumiputra dan 1,650 bukan Bumiputra sedang dalam Bahagian 1 hingga IV pecahannya ialah 965 Bumiputra berbanding dengan 540 bukan Bumiputra.

Berkenaan dengan pengambilan pegawai kakitangan selama tempoh 1969-1972, dalam tahun 1969 terdapat 183 Bumiputra dan 157 bukan Bumiputra, 1970 terdapat 351 Bumiputra dan 92 bukan Bumiputra, 1971 terdapat 378 Bumiputra dan 108 bukan Bumiputra; dan dalam tahun 1972 terdapat 501 Bumiputra berbanding dengan 100 bukan Bumiputra.

Bagi Jabatan-jabatan Kerajaan pula, statistik tawaran yang dibuat selama tempoh 1969—1972 jelas menunjukkan bahawa tuduhan Ahli dari Batu itu tidak berasas sama sekali. Saya perturunkan di sini statistik mengenai pengambilan pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan

ikhtisas dan juga Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas bagi tahun-tahun 1969-1972. Bagi Kumpulan Pertama, angka-angka pengambilan ialah seperti berikut:

	1969	1970	1971	1972
Melayu ...	157	252	314	505
Bukan Melayu	276	271	391	780

Bagi Kumpulan Kedua, angka-angkanya ialah:

	1969	1970	1971	1972
Melayu ...	157	398	381	666
Bukan Melayu	224	113	199	437

Kalau dicampurkan jumlah dari kedua-dua Kumpulan ini dengan angka pengambilan untuk Kumpulan Perkeranian dan Teknik, jumlah besar bagi empat tahun itu ialah seramai 20,878 Melayu dan 5,388 Bukan Melayu.

Adalah nyata dari statistik itu bukanlah peluang yang ditawarkan kepada rakyat bukan Bumiputra tidak kurang daripada 20% daripada jumlah tawaran itu dan bukan 2% seperti kata Ahli dari Batu itu.

Tuan Yang di Pertua, seperti saya katakan tadi, apakah punca maklumat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu dari angka-angka yang benar ataupun fabricated out of malicious intent ataupun as a result of his muddled thinking, saya tidak tahu. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu dan juga Ahli-ahli yang lain akan lebih berhati-hati sebelum membuat tuduhan yang tidak bertanggungjawab dan boleh membawa akibat buruk kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di Pertua, saya percaya Ahli-ahli Dewan bersetuju iaitu dalam memberikan peluang-peluang pekerjaan Kerajaan sentiasa memberikan contoh yang baik dan janganlah Ahli Yang Berhormat dari Batu memperkecil-kecilkan usaha yang dibuat oleh Kerajaan menjamin keadilan kepada semua pihak.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka pula dalam ucapannya menyatakan antara lain bahawa Kerajaan terus mengamalkan sikap "sweeping problems under the carpet", khasnya berhubung dengan keputusan peperiksaan M.C.E./S.P.M. 1972, yang tidak dimasukkan dalam Titah Ucapan Diraja.

Kesimpulan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu sangatlah "naive" dan beliau menimbulkan hal ini semata-mata untuk tujuan tertentu. Sungguhpun perkara keputusan peperiksaan M.C.E./S.P.M. 1972 ini tidak dimasukkan dalam Titah Ucapan Diraja, Menteri Pelajaran telahpun membuat satu kenyataan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar pada 4hb April, 1973, menerangkan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan mengenai masalah tersebut. Sekiranya Kerajaan bertujuan "to sweep the problem under the carpet" maka sudah tentu Kerajaan tidak membuat sebarang kenyataan lebih-lebih pula mengambil tindakan tegas menghuraikan masalah yang besar itu.

Seperti yang kita sedia maklum, hanya perkara dasar sahaja diperkatakan dalam Titah Ucapan Diraja. Tidakkah kena pada tempatnya perkara seperti keputusan peperiksaan itu dimasukkan hanya untuk memberi kesempatan kepada pihak Pembangkang seperti Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu menggunakannya untuk mendapatkan sokongan kepada partinya. Saya suka menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu kalau beliau ingin memancing undi, janganlah menggunakan Dewan ini sebagai tempatnya.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat ada membuat tuduhan bahawa Kerajaan tidak mengamalkan demokrasi dengan sebenarnya dan "is intolerant to opposition". Saya suka menerangkan bahawa Kerajaan inilah yang bertanggungjawab memulihkan demokrasi selepas peristiwa 13 Mei di mana Perlembagaan terpaksa digantungkan. Ini adalah dalil yang terang menunjukkan Kerajaan adalah sebenar-benar menjunjung prinsip demokrasi yang kita sedang amalkan.

Ahli Yang Berhormat itu ada juga menyatakan, di antara lain, bahawa di negara kita ini "survival of democracy is at stake" akibat daripada tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan dari masa ke masa. Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa "survival of democracy" dalam negara kita ini adalah juga bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli Pembangkang seperti Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Sekiranya Ahli-ahli Pembangkang memainkan peranan mereka secara "positive" membina dan bertanggungjawab, maka kita semua tidak perlu meraguragukan "survival of democracy" di negara

ini. Sebaliknya pihak Pembangkang menyalahgunakan peranan mereka dan semata-mata memburukkan dan memperkecilkan segala usaha-usaha Kerajaan untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat serta meninggikan taraf hidup rakyat, maka Kerajaan terpaksa mengambil tindakan-tindakan untuk mengelakkan perbuatan-perbuatan yang tidak sihat itu daripada menjadi satu ancaman terhadap ketenteraman negara. Sekiranya "survival of democracy" menjadi satu tanda tanya, bagaimana pula Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu dapat berucap dengan sewenang-wenangnya, samada di Dewan ini mahupun di luar Dewan ini mengkritik Kerajaan dengan begitu hebatnya. If, as the Honourable Member said, the "survival of democracy" is in question, how could he be allowed to criticise the Government with full and complete freedom and vehemence inside as well as outside this House?

Tuan Yang di Pertua, tak dapat tiada Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakannya dalam Parti Pekemas tentu tidak senang hati dengan langkah yang telah diambil untuk menubuhkan National Front atau Barisan Nasional. Tiada siapa yang boleh menolong Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakannya dalam perkara ini. Kejayaan kita menubuhkan National Front adalah menunjukkan bahawa ada banyak parti-parti politik di negara ini yang menerima dasar Kerajaan yang ada sekarang ini dan bersetuju hendak bekerjasama bagi membina sebuah negara yang aman, maju dan mempunyai masyarakat adil. Penubuhan National Front ini bukan menghadkan demokrasi bahkan sebaliknya bertujuan menguat dan mengekalkan demokrasi kerana demokrasi hanya akan kekal dalam negara ini jikalau kita dapat mengadakan stability dalam lapangan politik dan ekonomi. Cita-cita ini hanya dapat tercapai jika kita berjaya menubuhkan masyarakat yang adil bagi semua pihak di negara ini berasaskan kepada Rukunegara.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyebut berkenaan dengan orang-orang pelarian atau refugees yang datang dari pulau-pulau di Selatan Filipina ke Sabah. Oleh sebab ada pergaduhan di Selatan Filipina, setengah-setengah penduduk-penduduk di pulau-pulau tersebut telah melarikan diri ke Sabah untuk mendapatkan perlindungan bersama-sama dengan saudara mara mereka di situ. Perkara ini sebenarnya tidak dapat dielak kerana

pulau-pulau di Selatan Filipina itu sangatlah berdekatan dengan Sabah dan dari zaman-berzaman penduduk-penduduk di kedua-dua daerah itu sentiasa berulang alik antara satu dengan lain. Perkara ini bukan senang hendak dikawal kerana mereka boleh datang dengan bot-bot kecil yang laju dan mereka pergi mendapatkan saudara-saudara mereka yang berada di Sabah.

Saya fikir, kalau Ahli Yang Berhormat hendak bercakap dalam perkara seperti ini eloklah melawat Sabah dan mengambil tahu sendiri bagaimana keadaan di situ. Kerajaan telah memberi arahan supaya orang-orang pelarian itu dikawal dan tidak dibenarkan masuk, tetapi perintah ini sukar dilaksanakan kerana keadaan dan kedudukan pulau-pulau itu sangat berdekatan dengan Sabah.

Tuduhan-tuduhan yang lain terhadap Kerajaan Sabah telahpun dijawab oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah. Berkenaan masalah kurang makanan di Sabah, ini adalah disebabkan oleh kemarau yang berlaku berbulan-bulan lamanya. Oleh sebab kemarau ini, barang-barang tanaman terutama sekali padi banyak yang musnah dan dengan sebab itu pihak Kerajaan terpaksa menghantar makanan-makanan kepada penduduk-penduduk di Sabah terutama sekali mereka yang duduk jauh dari bandar-bandar. Pertolongan ini adalah dijalankan dengan baik dan lancar dan kita akan menghantarkan benih-benih supaya mereka itu dapat menanam semula sekarang sebab keadaan kemarau telah tamat.

Ahli Yang Berhormat juga menegur berkenaan peraturan berkehendakkan passport bagi penduduk-penduduk dari Semenanjung Malaysia hendak pergi ke Sabah. Ini adalah peraturan yang terkandung dalam perjanjian antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Sabah tatkala Sabah masuk Malaysia dahulu dan peraturan ini adalah dengan kehendak penduduk Sabah sendiri.

Tuduhan yang mengatakan Kerajaan Sabah tidak ada wang hendak membayar gaji pegawai-pegawai Kerajaan semata-mata dusta sahaja. Saya fikir, Ahli Yang Berhormat itu eloklah mendapat keterangan-keterangan yang sebenar dan yang sewajarnya kalau beliau hendak bercakap dalam Dewan ini kerana kalau tidak ini hanyalah semata-mata merugikan masa Dewan ini dan Kerajaan hendak menjawabnya.

Tuan Yang di Pertua, saya suka menyampaikannya ucapan terima kasih dan tahniah di atas ucapan yang panjang lebar yang sederhana, balanced dan statesmanlike dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjung.

Negara kita Malaysia adalah luar biasa jika dibandingkan dengan negara-negara lain sebab kita mempunyai penduduk berbilang bangsa, keturunan dan agama. Oleh itu masaalah-masaalah negara yang rumit yang dihadapi oleh negara-negara lain maka adalah lebih rumit bagi negara kita.

Saya bersetuju, seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Tanjung, saya bersama-sama beberapa orang Ahli Dewan ini yang cuba hendak menyelesaikan masaalah pelajaran melalui Dasar Pelajaran Tahun 1956, berasa amat keciwa bahawa masaalah ini belumlah dapat di selesaikan lagi setelah kita melaksanakan Dasar itu 17 tahun lamanya. Kita semua berasa dukacita dan keciwa melihat bilangan murid-murid yang begitu besar tidak lulus dalam peperiksaan M.C.E. dan S.P.M., akan tetapi janganlah kita mengeluarkan emosi yang tidak terhad bila menghadapi perkara ini. Kita semua cukup simpati dengan murid-murid dan ibu-bapa mereka tetapi perkara ini telah berlaku dan keazaman kita yang terutama mestilah mengambil langkah yang tertentu untuk menjamin yang perkara ini tidak berlaku lagi. Langkah-langkah ini sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

Begitu juga Yang Berhormat Menteri Pelajaran, oleh sebab ibu-bapa dan murid-murid yang telah menunjukkan perasaan tidak puas hati yang amat sangat, telah meminta pihak Cambridge Local Examination Syndicate yang bertanggungjawab berkenaan hal ini, menyemak perkara ini dengan halus dan memberi keterangan yang perlu supaya perasaan tidak puas hati dan curiga itu dapat dihapuskan.

Begitu juga pihak Kementerian Pelajaran sedang menyediakan kemudahan-kemudahan supaya murid-murid yang gagal itu dapat mengambil balik peperiksaan pada tahun ini. Kalau sekiranya mereka itu dari keluarga yang miskin, Kerajaan bolehlah memberikan bantuan yang sepatutnya supaya dapat mereka melanjutkan pelajarannya. Saya percaya Menteri Pelajaran akan memberi keterangan yang lanjut berkenaan perkara ini. Saya hanya suka hendak mengingatkan di sini bahawa nyatalah kepada kita iaitu

kalau peristiwa yang mendukacitakan ini hendak dielakkan, guru-guru dan murid-murid mestilah memainkan peranan masing-masing. Mereka mestilah memberi keutamaan kepada mata-mata pelajaran yang ditentukan sebagai penting dan mustahak untuk mendapat kelulusan dalam peperiksaan. Pihak Kerajaan akan cuba mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran pada tempat-tempat yang difikirkan patut dan mustahak.

Tuan Yang di Pertua, pelajaran adalah satu perkara yang rumit sekali di negara kita. Not only are there so many different types of schools and different languages but also the demand for education at all levels has been so great. During the last 17 years, education has expanded more than six times. Naturally, with such a rapid rate of expansion, we are bound to face at some stage or other, the problems we are facing today, I know the Minister has always borne in mind these difficulties, and I am sure he and his Ministry will once again take a closer look at the prevailing situation in this controversial field of education. At the same time, it is the duty of all of us in this House and of all loyal citizens of this country to do whatever we can to fortify the Minister and his officials in the difficult and important tasks that lie before them. We want to give our children the best education possible within our means but, at the same time, we must see to it that the education they receive will make them employable and useful members of the society. That is why recently the Ministry of Education has laid emphasis on opening up of more vocational schools and technical colleges so that our young boys and girls will be given the training which fits in with the requirements of the country.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara menyentuh berkenaan dengan masaalah pergaduhan di pulau-pulau Selatan Filipina. Seperti yang saya katakan tadi, kita memang memandang berat perkara ini sebab pulau-pulau ini adalah berdekatan dengan Sabah dan penduduk-penduduk di situ adalah mempunyai hubungan yang rapat dengan penduduk-penduduk di Sabah. Kita berharap Kerajaan Filipina akan dapat menyelesaikan masaalah dalam negeri mereka itu yang mereka itu hadapi. Kita tidak ada mempunyai niat apa-apa melainkan suka melihat keadaan di pulau-pulau Selatan Filipina itu aman dan tenteram dan penduduk-penduduk di situ maju dan

makmur seperti juga penduduk-penduduk di Sabah. Kalau keadaan semacam itu wujud, mereka bolehlah meneruskan perhubungan yang telah wujud zaman berzaman samada lapangan perniagaan dan juga lapangan yang lain untuk kemajuan dan kemakmuran bersama.

Berkenaan ketegangan yang masih terdapat antara Pakistan dengan Bangladesh, kita berharap kedua-dua negara itu akan dapat mengeneppikan apa juga perselisihan yang masih ada di antara mereka dan dapat menyelesaikan masaalah-masaalah khususnya mengenai orang-orang tahanan supaya mereka dapat mempunyai perhubungan yang baik dan rapat untuk faedah dan kepentingan kedua-dua negara itu.

Tuan Yang di Pertua, dalam perbahasan atas Titah Ucapan Diraja, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah menyebut berkenaan dengan kenaikan harga barang-barang yang menyebabkan perbelanjaan hidup pada amnya semakin meningkat.

Seperti yang telah diterangkan dalam Titah Ucapan Diraja, Kerajaan adalah memandang berat atas perkara ini dan Timbalan Perdana Menteri akan memberi keterangan yang lanjut berkenaan dengan perkara ini.

Saya suka menegaskan di sini iaitu Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengawal harga barang-barang keperluan seperti beras, gula, garam dan juga tepung gandum. Saya berharap barang-barang keperluan sehari-hari akan dapat disampaikan khas kepada mereka yang duduk dalam kawasan luar bandar melalui kedai-kedai yang ditubuhkan oleh PERNAS dan Perbadanan Kemajuan Negeri.

Tujuan kita ialah supaya kedai-kedai barang di bandar-bandar besar dan kedai runcit di bandar-bandar kecil dan di kampung-kampung akan dapat menjual barang-barang keperluan, selain daripada barang-barang makanan, barang-barang keperluan yang lain juga, dengan harga yang berpatutan. Usaha-usaha kita mengadakan kedai-kedai ini sedang diselenggarakan dan saya harap akan dapat diperluaskan.

Di bandar-bandar, kalau didapati pekedai menaikkan harga barang-barang dengan sesuka hati mereka maka pihak pembeli atau consumers mestilah mengambil tindakan yang difikirkan perlu samada secara persendirian

ataupun melalui kumpulan-kumpulan yang teratur. Bahkan setengah-setengah barang-barang keperluan seperti ayam, telur dan sayur-sayuran, kebanyakan pengguna boleh mengeluarkannya sendiri.

Tuan Yang di Pertua, seperti yang diterangkan dalam Titah Ucapan Diraja sambil menjalankan rancangan-rancangan kemajuan dan dasar-dasar Kerajaan untuk membawa negara kita ke tingkatan kemajuan dan kesetabilan yang lebih luas lagi, Kerajaan sentiasa sedar bahawa kita sentiasa menghadapi cabaran-cabaran dan masaalah-masaalah yang rumit. Dengan sebab itu, Kerajaan berharap akan mendapat sokongan daripada semua rakyat negara ini yang cintakan tanahair kita ini untuk memberi kerjasama bagi menghadapi cabaran-cabaran itu dan mengatasi masaalah-masaalah masa depan negara kita. Masaalah yang maha penting kita hadapi ialah perpaduan rakyat. Dalam apa jua usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti Kerajaan, inilah perkara yang sentiasa diutamakan kerana kita semua sedar bahawa jika tidak ada perpaduan di kalangan rakyat daripada semua bangsa segala kemajuan yang kita telah capai akan hilang dan hancur. Dengan sebab itu, saya berharap pada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya supaya sentiasa tenang dan menghadapi masaalah-masaalah negara dengan cara realistik dan menjaukan dari mengeluarkan emosi yang meluap-luap yang boleh menimbulkan perasaan curiga di kalangan rakyat negara kita. Begitu juga mustahaklah mereka itu juga tidak mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh memecahbelahkan rakyat dan juga yang boleh mengelirukan fikiran rakyat. Kita telah menjadi negara yang merdeka selama 16 tahun dan kita telah berjaya menghadapi masaalah-masaalah rumit di masa yang lampau, dan saya yakin dan percaya dengan izin Tuhan, kita akan dapat menghadapi apa jua masaalah yang ada di hadapan kita jika kita bersama-sama mempunyai perasaan saling mengerti dan keazaman untuk mengatasi masaalah-masaalah itu dan kalau kita semua sanggup sama mempunyai perasaan saling mengerti dan keazaman untuk mengatasi masaalah-ma-mengeneppikan kepentingan diri kita sendiri, kepentingan puak-puak dan kaum-kaum dan mengutamakan kepentingan bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di Pertua, marilah kita terus mara ke hadapan dengan ketabahan hati dan

keazaman yang kuat untuk membina sebuah negara yang sebenar-benar bersatu padu, yang aman dan makmur untuk kita semua dan juga untuk jenerasi akan datang. (*Tepuk*).

**Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di Pertua, dalam jawapan saya ini, saya akan bercakap dalam Bahasa Kebangsaan dan juga mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, adalah nyata bahawa sebahagian besar perbincangan terhadap Titah Ucapan Diraja ditumpukan pada pelajaran memandangkan kepada keputusan peperiksaan M.C.E. dan S.P.M. Sementara Kerajaan mengalu-alukan komen dan teguran, Kerajaan berasa amat kesal caranya perkara ini dikemukakan oleh setengah-setengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang. Daripada pengalaman kami samada di dalam atau luar Dewan ini, ini tidaklah memeranjatkan, sekalipun mereka telah menjadi Ahli-ahli Dewan ini begitu lama. Mereka masih tidak mengetahui bahawa Dewan ini malahan rakyat tidak lagi tertarik hati atau mudah dipengaruhi dengan ucapan-ucapan berapi dan perkauman mereka.

Tuan Yang di Pertua, we know that some of the Opposition parties in this House have already been discredited by their own members, and like a desperate animal, they will charge at anything hoping that their enemies will be destroyed. That presumably was their devilish hope when they crudely and ruthlessly exploited the suffering and disappointment of the students who failed their M.C.E. examination. What more fertile ground could ever be presented to the Honourable Members of the Opposition to arouse racial hatred and bitterness than the large number of non-Malay students failing their M.C.E. examination because of Bahasa Malaysia? This was fully and ruthlessly exploited by the Opposition before and during this debate, and I am sure thereafter as well.

Tuan Yang di Pertua, the Honourable Member for Bandar Melaka alleged that this Government was not only afflicted by the disease of sweeping unpleasant things under the carpet, but was actually sweeping unpleasant things under a bigger and more capacious carpet. He must be very naive to think that this House and the rakyat would swallow that. Detailed information and

analysis of the results of the 1972 M.C.E. and S.P.M. examinations were made public by the Government before and during the meeting of this House. Was that sweeping unpleasant things under the carpet as alleged by the Honourable Member for Bandar Melaka?

There is enough distress already suffered by the students over their failure in the M.C.E. examination because of Bahasa Malaysia. The Honourable Member for Bandar Melaka exploited this distress further by subtly and mischievously suggesting that the setting and correcting of the Bahasa Malaysia examination papers by the University of Cambridge Local Examinations Syndicate, United Kingdom, were done purposely to fail the non-Malay candidates. Not satisfied with this invective from his filthy tongue, the Honourable Member for Bandar Melaka spouted further venom and filth, and here I quote that part of his speech:

“It has been obvious for sometime that there are groups in the country, representing some very influential and highly-placed persons, who are delighted at the present system which fails some 10,000 candidates a year because of Bahasa Malaysia. To these people, the recent M.C.E. results must have come as an even greater pleasure.”

What clearer evidence does one require to conclude that the Honourable Member for Bandar Melaka—and presumably his party—has a twisted mind bent on stirring up racial hatred and bitterness in this country upon which he and his party hope to thrive?

Tuan Yang di Pertua, the Government does not derive great pleasure and satisfaction from the suffering and disappointment of the students and their parents. On the contrary, we are as equally disappointed and surprised at the results as they were. To dispel any doubts whatsoever as to the integrity and impartiality of our examinations system, the Government went out of its way to make a detailed statement on the 3rd of April explaining the syllabus, the procedure for the setting of the question papers, the moderating and assessing of the question papers, the selection of the chief examiners, team leaders and assistant examiners, and how they operated, as laid down and practised by the University of Cambridge Local Examinations Syndicate, United Kingdom. To settle still further these persistent doubts,

last week I sent an official of my Ministry to the United Kingdom to request the University of Cambridge Local Examinations Syndicate to send an investigation team to Kuala Lumpur immediately to make investigations privately on the integrity and impartiality of their examiners and thereafter to issue a public statement. I am still awaiting a reply from the Syndicate.

Tuan Yang di Pertua, a number of proposals were made by various Honourable Members arising out of the poor results of the M.C.E. examination. I shall speak on some of the more important ones.

The first proposal was that a conditional certificate be issued to all those who sat for the M.C.E. examination and would have passed if not for failure in Bahasa Malaysia, subject to the proviso that they repeat and pass the Bahasa Malaysia paper.

As I have stated in my statement of the 3rd April, it is not possible for me to do this. Even if it were possible for me to prevail upon the University of Cambridge Local Examinations Syndicate to do so, I would not do it. I take this stand in the sincere belief that it will do irreparable harm to the public's confidence in our examination system. However expedient it may be politically, I am not prepared to sacrifice a very fundamental principle for a temporary political advantage. This examination is conducted by the University of Cambridge Local Examinations Syndicate and is governed by clear rules. Whatever may be the results of the examination in any one year should not, and must not, alter the rules.

Tuan Yang di Pertua, syor yang kedua ialah menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasat Diraja untuk menyiasat sebab-sebab kadar kegagalan yang begitu tinggi di kalangan calon-calon bukan Melayu di dalam peperiksaan M.C.E. tahun lalu di sebabkan Bahasa Malaysia.

Ada beberapa sebab yang Kerajaan sendiri telahpun sedar dan penubuhan satu Suruhanjaya Penyiasat Diraja tidak akan memberi sebarang faedah. Oleh itu, Kerajaan tidak dapat menerima syor yang sedemikian.

Cadangan yang ketiga ialah supaya ditangguhkan untuk beberapa waktu Ujian Lisan untuk Bahasa Malaysia di peringkat M.C.E. yang akan dimulakan bagi kali pertama tahun ini.

Tuan Yang di Pertua, penyiataan kami telah menunjukkan bahawa ramai pelajar-pelajar bukan Melayu boleh menjawab soalan-soalan bertulis dalam Bahasa Malaysia, tetapi tidak begitu fasih dalam lisan. Dengan demikian, inilah menjadi tujuan utama Ujian Lisan ini diadakan. Ujian Lisan dalam Bahasa Inggeris juga akan dimulakan dengan tujuan yang sama.

The Honourable Member for Batu said that education in general and Bahasa Malaysia in particular, instead of being a unifying factor, had divided the nation. This is a very surprising statement. If what he says is true, my view is that it is not education or Bahasa Malaysia which is the divisive factor, but the attitude of the non-Malays who are still oblivious of the changes that are taking place in this country. They still cling to and hope to perpetuate the good old colonial days when they were free to devise their own education system to suit themselves and not the interest of the country.

Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.) tahun 1972, seperti semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengetahui, keputusan-keputusan itu sangatlah tidak memuaskan. Keputusan-keputusan S.P.M. jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan keputusan-keputusan peperiksaan M.C.E. Kementerian saya telah mengumumkan kepada orang ramai satu analisa yang lengkap berkenaan dengan keputusan peperiksaan S.P.M. itu untuk menarik perhatian semua pihak yang terlibat terhadap kelemahan-kelemahan yang serious di kalangan calon-calon S.P.M. Biar apa sahaja sebab-sebab kelemahan itu, keseluruhan masyarakat Melayu hendaklah dan mestilah memandang berat terhadap perkara ini. Usaha-usaha pemulihan dan tanggungjawab bukan sahaja terletak di atas bahu Kerajaan tetapi juga guru-guru, ibubapa, murid-murid dan keseluruhan masyarakat Melayu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah mendesak Kerajaan supaya menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasat untuk menentukan sebab-sebab kadar kegagalan yang tinggi dalam matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab dalam peperiksaan S.P.M. Kementerian saya telahpun memulakan penyiataan yang mendalam di bawah penyeliaan saya sendiri dan oleh hal yang demikian, sebuah Suruhanjaya Penyiasat seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah perlu lagi.

Terdapat juga Tuan Yang di Pertua, banyak teguran yang membina dan berguna dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak perlu saya sebutkan di sini dan oleh itu saya suka hendak mengucapkan terima kasih dan penghargaan saya kepada mereka itu.

In my statement of 3rd April, I said that my Ministry was looking into the possibility of retaining in Form V all students who failed in last year's M.C.E. and S.P.M. examinations, including those who failed because of Bahasa Malaysia. Some Honourable Members of the Opposition are skeptical that the schools have the places and the teachers to do this. I have looked into this matter very carefully with my Ministry officials and the State Directors of Education and I am satisfied that it can be done. Further, it will not unduly affect the lower Form VI classes next year.

I wish to assure this House and the public that I have already started making investigations into the facilities available for the teaching of Bahasa Malaysia in the various schools to see whether they should be further improved. Everything possible will be done. May I appeal to all concerned that it will serve no useful purpose to find scapegoats and exploit the issue, especially for political purposes. To the students, parents, teachers and schools, may I warn and advise them to look upon Bahasa Malaysia more seriously. The implementation of the Bahasa Malaysia policy in the schools and other educational institutions will be pursued more vigorously as planned.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, saya suka hendak memberi jaminan kepada Dewan ini dan rakyat keseluruhannya bahawa saya telahpun memulakan penyiasatan terhadap kemudahan-kemudahan yang ada untuk pengajaran Bahasa Malaysia di berbagai sekolah dengan tujuan untuk memperbaiki lagi keadaan sekarang ini. Apa sahaja yang boleh dibuat akan dilakukan. Saya merayu kepada semua pihak yang berkenaan bahawa menyalahkan orang lain dan mengeksploitasi keadaan sekarang ini, terutama untuk kepentingan politik tidaklah menguntungkan sesiapa pun. Kepada pelajar-pelajar, ibu-bapa-ibu-bapa, guru-guru dan sekolah-sekolah saya memberi amaran dan menasihatkan mereka supaya memberi perhatian yang lebih serious terhadap Bahasa Malaysia. Pelaksanaan Dasar Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah dan

yayasan-yayasan pelajaran yang lain akan dijalankan dengan lebih tegas lagi seperti yang telah dirancangan.

**Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, semasa perbahasan atas Usul Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Pembukaan Sidang Parlimen, beberapa orang Ahli telah mengambil kesempatan memberi pandangan menentang perjalanan Kementerian saya dan ada di antaranya membuat tuduhan-tuduhan yang perlu diberi jawapan dan penjelasan. Saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab tuduhan-tuduhan Yang Berhormat tersebut, terutama sepanjang yang mengenai hal perumahan dan kesah buang negeri.

#### PERUMAHAN (HOUSING)

Ahli Yang Berhormat dari Kampar menyentuh beberapa perkara berhubung dengan rancangan-rancangan perumahan yang dijalankan oleh Kerajaan. Semasa berucap mengenai tajuk ini, Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan bahawa rancangan-rancangan perumahan awam Kerajaan telah tidak seimbang dengan bilangan-bilangan penduduk di negara ini. Sebagai contohnya, Ahli Yang Berhormat itu telah mengemukakan angka-angka bilangan rumah awam yang didirikan oleh Kerajaan di daerah-daerah kecil Kampar dan Gopeng.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan "the Government's public housing programme is a shame and a scandal" adalah diperbuat secara melulu dan tidak bertanggungjawab dan semata-mata berpandukan kepada angka-angka atau bilangan-bilangan rumah awam yang dibina oleh Kerajaan di Daerah Kecil Kampar dan Gopeng sahaja. Tetapi Ahli Yang Berhormat itu lupa yang Kerajaan bertanggungjawab bukan sahaja terhadap penduduk-penduduk di daerah Kampar dan Gopeng bahkan juga terhadap Malaysia pada keseluruhannya.

Oleh hal yang demikian, di dalam merancang rancangan perumahan awam Kerajaan terpaksa memenuhi kehendak-kehendak rakyat seluruh Malaysia dan bukan sahaja terhadap rakyat-rakyat yang duduk di Kampar dan Gopeng.

Pandangan Ahli Yang Berhormat nampaknya terlalu cetek dan boleh dianggapkan sebagai pandangan seorang yang menurut pepatah Melayu sebagai "Katak di bawah Tempurung".

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat itu juga telah menuduh bahawa semenjak saya mengambil alih portfolio Perumahan tidak ada perubahan dalam bilangan-bilangan mendirikan rumah-rumah awam. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa semenjak mengambil alih tugas-tugas Perumahan pada bulan Februari 1971, saya ingin memetik satu lapuran yang disediakan dengan kerjasama Jabatan Perangkaan.

Saya minta izin untuk membacakannya dalam bahasa Inggeris.

The 1970 Census of Housing revealed that there were 1,626,000 living housing units in West Malaysia. On the basis of the age distribution of the housing stock, calculations have revealed that approximately 68,600 units are constructed annually. This represents an annual increment of 4.3% to the housing stock in West Malaysia. Population has been increasing at approximately 3% per annum, and the replacement process accounts for the balance of new construction.

It will therefore be seen that the demand and supply position are in balance.

In the Second Malaysia Plan no estimate was made of the number of units that the country needs as no data existed. However, in the first two years of the Second Malaysia Plan, i.e. 1971 to 1972, some 19,700 units were constructed under the public sector housing programmes. Approximately 2,900 units were constructed with loans from the Federal Government by various State and local authorities. In addition, 1,700 units were constructed by the State Development Corporations. The Urban Development Authority, which was only established 2 years ago and has been in operation for a relatively short period, constructed some 50 units. The Federal Land Development Authority constructed during this period some 7,150 units. The Malaysia Building Society which utilises public funds financed the construction of approximately 7,900 units: In addition to

the units constructed by these agencies, private developers constructed approximately 25,000 units. The construction of quarters has ceased with the implementation of the Suffian Report except in remote parts of the country. However, the Syarikat Kemajuan Perumahan Kakitangan Kerajaan commenced construction in 1972 and was able to build some 66 units. Thus it will be seen that some 44,700 units were constructed in the first 2 years of the Second Malaysia Plan. These figures do not include units constructed by private individuals both in the urban and rural parts of West Malaysia. It will be seen that both the public and the private sectors have been jointly providing an adequate number of units to meet the nation's housing requirements.

The Government will continue to keep the question of housing under constant review and in this context the mid-term review of the Second Malaysia Plan will give due attention to this matter.

While generally adequate numbers of new units have been constructed to meet the demand arising out of the growth of population and for meeting replacement demand, it would appear that the existing stock of housing in this country needs upgrading. Significant numbers of housing units in the rural areas in particular do not have the basic amenities of pipe water, electricity and toilet facilities. Government will give attention to upgrading the quality of housing through provision of these amenities on a planned basis.

Selain dari itu, Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan telah membangkitkan perkara Rancangan Perumahan yang dijalankan di Kampung Haji di kawasan Majlis Bandaran, Taiping. Setahu saya tidak ada Rancangan Perumahan Awam yang akan dibina oleh Kerajaan Pusat atau pun ajensi-ajensinya di Kampung yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Daripada maklumat yang diberi kepada saya, Kerajaan Negeri sudah memberikan tapak-tapak rumah kepada orang-orang persaoangan yang sendirinya akan menjalankan pembinaan rumah untuk kediaman mereka sendiri. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, perkara pembahagian tanah bukanlah di bawah pajaan Kerajaan Pusat, bahkan ini adalah perkara dalam kuasa dan tanggungjawab

Kerajaan Negeri. Oleh hal yang demikian, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan soalan-soalan itu kepada Kerajaan Negeri.

### BUANG NEGERI

Ahli Yang Berhormat wakil dari Dato Keramat telah membangkitkan perkara mengenai orang-orang yang telah dikenakan Perintah Buang Negeri. Beliau telah menuduh Kerajaan menyalahgunakan Akta Buang Negeri, 1959 dan menyeru supaya mereka yang dikenakan Perintah tersebut dibebaskan. Mengikut peruntukan-peruntukan Akta tersebut Kerajaan berkuasa mengeluarkan Perintah Buang Negeri atau "Banishment Order" terhadap seseorang yang bukan warganegara Malaysia jika sekiranya Kerajaan berpuashati orang itu menjalankan apa juga kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara ataupun kegiatan-kegiatan jenayah yang mengancam ketenteraman awam. Pada masa ini ada sejumlah 90 orang yang telah dikenakan Perintah Buang Negeri yang sedang menunggu untuk dihantar balik ke negeri asal mereka. Dari jumlah tersebut seramai 70 orang telah dikenakan Perintah Buang Negeri oleh kerana mereka telah melakukan perbuatan-perbuatan jenayah yang kejam seperti merogol, memukul dan memerasugut (extortion), dan baki 16 orang lagi kerana menjalankan kegiatan-kegiatan sabversib terhadap negara ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengecam Akta Buang Negeri, 1959 sebagai "a relic of Colonialism and Imperialism" kerana mengikut beliau Perintah-perintah Buang Negeri yang dikeluarkan tidak boleh dilaksanakan. Bagi menjawab tuduhan tersebut maka saya ingin menegaskan bahawa Malaysia bukanlah negara yang tunggal di dunia ini yang mempunyai kuasa-kuasa membuang negeri bahkan semua negara-negara yang lain mempunyai kuasa-kuasa yang sama dengan tujuan mengusir orang-orang yang bukan warganegara demi menjaga kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam negara itu. Kerajaan juga berpendapat iaitu Akta tersebut masih diperlukan dan boleh dilaksanakan.

Ini terbukti dari angka-angka di mana sejak tahun 1966 sehingga tahun ini seramai

67 orang yang dikenakan Perintah tersebut telah dihantar balik ke negeri asal mereka:

#### Tahun

1966	...	...	...	10 orang
1967	...	...	...	8 orang
1968	...	...	...	5 orang
1969	...	...	...	8 orang
1970	...	...	...	9 orang
1971	...	...	...	11 orang
1972	...	...	...	11 orang
1973	...	...	...	5 orang

Kerajaan pada masa ini sedang giat berusaha untuk menghantarkan mereka itu balik ke negeri asal mereka oleh kerana mereka bukan warganegara-warganegara Malaysia dan tidak mempunyai sebarang hak untuk tinggal di negeri ini. Sementara menunggu Perintah tersebut dilaksanakan mereka tidak akan dibebaskan kerana Kerajaan mengangap mereka itu akan menjalankan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara dan akan mengancam ketenteraman awam jika dibenarkan terus tinggal di negeri ini.

Saya juga ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak pernah menyalahgunakan peruntukan-peruntukan Akta tersebut ataupun melaksanakan Akta tersebut dengan sewenang-sewenangnya. Perintah-perintah Buang Negeri adalah dikenakan cuma setelah pertimbangan dibuat dari segala segi dan setelah Kerajaan berpuashati iaitu mereka yang bukan warganegara itu akan merosakkan negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan Sarawak, Yang Berhormat Encik Stephen Yong, telah membuat teguran bahawa orang-orang yang belum dijatuhkan hukuman atau dipanggil "remand prisoners" di negeri Sarawak tidak mendapat apa-apa kemudahan seperti bahan-bahan bacaan ataupun dibenarkan menerima lawatan-lawatan daripada saudara-mara semasa di penjara. Beliau juga telah menyebutkan satu kes di mana seorang remand prisoner telah di tempatkan disebelah bilik orang yang telah dikenakan hukuman mati.

Bagi menjawab teguran-teguran yang telah dibuat, saya ingin menjelaskan iaitu mengikut Prison Rules Tahun 1953 Negeri Sarawak, ~~remand prisoners di penjara-penjara negeri~~

itu dibenarkan memakai pakaian sendiri, diberi kemudahan seperti membaca surat-suratkhabar tiap-tiap hari dan menerima lawatan daripada saudara-mara seminggu sekali, atau lebih jika perlu.

Mengenai kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin memaklumkan iaitu remand prisoner yang tersebut itu telah ditempatkan dibilik sebelah orang yang telah dijatuhkan hukuman mati oleh kerana kesempitan ruang dipenjara tersebut pada masa itu.

Disamping itu, saya juga ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu Kementerian ini sedang menimbang untuk membina sebuah penjara baru di Kuching bagi menggantikan penjara yang ada sekarang ini. Apabila penjara baru itu dibina maka masalah ruang penjara akan dapat diselesaikan.

Dalam ucapannya pada 19hb April, 1973, Ahli Yang Berhormat dari Kampar juga telah menyatakan bahawa permohonan untuk kebenaran polis bagi mengadakan rapat umum D.A.P. di padang permainan kanak-kanak, Jalan Brewster, Ipoh pada 19hb Mei, 1973 di antara 7.00 petang hingga 12.30 tengah malam telah ditolak oleh O.C.P.D. Ipoh melalui surat kepada Encik Tan Seng Tang, Setiausaha D.A.P. Cawangan Ipoh bertarikh 11hb April, 1973.

Saya akan membacakan surat O.C.P.D. Ipoh yang berbunyi:

"Izinkan saya merojok surat tuan bertarikh 26hb Mac, 1973, bersabit dengan perkara di atas. Permohonan tuan telah disemak dan ditibangkan dengan teliti oleh pejabat ini dan di dapati tempat untuk mengadakan rapat umum tersebut adalah tidak sesuai dari segi beberapa masaalah. Oleh yang demikian, dukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk mengadakan rapat umum di padang kanak-kanak Jalan Brewster tidak dapat diluluskan. Sayugia dinyatakan di sini bahawa tuan adalah dinasihatkan untuk mencari tempat yang lain untuk dipertimbangkan oleh pejabat ini. Sekian, dimaklumkan."

Melihat dari kandungan surat O.C.P.D. Ipoh itu nampaknya pihak DAP telah pun dinasihatkan supaya mencari tempat yang lain untuk pertimbangan semula oleh pihak yang berkuasa. Ahli Yang Berhormat dari

Kampar tidak pula menyebutkan tentang kandungan surat O.C.P.D. Ipoh yang meminta dirojok kembali permohonan dengan memilih tempat yang lain daripada padang kanak-kanak Jalan Brewster, Ipoh. Ini sengaja diperbuat oleh beliau untuk mengelirukan seolah-olah permohonan mengadakan rapat umum DAP itu terus ditolak dan ini nyatalah Ahli Yang Berhormat itu bersifat seorang yang suka memutar-belitkan sesuatu perkara dengan tujuan membuat fitnah yang bukan-bukan terhadap pihak yang berkuasa supaya dirinya diangung sebagai pejuang rakyat. Pada masa hadapan kelak hendaklah pihak rakyat berhati-hati jangan terpengaruh oleh seseorang yang bersifat tidak jujur seperti Ahli Yang Berhormat itu.

Di sini saya suka menyatakan, Tuan Yang di Pertua, iaitu dalam demokrasi tidak bermakna yang parti politik itu mesti mengadakan rapat umum tiap-tiap kali mereka suka. Sebab bagi sesuatu negara demokrasi yang bercorak berparlimen di dalam Parlimenlah parti-parti itu boleh membuat teguran, membuat satu usul untuk faedah negara dan rakyat jelata, bukannya dengan mengadakan rapat umum hendak mengasut rakyat jelata itu dikatakan demokrasi.

Atas soal orang-orang pelarian Filippina ke Sabah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab dengan luasnya.

Sekarang, Tuan Yang di Pertua, saya suka sebagai sifat saya Menteri Perdagangan dan Perindustrian sukalah mengambil kesempatan menjawab beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan harga barang-barang. Terlebih dahulu saya inginlah menegaskan iaitu seperti yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kerajaan Baginda sendiri turut memandang berat tentang kenaikan harga barang-barang terutama sekali kesannya kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat dari Kawasan Pulau Pinang Selatan menuduh pihak Kerajaan tidak bertindak tegas (very soft and lenient) terhadap pemborong dan pekedai-pekedai runcit yang mengambil untung yang berlebihan. Saya sukalah menegaskan iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telahpun membentangkan beberapa undang-undang baharu di Rumah yang berbahgia ini

khusus untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna. Di antara undang-undang yang baharu itu ialah Akta Perihal Dagangan yang bertujuan mengurangkan perbuatan-perbuatan yang tidak adil di kalangan peniaga terhadap pengguna dan terhadap peniaga-peniaga lain yang bertanding dengan mereka. Kita juga telah mengadakan satu undang-undang baharu mengenai timbang dan sukat yang bertujuan mengurangkan penggunaan alat-alat yang boleh disalahgunakan dan merugikan pihak pembeli. Dalam pada itu pihak Kementerian saya telah menguatkuasakan beberapa peruntukan di dalam Ordinan Kawalan Harga dan Akta Kawalan Bekalan untuk memesatkan lagi usaha-usaha melindungi pihak pengguna. Antara langkah-langkah ini, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ialah memerlukan peniaga-peniaga meletak tanda harga kepada 84 jenis barang-barang dan mengistiharkan 10 jenis barang sebagai barang kawalan dalam mana kebenaran Kerajaan diperlukan sebelum harga barang-barang tersebut dapat dinaikkan. Kita juga telah mengenakan syarat kepada semua kelulusan taraf perintis bagi perusahaan-perusahaan baharu supaya memerlukan kebenaran Kerajaan sebelum mereka boleh menaikkan harga barang-barang keluaran mereka. Saya ingin menegaskan tuduhan Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan mengatakan pihak Kerajaan tidak bertindak tegas terhadap pemborong dan peniaga kecil yang mengambil keuntungan yang berlebihan itu tidaklah benar. Semenjak ditubuhkan Bahagian Penguatkuasa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, seramai 215 kes melanggar undang-undang yang melindungi pengguna telah dapat dikesan. Pihak mahkamah telah menjatuhkan hukum ke atas 104 orang peniaga. Mereka telah didenda kesemuanya sebanyak \$44,105.00. Nampaknya pihak mahkamah sendiri turut memandang berat ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Ini dapat dilihat dari jumlah seluruh denda yang telah dikenakan dan juga dari jumlah denda yang dikenakan ke atas seseorang peniaga yang didapati salah. Ramai juga yang dikenakan denda sehingga \$3,000.00. Mahkamah juga telah memerintah supaya barang-barang bernilai \$34,445.00 dirampas dari peniaga-peniaga yang didapati salah itu.

Walau bagaimanapun, saya sukalah menggesa Ahli-ahli Yang Berhormat supaya janganlah menunggu sehingga Dewan ini

bersidang untuk membuat dakwaan atau laporan mengenai mereka yang melanggar undang-undang, akan tetapi mereka hendaklah memberitahu dengan secepat mungkin khususnya kepada Bahagian Penguatkuasa Kementerian atau pejabat-pejabat cawangan-nya ataupun di pejabat cawangan Kementerian di Sabah dan di Sarawak. Sayugia saya menyebutkan di sini bahawa orang ramai bolehlah juga melapur kepada pihak polis yang berdekatan untuk disampaikan kepada Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, keadaan inflasi yang terdapat di negeri-negeri maju telah membawa tekanan ke atas ekonomi negara-negara yang bergantung kepada pengimpotan barang-barang dari negeri tersebut, terutama sekali negeri-negeri sedang membangun. Malaysia, walau bagaimanapun telah dapat mengawal tekanan tersebut dan berjaya mengelakkan keseluruhan kenaikan harga. Mengikut Laporan Tahunan Bank Negara bagi tahun 1972, kenaikan harga barang-barang ialah pada purata 3.2% sahaja pada tahun 1972 berbanding dengan 1.6% pada tahun 1971. Ini tidak bermakna Kerajaan tidak sedar tentang adanya beberapa barang yang naik harga lebih dari kadar purata yang saya sebutkan ini.

Kejayaan Kerajaan untuk mengelakkan keseluruhan kenaikan harga ialah kerana dasar-dasar perusahaan yang menggalakkan kegunaan dengan sepenuhnya-penuhnya bahan-bahan dan tenaga tempatan ataupun melebihi "isian tempatan" atau "local content". Galakan-galakan adalah diberi kepada perusahaan-perusahaan yang menggunakan bahan tempatan dan oleh itu, jika ada kenaikan harga barang buatan tempatan, ini adalah selaras dengan kenaikan harga bahan-bahan yang diimpot oleh perusahaan tempatan.

Untuk memastikan bahawa pengguna-pengguna akan mendapat harga yang serendah-rendahnya, maka Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah menggalakkan penubuhan beberapa pengeluaran dalam sesuatu perusahaan supaya dengan adanya persaingan yang hebat, maka pengguna-pengguna akan mendapat munafaat berupa harga yang berpatutan. Selain dari itu, perusahaan-perusahaan yang diberi galakan berupa taraf perintis dan pengecualian cukai impot dan juga mereka yang

diberi perlindungan berupa perlindungan tarif dan kawalan impot, adalah dikenakan syarat-syarat bahawa mereka tidak boleh menaikkan harga dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada saya secara bertulis. Sebarang permohonan untuk kenaikan harga adalah dikaji dengan telitinya supaya kenaikan harga hanya dibenarkan di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Sebelum sebarang kenaikan harga diberikan kepastian adalah juga dibuat setakat mana kenaikan harga itu boleh ditanggung oleh pengeluar-pengeluar supaya kenaikan harga itu adalah berupa minima. Mereka ada juga dikenakan syarat apabila harga bahan-bahan itu turun maka harga barang-barang keluaran mereka mestilah diturunkan supaya seimbang dengan harga-harga bahan yang digunakan.

Bagi barang-barang keperluan tempatan pula, seperti gula di mana kenaikan harga itu akan melibatkan ramai penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah, maka Kerajaan juga memberi "subsidy" berupa pengecualian sebahagian cukai eksais untuk menstabilkan harganya. Andaikata, kenaikan harga itu hanya dibenarkan dalam keadaan yang memaksa sahaja dan Kerajaan adalah memastikan bahawa kenaikan harga itu berupa paling rendah atau minima.

Dalam usaha Kerajaan untuk mengelakkan sebarang kenaikan harga, Kementerian telah jua meneliti bahawa bekalan barang-barang itu adalah cukup untuk keperluan perusahaan tempatan. Jika perlu, larangan eksport adalah dikenakan seperti yang telah dikenakan ke atas tepung gandum, gula, makanan haiwan, cuka getah, bahan-bahan binaan seperti simen dan batang besi untuk memberi keutamaan kepada pasaran tempatan. Larangan eksport adalah juga dikenakan ke atas bahan-bahan untuk perusahaan tempatan seperti besi buruk untuk keperluan perusahaan besi waja, dedak dan abuk gandum dan beras, bahan ikan atau "fish-meal" untuk kegunaan perusahaan membuat makanan haiwan. Bahan-bahan ini adalah sangat kekurangan di pasaran dunia dan jika larangan eksport tidak dikenakan mungkin perusahaan tempatan tidak dapat mendapatkan bekalan, jika bahan-bahan ini dibenarkan diekspot. Apabila bekalan tempatan tidak juga mencukupi, Kementerian telah diberi peruntukan untuk mengadakan stockpile atau simpanan negara seperti yang telah dibuat tidak berapa lama dulu berkenaan dengan gula.

Untuk melindungi pengguna-pengguna daripada perbuatan seperti "hoarding", maka Kementerian telahpun meletakkan barang-barang keperluan di bawah kuatkuasa undang-undang Kawalan Bekalan atau "Control of Supplies Act", yang memberi kuasa kepada Kementerian untuk mencegah simpanan barang-barang atau sebarang perbuatan yang bertujuan untuk mengujudkan "artificial shortage". Kementerian bukan sahaja cuba mengelakkan monopoly di kalangan pengeluar-pengeluar, tetapi juga di lapangan pembahagian dengan menolong Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (S.E.D.C.) selain dari PERNAS untuk menjadi saluran tambahan bagi barang-barang yang pembahagiannya selama ini adalah bercorak monopoly. Keutamaan adalah diberi kepada barang-barang keperluan bukan sahaja barang-barang makanan, tetapi jua barang-barang keperluan lain seperti cuka getah, baja dan sebagainya.

Kerajaan adalah sentiasa mengkaji harga barang-barang tempatan dan segala langkah adalah dibuat untuk mengelakkan kenaikan harga barang-barang dengan apa kuasa dan pengaruh yang ada di tangan Kerajaan tetapi Kerajaan tidaklah ada berdaya untuk mengelakkan kenaikan harga barang-barang yang jatuh luar daripada kuasanya seperti kenaikan harga barang-barang yang diimpot yang tertaklok kepada pasaran dunia atau kenaikan harga dikenakan oleh negeri pengeluar seperti harga baja urea, barang-barang plastik, kain-kain dan bahan-bahan kain yang diimpot. Jika kenaikan harga ini adalah disebabkan oleh pasaran dunia, sebarang kelonggaran impot kota tidak akan memberi apa-apa terhadap mengurangkan harga selain daripada menambahkan bekalan di pasaran tempatan Pengecualian cukai impot yang berupa satu langkah sementara atau "temporary", adalah juga diberi dari masa ke semasa terutama apabila perusahaan tempatan tidak dapat membekalkan dengan secukupnya untuk mengelakkan kenaikan harga. Sebelum langkah-langkah ini dilaksanakan segala pertimbangan adalah diberi supaya kepentingan semua yang berkenaan termasuklah pengguna dan perusahaan tempatan tidak terancam.

Bagi barang-barang yang mana kenaikan harganya adalah disebabkan oleh keadaan pasaran dunia ataupun yang dikenakan oleh pengeluar, maka kenaikan harga barang-barang itu adalah tidak tertumpu kepada

Malaysia sahaja tetapi kepada semua negeri yang mengimpot barang-barang tersebut. Oleh itu, jika kita bandingkan harga barang-barang yang diimpot itu seperti Milo dan Ovaltine dengan harga-harga ini di negeri lain yang mengimpotnya, maka sudah tentulah harga di dalam negeri ini adalah seimbang dengan harga yang terdapat di negeri-negeri jiran yang mempunyai keadaan yang sama. Begitu juga harga barang-barang keluaran tempatan yang harga bahan-bahan diimpotnya telah mengalami kenaikan harga.

Jika harga sesuatu barang dinaikkan sewenang-wenangnya tanpa sebab-sebab yang menasabah, Kerajaan saya akan menimbang untuk menambah lagi jenis-jenis barang yang diistiharkan sebagai barang kawalan supaya dapat dikawal harganya.

Saya juga suka mengumumkan bahawa Kementerian saya sedang mengkaji masalah harga pada keseluruhannya bagi menyusun semula dasar dan taktik baru jika perlu bagi mengawal hal keadaan harga barang-barang, terutama barang-barang keperluan. Ini ialah oleh kerana Kerajaan sedar tentang kesusahannya yang akan dialami oleh orang ramai jika keadaan inflasi dunia terus berlarutan dan mengancam taraf hidup kita di Malaysia. (*Tepuk*).

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in the first place I would like to thank all those Honourable Members who paid tributes to the Treasury in respect of its financial management. I can assure them that we in the Treasury appreciate those sentiments and will continue to do our best to deserve them.

The Honourable Member for Bukit Bintang accused the Government of interfering with the lending operations of the commercial banks. I feel that "interference" is too strong a word because it is one of the functions of Bank Negara to intervene when such intervention is called for. At that time there was excessive speculation in the stock market, and in such a situation, Bank Negara only did its duty in advising commercial banks to be more discriminating when lending for speculative purposes. Furthermore, its good intentions could not be disputed because it was rather worried that too many small people were speculating in stocks and shares too recklessly and hence might get their

fingers burnt. It should however be noted that this advice was withdrawn when the share market dipped.

The Honourable Member also referred to "unscrupulous manipulations" in the share market. The Securities Industry Bill which we hope will receive the blessing of Parliament during its present session should go some way towards contributing to a solution of this problem, but it should be remembered that, in the last analysis, those dealing in stocks and shares should exercise their judgment better and not be misled by those who have an axe to grind. In short, they must also learn to take care of themselves.

The Honourable Member for Tanjong seems to be labouring under considerable confusion, putting the most charitable interpretation on his speech. Linking the problem of imported inflation with the rise in our reserves and the strength and stability of the Malaysian dollar indicates that he does not understand the matter at all. For example, the Japanese yen, the German mark and the Swiss franc are three of the world's strongest currencies and yet their rate of inflation, standing at between 6½% and 7% per annum is about double what we recorded last year. Furthermore, foreign exchange reserves in the first two named countries rose by about 19% and 27% respectively in 1972. It will therefore be seen that there is no immediate connection between inflation on the one hand and the foreign exchange reserves and the strength or otherwise of a particular currency on the other. In short, even countries with the strongest currencies in the world cannot always avoid domestic inflation, let alone that of the imported variety. This is particularly the case for a country with an economy as open as ours, with imports amounting to 30% of GNP.

As I have explained previously, the Government's decision to maintain the gold parity of the Malaysian dollar, thus effectively revaluing vis-a-vis the U.S. dollar, was prompted partly by our desire to minimise the effects of imported inflation, bearing in mind, for example, that imports of capital equipment from Japan would have cost far more as it is our main supplier of such goods, had we taken the opposite step. Frankly, I must admit that I do not quite understand what the Honourable Member

has in mind even though I have read that part of his speech more than once. I cannot help feeling that he himself is confused.

Further on in his speech, he launched a stinging attack on sales tax, implying at the same time that it was largely responsible for the rather higher rate of inflation which we experienced last year. He even went so far as to suggest that this tax should be repealed. Firstly, as he himself is aware, or he should be aware, this year we are running an overall deficit of \$1,000 million. This is by no means chicken feed, and if we repeal this major source of revenue, I would like to ask him where the money for development is to come from? On the other hand, he himself has been pestering the Federal Government for more and more money to implement some of his pet schemes in Penang. In his capacity as the Chief Minister of Penang he has sought and has obtained considerable financial assistance from the Federal Government. Loans outstanding from Penang amounted to \$70 million as at 25th February, 1973. It therefore appears that he would like to have his cake and eat it at the same time! He expects the Federal Government to finance Federal and State development projects in Penang on a bigger and bigger scale with each year that passes and yet he would like at the same time to deprive it of its major source of revenue. In fact, he has asked for staggering sums, far more than any other State, and I hope he is not peeved and has chosen to react accordingly because he has not been able to get the moon. I therefore cannot help but regard his criticism on this score as highly irresponsible.

This Honourable Member should at least try to be fair when criticising the Federal Government. To begin with, he conveniently forgot that about 300 categories of items—not 300 items but 300 categories of items—and they largely consists of essential food-stuffs, have been exempted from sales tax. Indeed all food items, and they form nearly 50% of the consumption expenditure of the average household, as shown in the latest Consumer Price Index published by the Department of Statistics, are exempted from sales tax. The increases which have occurred in the prices of those items are therefore largely due to profiteering on the part of traders or to the higher prices of imported raw materials required for the manufacture of industrial products. Another key consump-

tion item, fuel, which includes charcoal, kerosene and electricity, is exempted from sales tax. Neither is it fair to blame the Government when traders put up the prices of goods liable to sales tax by more than the amount of tax collected on such goods. That is why the Government is examining the desirability, as I informed this House last week, of reducing the tariff protection and liberalising the import quotas of goods whose prices have been excessively increased.

Last but by no means least, it is universally acknowledged that the remedy for inflation is not less but more taxation. The reason for this is simple. Inflation occurs as a result of too much money chasing too few goods. In such a situation, it is clearly necessary to reduce the amount of money available to the public and one of the ways of doing this is to increase taxation. Would the Honourable Member for Tanjong agree to this? If he disagrees, must we conclude that he knows more about finance than all the finance ministers, central bankers and money men of the world put together, because no one who knows anything about finance in the whole wide world disputes the validity of this maxim. If he does dispute this maxim, then he is clearly talking complete rubbish.

In so far as inflation is concerned no one has disputed the fact that we have done better than any other country in the world. This fact is unchallenged and unchallengeable, and yet we have been blamed for performing better than any other country in the world. To say the least, one can only regard those who criticise us in this respect as vicious and malicious.

The Honourable Member for Payang wanted annual licence fees for buses and taxes on petrol for outboard motors to be reduced. The licence fees for buses and import duties on petrol in Sarawak are already lower than those in West Malaysia. However, if the Honourable Member feels that these taxes should be reduced further, I am prepared to consider these suggestions if he is also prepared to forego the revenue from these sources which, under the present constitutional arrangements, accrue to the State.

In regard to the appeal for a reduction in import duty on marine diesel engines, I do not see any reason why the duty should be reduced because at present there are already

several companies in West Malaysia producing such engines which can be imported into East Malaysia without having to pay import duty. The Honourable Member may wish to know that in the case of ships built for export the diesel engines which are installed in such ships may be imported duty free, subject to application being made to the Federal Treasury.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang-Lupar merayu supaya Majlis Amanah Rakyat mengeluarkan lebih banyak pinjaman untuk membantu peniaga-peniaga bumiputra di Sarawak.

Adalah menjadi dasar MARA untuk membantu peniaga-peniaga bumiputra bukan sahaja di Malaysia Barat, tetapi juga di Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak. Untuk tujuan itu pihak MARA telah menetapkan iaitu bagi pinjaman \$2,000 ke bawah untuk perniagaan dan \$3,000 untuk kerja-kerja kontrak maka pegawai MARA Negeri adalah diberi kuasa untuk meluluskan pinjaman-pinjaman itu.

Selain daripada itu pinjaman setakat \$5,000 ke bawah dengan cagaran penuh boleh juga diluluskan oleh Pegawai MARA Negeri. Selain daripada itu, cek-cek juga akan dikeluarkan di tiap-tiap negeri untuk menyegerakan mereka itu mendapatkan wang pinjaman. Pinjaman \$5,000 ke atas akan dikeluarkan atau disalurkan ke Ibu Pejabat MARA di Kuala Lumpur untuk mendapatkan kelulusan, akan tetapi bayaran pinjaman tersebut akan dibuat di peringkat negeri juga. Cara ini adalah akan dapat menambahkan bilangan pinjaman-pinjaman dengan kadar masa yang singkat. Misalnya dalam tahun 1971 bilangan pinjaman mengikut jenis perusahaan adalah seperti berikut:

1. Pinjaman kerana Perumahan	...	...	27	pinjaman	\$ 93,800
2. Pinjaman untuk Pemborong	...	...	5	„	19,400
3. Pinjaman untuk Perdagangan	...	...	128	„	354,800
4. Pinjaman untuk Pengangkutan	...	...	21	„	106,300
Jumlah	...	...	181	„	\$574,300

Dalam tahun 1972 angka-angka ini telah meningkat, di mana didapati pemohon-pemohon telah meningkat kepada 271 pinjaman, yang mana bilangannya meningkat dua kali ganda sebanyak \$1,063,650.

Daripada keterangan-keterangan yang saya sebutkan tadi jelaslah menunjukkan MARA sentiasa ingin menolong peniaga-peniaga bukan sahaja di Malaysia Barat, tetapi juga di Malaysia Timur. Memandangkan kepada bertambahnya bilangan rakyat negeri itu yang hendak menceburkan diri dalam lapangan perniagaan, MARA akan memperkuat dan memperbesarkan lagi pejabatnya di kedua-dua negeri tersebut.

Yang Berhormat dari Seberang Utara menyatakan perasaan sangsinya tentang kejayaan syarikat serbaguna yang telah dilancarkan di negeri ini. Saya suka memberikan penjelasan setelah dijalankan siasatan yang mendalam di atas perjalanan syarikat-syarikat kerjasama pada keseluruhannya, Jabatan Kemajuan Kerjasama telah mencapai keputusan memberikan keutamaan kepada perkembangan syarikat-syarikat serbaguna yang menjalankan semua tugas-tugas pinjaman, memproses dan memasarkan. Dengan adanya tugas-tugas yang berjalan, syarikat-syarikat serbaguna telah dapat menyelaraskan usaha-usaha mengadakan hubungan dan sokongan di antara satu tugas dengan tugas yang lain, menyatukan tumpuan tenaga, mengarah dan mengatur punca-punca modal dan harta pekerja-pekerja dan pakar-pakar. Syarikat-syarikat serbaguna di Malaysia Barat pada keseluruhannya mendapat kejayaan yang cemerlang. Sebagai buktinya pada akhir tahun 1972 ada terdapat 570 buah syarikat serbaguna yang mempunyai 18,299 orang ahli, dengan modal saham sebanyak \$8,000,000 dan jumlah kumpulan wang sebanyak \$26,000,000. Sukacita juga saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Jabatan Kemajuan Kerajaan sedang merancangkan projek-projek yang boleh disertai oleh syarikat-syarikat secara berkongsi di antara syarikat-syarikat di dalam bandar dan di luar bandar. Dengan cara demikian jumlah kumpulan wang syarikat yang dalam bandar sebanyak \$386,000,000 akan dapat digunakan bersama untuk faedah semua ahli-ahli syarikat di luarbandar dan juga di dalam bandar.

Yang Berhormat dari Kota Star Selatan telah menimbulkan soal perjalanan Kelas-kelas Pembangunan Masyarakat atau nama

rengkasnya KEMAS. Soal memperkemas kelas-kelas kemajuan masyarakat supaya disesuaikan dengan konsep Kerajaan Campuran tidak timbul, kerana semenjak Kerajaan mengadakan Rancangan Kemajuan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa dalam tahun 1961 kelas-kelas atau perkhidmatannya adalah terbuka kepada semua rakyat, khasnya mereka yang di luar bandar. Semenjak tahun 1970 dasar Kerajaan mengenai kemajuan masyarakat adalah tegas, iaitu dengan tujuan untuk menukarkan sikap masyarakat supaya lebih cenderung kepada kemajuan dan lebih sedia serta berkebolehan untuk menyambut dan mengambil bahagian cergas dalam perkembangan pembangunan ekonomi, sosial dan politik. Segala aktiviti yang dijalankan di bawah Rancangan Kemajuan Masyarakat adalah bermenaafaat kepada masyarakat dan dengan itu wang yang dibelanja bagi mencapai matlamat tersebut tidaklah sia-sia.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Melaka Selatan, di mana beliau meminta supaya Kementerian ini dapat berhubung rapat dengan Kementerian Pelajaran bagi menggalakkan murid-murid sekolah membuka syarikat kerjasama di sekolah masing-masing. Yang sebenarnya, Kementerian ini memang telah menggalakkan penubuhan syarikat kerjasama di kalangan murid-murid sekolah dari semenjak beberapa tahun yang lalu. Sehingga hari ini sebanyak 52 buah Syarikat Kerjasama Murid-murid Sekolah telah didaftarkan dengan modal yang dianggarkan berjumlah \$124,000. Sekolah-sekolah menengah boleh menubuhkan syarikat kerjasama bagi murid-muridnya setelah mendapat kebenaran daripada Pendaftar Syarikat-syarikat Kerjasama. Pada masa yang telah lalu hanya beberapa buah sekolah sahaja yang dibenarkan menubuhkan syarikat sebagai percubaan, tetapi disebabkan didapati ada tanda-tanda mereka boleh berjalan menjalankan dengan maju, maka Kerajaan telah membenarkan semua sekolah-sekolah menengah menubuhkan syarikat kerjasama dengan syarat mendapat kebenaran daripada Jabatan Kerjasama.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan di bawah perkara-perkara Kementerian Perhubungan.

Tuan Yang di Pertua, pertama sekali saya suka menerangkan kepada pihak Yang Berhormat, terutama sekali Yang Berhormat dari Datok Kramat yang menyentuh berkenaan dengan sistem pengangkutan di bandaraya Kuala Lumpur ini. Yang Berhormat tentulah telah mendengar jawapan saya bagi pihak Kerajaan Persekutuan telah pun mengadakan suatu pasukan pakar-pakar yang hendak menyiasat perkara ini dan selagi kita belum menerima lagi perakuan-perakuannya kita harap tidak lewat daripada bulan November yang akan datang ini baharulah kita dapat melihat apa yang akan dilakukan dan apa cara sistem dan apa cara pengangkutan, kerana kalau hanya kita main agak-agak sahaja, kita main fikiran cuba, tentulah tidak sesuai nanti, boleh jadi hendak membaiki keadaan perhubungan ataupun pengangkutan ataupun lalu-lintas yang ada di Kuala Lumpur ini daripada lebih baik barangkali lebih kecoh lagi. Buat sementara ini dengan ada peraturan sementara nampaknya ada lega sedikit, tetapi ini hanyalah peraturan buat sementara sahaja, dan pihak Kerajaan dan pihak City Hall bekerjasama dengan rapatnya mencari jalan hendak membaiki berkenaan dengan sistem, cara-cara jalannya dan cara-cara pengangkutan untuk bandaraya Kuala Lumpur ini.

Berkenaan dengan banyak juga rungutan-rungutan berhubung dengan Talipon Operator, terutama sekali Yang Berhormat dari Temerloh dan yang lain-lain, barangkali juga telah meminta trunk call ataupun hendak menyambung line, kadang-kadang line itu ada satu ada dua, kerana otomatiknya belum lagi dapat disempurnakan. Ini memakan waktu dan memakan belanja juga. Oleh kerana itu saya mintalah kepada mereka itu bersabar dan daripada pihak Talikom, kita telah memberi nasihat dan kita telah juga memberi amaran keras, sekiranya setengah-setengah operator barangkali maklumlah operator ini ramai dan tiap-tiap sehari barangkali lebih daripada 50,000 call, maka tentulah ada seorang atau dua orang barangkali penat bekerja, ada barangkali suara yang kasar ataupun line diberi nombor yang lain. Maklumlah mesin ada juga silap kadang-kadang. Kejadian-kejadian itu kita minta maaf, tetapi kita akan perbaiki dan bagaimana Yang Berhormat dari Temerloh mengatakan kadang-kadang beliau dengar dia bercakap sesama dia apabila kita hendak minta nombor tidak diberi. Kalaulah ada cara yang seperti itu tolonglah berhubung

terus, samada dengan Ketua Pengarah (Director-General) kalau ia tidak ada kepada Timbalannya, kalau ia tidak ada kepada Controllernya, kalau tak ada kepada Setiausaha Politik atau kepada saya sendiri, beritahu waktunya haribulannya, kami boleh menyasiat dan kalau betul kita akan ambil tindakan supaya tidak banyak lagi jadi seperti itu. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dengan operator atau teknisyen bertengkar dan bergaduh kerana kadangkadangkang teknisyen dia tak tahu kesah operator. Dia tak tahu berapa junction yang ada dan apabila 8 orang bercakap, junctionnya ada 8 terpaksa kita menunggu juga. Jadi bukan salah operator, bukan salah teknisyen tetapi orang yang bercakap lambat, jadi kalau lambat kenalah kita tunggu.

Saya sebagai Menteri faham dan tahu telah memberi arahan sekiranya line itu banyak orang hendak pakai, line yang meyambungkan sedikit, kita beri arahan tak menunggu lebih daripada 15 minit. Jadi sesiapa yang hendak bercakap lebih dahulu beritahu: tuan dibenarkan bercakap tak lebih daripada 6 minit, tarik soketnya itu, kerana lepas itu banyak orang hendak bercakap dia boleh sambung balik, kerana hendak beri orang lain pula bercakap. Itulah yang kami boleh buat tetapi yang mana ada soket, ada operator, tetapi yang automatik ia dial terus. Jadi selagi ia bercakap kita tak boleh hendak buat apa-apa, cuma saya merayu kepada orang ramai supaya ia bercakap di talipun janglah bercakap panjang-panjang— $\frac{1}{2}$  jam atau 1 jam, ini menganggu kepada orang-orang lain yang hendak menggunakan line itu.

Saya berharap berkenaan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat dari Temerloh itu memanglah kita hendak jadikan automatik, kalau tak salah saya sudahpun dibina bangunannya, ini memakan belanja sebanyak \$770,000 dengan alat-alatnya dan kita harap dalam akhir tahun 1974 ataupun awal tahun 1975 akan disempurnakan kita akan dapat mengadakan sistem automatik di kawasan-kawasan itu.

Berkenaan dengan syor tersebut suka saya menyatakan bahawa untuk membaiki lagi perkhidmatan talipun di kawasan Mentakab yang meliputi Temerloh, Mengkarak, Kriang, Lancang, Jerantut, Kuala Kurau, Kampung Awar dan Kampung Chenoh, ibusawat Mentakab dan sekarang ini mengandungi hanya 400 line akan dijadikan ibusawat

otomatik yang mengandungi 1,000 line iaitu group centre exchange dengan kemudahan subscriber trunk dialing iaitu automatic dialing kesemua ibu-ibusawat di kawasan itu dan sebuah bangunan yang saya katakan tadi telahpun mula dibina. Sebagai pengetahuan Ahli Yang Berhormat bukan sahaja berkehendakkan wang, tetapi menghendakkan waktu 3 tahun hendak membina sebuah exchange ini kerana bangunannya sekurang-kurangnya 18 bulan sampai 2 tahun dan memasang alat-alat ini juga seperti cable dan lain-lain itu semua sekali dicampur memakan masa dalam 3 tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh juga meminta supaya Buku Panduan Talipun dihantar kepada pelanggan-pelanggan melalui pos, tetapi benda ini banyak—berpuluh ribu hendak dibungkus posman pun tak sanggup hendak hantar ke luar bandar. Dalam bandar tak menjadi soal kerana sesiapa yang membayar duit talipun subscriber ia ambil sendiri. Saya harap kalau tempat Ahli Yang Berhormat barangkali jauh di luar-luar bandar kalau boleh berhubung dengan Controller, van yang pergi ke tempat itu boleh sampaikan kepada tempat-tempat yang dikehendaki. Kalau dihantar dengan pos boleh jadi lagi lambat sampainya dan lagi menyusahkan pegawai dan kakitangan pos kerana terlampau banyak kerja-kerja lain.

Ahli Yang Berhormat dari Sabah Dalam juga meminta supaya perkhidmatan talipun ke daerah-daerah yang sukar dihubungi di Negeri Sabah diperluas dan diberikan keutamaan. Ini memanglah polisi Kementerian Perhubungan memberi keutamaan kepada orang-orang yang di hulu-hulu yang susah. Berhubung dengan permintaan ini saya suka menyatakan bahawa ibusawat di Keningau sekarang ini iaitu rural automatic exchange yang mengandungi 150 line diperbesarkan menjadi automatic group switch centre yang mengandungi 600 line untuk memberi perkhidmatan di Tenom, Pesiangan, Tambunan dan Bengko. Sebuah bangunan yang baharu untuk ibusawat tersebut sedang dibina dan adalah dijangka bahawa projek ini akan diselesaikan pada akhir tahun 1974 ataupun awal tahun 1975 yang dianggarkan memakan belanja \$680,000.

Mengenai dengan soalan berkenaan tambang kapal terbang MAS daripada Malaysia Timur ke Malaysia Barat yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari

Miri-Subis, saya ingin menyatakan bahawa struktur tambang MAS adalah berdasarkan kepada struktur tambang MAS yang telah ditetapkan hasil daripada satu kajian yang mendalam yang dibuat pada tahun 1968. Adalah menjadi tujuan MAS untuk mengkaji semula struktur tambang ini dari semasa kesemasa. Tetapi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat dari Malaysia Timur, kita mengucapkan sebanyak terima kasih kerana menggunakan MAS, kerana tak ada kapal-terbang lain daripada Malaysia Timur ke Malaysia Barat, yang terus ialah MAS. MAS baharu berkhidmat belum pun setahun, sekurang-kurangnya apabila mereka telah berkhidmat setahun kita akan semak balik bagaimana keadaannya kerana MAS sekarang berjalan sendiri. Pada masa dahulu M.S.A. bersama-sama dengan Singapura dan masa dahulu M.S.A. juga ada membuat penerbangan internasional. Jadi ada untung international dan regional boleh lagi ditokok pula yang domestic yang dekat-dekat tetapi sekarang MAS sendiri yang terbang belum pun setahun jagung. Jadi sabar dahulu tetapi walau macam mana pun saya memberi pengakuan di sini telah pun diiktikarkan dengan cara "golden holiday" selama satu minggu dari Kota Kinabalu ataupun dari Kuching makan angin ke Malaysia Barat ini termasuk tambang pergi-balik dengan hotel dibayar dalam \$391, kalau tak salah saya, tetapi kita tak dapat 96 orang tiap-tiap seminggu sekali, jadi ditangguhkan dahulu.

Perkara ini sedang kita siasat balik dari satu cara mendapatkan cara beramai-ramai, cara seminggu atau tiga hari itu sedang selidiki tetapi berilah peluang dahulu, takut-takut kalau kita mula dengan harga yang paling murah kemudian rugi, jadi MAS sebuah syarikat perniagaan hanya yang di modali oleh Kerajaan, tetapi MAS bertanggungjawab kepada Kerajaan, bertanggungjawab kepada rakyat yang syarikat ini tidak rugi. Itulah saya minta sabar sementara kita sedang mengatur langkah-langkah ini.

Tuan Yang di Pertua, benarkan saya menjawab tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat dalam bahasa Inggeris supaya jangan keliru supaya dapat text ini direpot juga dalam bahasa Inggeris, kerana saya takut dia salah faham.

(*Dengan izin*) I refer to the criticisms levelled at MAS by the Honourable Member for Dato Kramat. He sarcastically commented

that I was over-irritated and sensitive about comments by the people on MAS. We accept the fact that MAS is our National Airline, but we must also accept the fact that MAS is neither a Government Department nor a statutory body. It is a public company registered under the Companies Act of 1965 and the relationship of the Government with the Company is that of a shareholder. I would like to emphasise that we, the Alliance Government, welcome constructive criticism, but not wild and irresponsible statements. The Honourable Member for Dato Kramat is very fond of making wild and unfounded statements, more often at the expense of others who have no chance to defend themselves because the statements were uttered under the cover of the privilege of this House.

The Honourable Member for Dato Kramat stated that MAS purchases currypuffs for thirty cents each whereas it should cost only five cents each. The MAS would be quite willing to buy currypuffs of the same quality from the Honourable Member—he is not here, though, to answer this—if he could produce such currypuffs at five cents each—I think even, a *masalavadai* costs ten cents now. MAS has endeavoured to supply local Malaysian cakes on their services instead of the usual open-faced sandwiches and western cakes, but it has been difficult for MAS to get a good supply of Malay cakes and they have been trying out a number of cake-makers. From their experience they have found that it was neither practical nor commercially sound to invite tenders in the normal way because of the inconsistency of the quality of the Malaysian cakes produced locally on a commercial basis. The present cake supplier supplies not only currypuffs but other Malay cakes as well, and it is the practice of MAS to change from time to time the types of food to be served in the aircraft. The supply of currypuffs has already been stopped. Why waste the time of this Honourable House? He should have found out the position first before he commented on it here in this House.

The Honourable Member also made some observations regarding MAS aircraft cleaning service alleging that no tender has been called for the service. MAS has explained that it is not true that up to the 30th of September, 1972 the cost of cleaning of aircraft was \$6 per aircraft but that on the operation day, 1st of October, 1972, it

continued to use the services of the M.S.A. contractor on the same terms and conditions except that the contractor was asked to do additional items with a high standard of cleaning as MAS has its base in Kuala Lumpur as opposed to M.S.A. which was based in Singapore.

The cost was between \$20 to \$24 per aircraft. It was found that the services of the contractor were unsatisfactory, and on the 12th of March, 1973 the contractor was served with a notice of termination commencing from 31st March, 1973. However, on receipt of such notice, the contractor immediately ceased to carry out the cleaning work and MAS had no choice but to negotiate immediately with another contractor; and the new contractor agreed to do the work at between \$19 to \$21 per aircraft which is, in fact, lower than the previous contractor's quotation. It was agreed that the new contractor be asked to do the work for three months, after which the work would be tendered out. It should be noted that the cleaning of aircraft is a specialised type of work, and there are not many contractors in this country who could do such a type of service.

What is important here and what I would like to stress is that the Honourable Member for Dato Kramat has made certain allegations on certain staff of MAS calculated to disparage their reputation by casting reflections on their character. This is indeed very regrettable, and these people are not in a position to defend themselves because the statement made by the Member for Dato Kramat was a privileged statement. If the Honourable Member for Dato Kramat is sincere about his remarks and knows the facts, he should have no fear in making the allegation outside this House, so that these people would be able to defend themselves accordingly.

The Member for Dato Kramat also mentioned that on the 23rd of March, 1973, the *Straits Times* published some reports about the profit made by MAS and asked whether or not the statement about the profit was an attempt to mislead and hookwink members of the public I wish to state that unlike the Honourable Member for Dato Kramat, MAS and the Government are not in a habit of misleading and hookwinking members of the public. Whatever statements issued by the

Government or MAS are statements reflecting the true situations of the case.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas cadangan-cadangan serta perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya ketika membahaskan Titah Diraja di Dewan ini dalam beberapa hari yang lalu.

Sebelum saya menjawab dengan teliti di atas perkara-perkara tersebut, inginlah saya memberi penerangan secara umum yang berkaitan dengan beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah dan akan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memperbaiki jalanraya-jalanraya yang ada sekarang dan juga untuk membina beberapa buah jalanraya yang baru bagi memudahkan rakyat di dalam negara ini berhubung di antara satu tempat dengan tempat yang lain ataupun mengurangkan kesesakan yang dialami oleh kerana bilangan kenderaan yang bertambah setiap hari. Pembinaan jalanraya ini juga bertujuan untuk membuka tanah-tanah baru serta mengeluarkan hasil-hasil yang belum dikeluarkan untuk mengukuhkan lagi ekonomi serta memperbaiki taraf hidup rakyat Negara kita. Sebagai contoh boleh saya sebutkan di sini ialah pembinaan Leboh Raya Timur/Barat serta Leboh Raya Kuantan/Segamat dan lain-lain leboh Raya lagi yang sedang dilaksanakan.

Dengan kadar pembinaan jalanraya yang ada sekarang ini, saya yakin bahawa dalam masa 5 atau 6 tahun lagi, kita akan mempunyai sistem jalanraya yang lebih bermutu di Semenanjung Malaysia ini. Manakala di Sabah dan Sarawak pula, yang mana usaha-usaha yang sedemikian rupa kurang dilaksanakan di waktu penjajahan dahulu, satu sistem perhubungan jalanraya yang baik dalam 2 negeri ini akan didapati dalam masa kira-kira 8 hingga 10 tahun yang akan datang. Kementerian saya dari masa ke semasa sentiasa merancang, mengkaji dan melaksanakan projek-projek khusus untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan pengangkutan jalanraya yang ada di Negara ini supaya setaraf dengan Negara-negara yang maju.

Mengenai Rancangan Bekalan Letrik Luarbandar, Kerajaan Pusat bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, Lembaga Letrik Negara (LLN) Lembaga Letrik Sabah (LLS) dan SESCO akan membelanjakan sejumlah \$65.78 juta untuk menyampaikan bekalan letrik ke kawasan luarbandar di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua. Rancangan-rancangan ini apabila siap kelak akan memberi kemudahan kepada beribu-ribu keluarga serta pengguna-pengguna di seluruh Malaysia ini. Walau bagaimanapun dalam melaksanakan projek-projek ini, saya sekali lagi merayu supaya kerjasama-kerjasama dapat diberikan kepada Kementerian saya dari semua pihak. Kerjasama dari orangramai ini adalah juga memainkan peranan untuk mempercepat atau memperlambatkan projek-projek ini. Pada fikiran saya, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini adalah di antara pemimpin-pemimpin yang boleh memainkan peranan yang penting untuk memberi penerangan tentang perlunya kerjasama yang seumpama ini.

Tuan Yang di Pertua, izinkanlah saya menjawab beberapa kemuskilan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tempoh hari. Tetapi walau bagaimanapun tidak banyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan berhubungan dengan Kementerian saya pada kali ini. Ini saya fikir, telah menunjukkan satu pertanda yang baik yang mana tuan-tuan sekalian telah berpuas hati terhadap kemajuan-kemajuan yang telah Kementerian saya laksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah membangkitkan soal kurangnya penyelarasan di antara Jabatan-jabatan dalam pembinaan jalanraya yang mana menyebabkan keadaan-keadaan yang kurang menyenangkan berlaku pada jalanraya-jalanraya terutama di bandar-bandar. Kementerian saya adalah sentiasa bekerjasama dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain yang menggunakan jalanraya sebagai tempat untuk meletakkan perkhidmatan-perkhidmatan mereka seperti paip air, kebel letrik dan talipon dan disebaliknya pula kerjasama dari Jabatan-jabatan yang berkenaan juga adalah memuaskan. Tetapi walau bagaimanapun kadangkala perkara-perkara yang seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini tidaklah dapat dielakkan kerana sebab-sebab teknikal yang sukar diatasi. Mengenai jambatan di Sungai Dungun pula tindakan-tindakan

sedang diambil untuk memperkuat jambatan-jambatan ini supaya ia tidak menjadi merbahaya.

Ahli Yang Berhormat dari Sabah Dalam telah meminta Kementerian saya mengkaji pembinaan jalanraya di antara Kota Kinabalu dengan Sandakan dan di antara Kota Kinabalu dengan Keningau. Pada umumnya lebohraya timur/barat yang menghubungi Kota Kinabalu dengan Sandakan ini sudah pun boleh dilalui oleh kenderaan. Kajian kemungkinan jalanraya di antara Kota Kinabalu dengan Ranau sedang dijalankan pada masa ini oleh sebuah Pakar Perunding luar negeri. Cadangan ini adalah untuk melengkapkan lebohraya timur/barat ini yang pada masa ini pembinaannya sudah pun tiba ke Ranau. Sementara itu kerja mengasfal jalan ini sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Jalanraya di antara Tambunan dan Keningau adalah jalanraya Negeri dan tindakan sedang diambil untuk menimbangkan permohonan Kerajaan Negeri supaya jalan ini diambil oleh Kerajaan Pusat. Sementara itu cadangan bagi membina jalanraya yang menghubungkan antara Lamag dengan Lahad Datu perlulah mendapat kajian kejuruteraan yang teliti sebelum dilaksanakan. Namun demikian kerja-kerja telah pun dilakukan bagi membina satu jalanraya sehingga ke Bukit Garam dari 32 Sandakan.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok, Batang Lupar, Limbang Lawas dan Sandakan telah menimbulkan lagi soal-soal pembinaan jalan-jalan raya kecil di luarbandar. Saya telah berkali-kali menyebutkan hal yang sama dalam Dewan ini tempoh hari tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat ini masih tetap menimbulkan perkara ini. Kementerian saya hanya bertanggungjawab terhadap pembinaan serta penyenggaraan jalanraya-jalanraya yang besar yang menjadi penghubung di antara negeri, daerah serta pusat-pusat yang mempunyai aktiviti-aktiviti ekonomi yang memberi sumbangan kepada Negara. Jalan-jalan raya kecil (feeder roads) pula adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan hal ini tidaklah menasabah kalau ditimbulkan di dalam Dewan ini istimewa pula kalau dikaitkan dengan Kementerian saya. Saya menyerulah sekali lagi supaya di masa-masa hadapan jika ada perkara-perkara yang seperti ini, silalah berhubung terus dengan Kerajaan Negeri masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok juga telah merasa muskil mengenai bayaran yang tinggi yang dikenakan oleh SESCO bagi bekalan letrik di Sarawak. Saya telah pun memberi jawapan kepada soalan ini pada 20-4-73 yang lalu dan diharap Ahli Yang Berhormat silalah merujuk kepada jawapan itu. Beliau juga menibulkan bahawa Kerajaan pada tahun ini telah memberhentikan rancangan bekalan letrik luarbandar di Sarawak. Saya merasa hairan, dari manakah Ahli Yang Berhormat ini mendapat punca yang sedemikian rupa pada hal kalau saya tidak silap Ahli Yang Berhormat ini turut serta dalam membahaskan perbelanjaan Kementerian saya di awal tahun ini yang mana di waktu itu peruntukan sebanyak \$1.2 juta telah diuntukkan bagi rancangan-rancangan bekalan letrik luarbandar di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kedua dan sebanyak \$400,000 akan disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun ini juga. Saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat itu menyiasat dahulu sebelum menyuarakan satu-satu perkara supaya hal-hal yang tidak menasabah seperti ini tidak ditimbulkan lagi di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara pula menyuarakan tentang jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan Persekutuan yang tidak diperbaiki yang mana menyebabkan kemalangan-kemalangan. Sebagaimana yang telah saya sebutkan di awal-awal tadi, bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan satu sistem pengangkutan jalanraya yang memuaskan di negeri ini. Di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini kira-kira sejumlah \$600 juta telah diuntukkan bukan saja bagi pembinaan jalanraya-jalanraya yang baru tetapi juga untuk menyenggara serta memperbaiki jalan-jalan yang ada sekarang. Bila saya sebutkan demikian bukanlah bermakna perkara ini dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat bahkan perlulah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada kedudukan teknikal Kementerian saya kerana sebagaimana yang diketahui semua projek bangunan yang baru mahupun pembinaan semula adalah berkehendakkan kajian teliti sebelum dapat dilaksanakan supaya kita mendapat faedah yang memuaskan daripada pembinaan tersebut.

Sahabat saya dari Besut pula telah menimbulkan perkara adanya setengah-setengah gulungan yang cuba mengkhianati dasar

Kerajaan dalam mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru kita. Beliau telah menyebutkan bahawa tawaran-tawaran projek J.K.R. yang bernilai \$25,000 tiap-tiap satu telah dikumpul-kumpulkan sehingga menutup peluang Pemborong-pemborong Bumiputra untuk melakukan kerja-kerja ini. Sebagai Ahli-ahli Dewan sedia maklum mulai tahun ini 30% daripada kerja-kerja yang diselenggarakan oleh J.K.R. telah di-khaskan untuk bumiputra sahaja supaya persaingan yang tidak seimbang dapat dielakkan. Sementara itu baki 70% lagi adalah terbuka kepada semua pihak untuk bertanding termasuk juga kontrektor bumiputra. Mungkin Ahli Yang Berhormat tidak cukup faham tentang peraturan-peraturan yang telah dilaksanakan ini yang mana menyebabkan beliau menimbulkan hal ini. Saya merayu kepada pemborong bumiputra untuk tampil kehadapan bagi memenuhi tempat-tempat ini supaya usaha-usaha Kerajaan membentuk satu masyarakat adil tidak tergendala. Berkenaan dengan tuduhan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Selangor mengenai kononnya ada berlaku sabotag terhadap perusahaan kaum bumiputra oleh pihak tertentu terutama dalam Kementerian saya. Saya di sini ingin minta izin Tuan Yang di Pertua, memberi jaminan bahawa agensi-agensi di bawah portfolio saya, perusahaan bumiputra adalah diberi layanan mengikut perintah dan peraturan yang sedia ada. Jika Ahli Yang Berhormat itu mempunyai bukti menunjukkan keadaan-keadaan yang sebaliknya beliau adalah diminta mengemukakan butir-butirnya secara lengkap ke Kementerian saya. Kepada Ahli Yang Berhormat daripada Besut dan dari Kuala Selangor ini saya suka menyatakan di sini, bahawa saya sebagai Menteri Kerja Raya dan Tenaga adalah tidak rela melihat perkara-perkara pengkhianatan dasar Kerajaan ini berlaku. Tetapi disebaliknya pula saya tidaklah pula suka menerima tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dibawa ke Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara dalam ulasannya di antara lain telah menyentuh tentang pembinaan jalanraya di kawasannya Johor Tenggara. Sebenarnya sebuah Lembaga telahpun ditubuhkan untuk mengendalikan segala cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Pakar Perunding dalam Lapuran Johor Tenggara ini. Kementerian saya adalah berhubung rapat dengan

Lembaga ini bagi mengadakan "infra-structure" di kawasan pembangunan yang baru ini bukan saja berupa jalanraya tetapi juga bekalan air dan api elektrik.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit untuk memberikan jawapan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan tanah. Dikatakan tanah yang dipohon oleh rakyat lambat terdapat dan oleh itu diminta kerjasama daripada Kementerian dan Kerajaan Negeri terhadap perkara ini.

Saya suka menjelaskan, pentadbiran pejabat-pejabat tanah sungguhpun menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri, adalah sentiasa mendapat perhatian daripada Ketua Pengarah Tanah Malaysia Barat dan pegawai itu sentiasa memberi nasihat-nasihat dan usaha-usaha bagi melicinkan perjalanan pejabat-pejabat tanah, kerjasama sentiasa didapati dari kedua-dua pihak. Kita telah pun menjalankan satu rancangan latihan yang diuruskan oleh Bahagian Latihan yang baru ditubuhkan di bawah Pejabat Ketua Pengarah Tanah Malaysia Barat.

Pada masa ini Pegawai-pejabat Daerah dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mendapat latihan-latihan yang lebih mendalam di dalam hal pentadbiran tanah daripada Bahagian Latihan ini dan juga di Institut Pentadbiran Awam, dengan demikian cara pentadbiran tanah yang lapuk dapatlah digantikan dengan cara-cara yang sesuai dengan masa ini. Samada kegunaan komputer-komputer pada tiap-tiap pejabat tanah itu satu perkara yang ekonomik ataupun tidak akan kita siasat. Perkara ini juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling.

Berkenaan dengan aduan-aduan keatas pengambilan tanah yang diamarah saya diberitahu bahawa maksud Yang Berhormat itu ialah tanah-tanah yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha tanah haram, patut diberi hak milik kerana usaha-usahanya itu; perkara ini seperti Yang Berhormat itu sedia maklum adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing dan terserahlah kepada

tilek pandang dan kebijaksanaan Kerajaan Negeri masing-masing bagi menimbangkannya.

Di atas syor Ahli Yang Berhormat supaya umur peneruka-peneruka yang patut diterima masuk ke dalam rancangan L.K.T.P. itu dilanjutkan kepada 40 tahun dan tidak terhad kepada 35 tahun sahaja, saya suka mengingatkan sekali lagi bahawa pada masa ini pun yang menunggu untuk memasuki rancangan-rancangan itu adalah seramai lebih kurang 15,000 orang padahal tanah-tanah yang dapat dibuka tiap-tiap satu tahun dapat memuatkan lebih kurang 4,000 atau 5,000 peneruka sahaja setahun; lagi pun peneruka-peneruka yang memulakan kehidupan baru itu jika umur mereka telah meningkat 40 tahun atau ke atas, maka masa yang ada pada mereka untuk menyelesaikan perbelanjaan-perbelanjaan yang menjadi hutang yang mereka kena tanggung adalah terlalu singkat. Begitu juga pemilihan berkenaan dengan peneruka-peneruka bagi rancangan-rancangan FELCRA.

Berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat itu supaya peserta-peserta untuk rancangan FELCRA di tanah pinggir juga diambil daripada peserta-peserta asal rancangan tanah pinggir itu, saya suka menyatakan bahawa memang inilah yang diamalkan oleh FELCRA sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah menyatakan rancangan-rancangan dari Sarawak diminta ditanamkan dengan kelapa sawit. Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan Campuran Sarawak telah menubuhkan satu Badan yang dinamakan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri yang bertanggungjawab menyelia rancangan-rancangan tanah yang telah dibuka, dan membuka rancangan-rancangan tanah yang baru. Rancangan tanah kelapa sawit telah pun ditanam di Bahagian Keempat.

Ahli Yang Berhormat dari seberang Utara menyatakan berkenaan dengan perbuatan menjual lot-lot untuk perumahan yang belum disukat dan dipecah dan belum mendapat kelulusan daripada pihak-pihak berkenaan. Memang benar ada undang-undang yang mencegah pemecahan tanah-tanah pertanian kepada lot-lot kurang daripada satu ekar. Jika sekiranya benar rakyat telah tertipu dalam masalah ini maka patutlah mereka membuat pengaduan ataupun tuntutan di dalam mahkamah civil. Seperti mana Ahli

Yang Berhormat itu sedar juga mereka yang tidak ada kemampuan boleh membuat pengaduan kepada Biro Bantuan Guaman.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan FELCRA tidak membuat suatu rancangan pun sungguhpun ia ujud sudah lebih daripada 10 tahun. Saya sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, tidak percaya yang Ahli Yang Berhormat itu tidak mendapat maklumat langsung berkenaan dengan perjalanan ataupun kemajuan FELCRA. Barangkali apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada satu projek penyatuan tanah yang dijalankan oleh FELCRA. Projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh FELCRA telah berjumlah seluas 72,000 ekar yang terdiri daripada 49 rancangan getah, 10 rancangan kelapa sawit dan 1 rancangan padi. Dan pada masa ini 11 daripada rancangan-rancangan ini telah pun mengeluarkan hasil. Berkenaan dengan urusan-urusan penyatuan tanah, perkara ini masih terikat oleh perkara undang-undang dan oleh itu Kerajaan buat sementara ini belum dapat meneruskan projek tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Sitiawan mengesyorkan Kerajaan Pusat supaya membuat penyelarasan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri tentang perkara-perkara kemajuan tanah. Beliau juga menyatakan sekiranya seseorang itu mendapat tanah maka ancaman daripada kominis akan menjadi kurang.

Kementerian saya sedang menguruskan supaya dapat mengwujudkan seberapa segera sebuah badan penyelarasan bagi kemajuan tanah atau pembangunan tanah di negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara telah membangkitkan perkara peneruka-peneruka yang dikatakan masih tidak berubah sungguhpun duduk di dalam rancangan FELDA beberapa lama. Beliau juga membuat satu tuduhan bahawa lebih kurang \$2 juta duit FELDA atau LKTP telah hanyut begitu sahaja. Di dalam rancangan-rancangan pembangunan, yang menjadi persoalan ialah pembangunan manusia. Bagi FELDA atau LKTP, tindakan-tindakan yang tegas telah pun diambil. Satu jabatan yang khas untuk memajukan peneruka-peneruka telah pun ditubuh. Jabatan ini terdiri daripada pegawai-pegawai yang terlatih yang diberi tanggungjawab khas untuk memajukan peneruka dan meninggikan semangat mereka. Kita berharap peneruka-peneruka akan mendapat per-

ubahan yang lebih pesat lagi masa yang akan datang. Saya baru saja selesai membuat lawatan di Gugusan Taib Andak yang termasuk dalam kawasan pilihanraya Ahli Yang Berhormat sendiri. Saya sangat tertarik hati melihat rancangan dan semangat peneruka di situ. Saya telah menyaksikan sendiri banyak peneruka-peneruka membuat rumah baru yang bermutu tinggi dengan perbelanjaan sendiri dan ini menunjukkan di kawasan itu bukan sahaja maju, tapi juga telah mencapai kejayaan di bidang kemasyarakatan. Saya telah juga mengadakan pertemuan dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Rancangan dan juga peneruka-peneruka di beberapa rancangan di kawasan Gugusan Taib Andak itu sendiri. Tidak pernah timbul di dalam pertemuan itu sebarang rayuan atau tuduhan tentang kecurangan \$2 juta itu baik dari peserta-peserta atau lain-lain pihak. Jadi saya rasa tuduhan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu amatlah berat. Maka untuk kebaikan saya berharap Yang Berhormat itu sampaikan seberapa segera lapuran yang lengkap kepada pihak Kementerian saya supaya dapat dijalankan penyiasatan dan jika didapati benar dapatlah diambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah menyentuh berkenaan dengan rancangan-rancangan tanah dan menyatakan bahawa peneruka-peneruka terlampau dimanja-manjakan oleh Kerajaan, kerana apabila dibuka satu-satu rancangan, kerja-kerja permulaan adalah diberi kepada pemborong-pemborong untuk menjalankannya.

Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, rancangan-rancangan pembangunan tanah dalam negara kita ini ada berbagai-bagai bentuk yang dijalan oleh berbagai-bagai badan. Saya masih belum jelas rancangan mana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jika yang dimaksudkan dengan LKTP, maka sukacita dimaklumkan bahawa mengikut dasar yang ada sekarang, tanah-tanah yang akan dimasukkan peserta-peserta itu kenalah lebih dahulu dibersihkan dan ditanam mengikut jangka waktu yang tertentu, dan tentulah peserta-peserta tidak dapat melakukannya dengan sendiri, walau bagaimanapun dasar ini dikaji dari semasa ke semasa.

Datuk Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat Dalam, menegur tentang pegawai-pegawai Lembaga Urusan

dan Tabung Haji dan mendakwa bahawa pegawai-pegawai Lembaga ini tidak memberi pertolongan yang sewajarnya kepada jemaah-jemaah haji terutama sekali apabila mereka berada di Jeddah dan Mekah. Saya akan menghalusi perkara ini dan sekiranya benar-benar berlaku hal seperti yang demikian ianya akan diperbetulkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah membangkitkan banyak perkara berkenaan dengan Tabung Haji termasuklah perkara lama masa menunggu di Dewan Penumpang di Lapangan Terbang di Jeddah, perkara tinggal dalam sebuah bilik di Mekah dengan beramai-ramai dan lain-lain perkara lagi. Maka sukacitalah saya menyatakan bahawa sungguhpun bangunan di lapangan terbang Jeddah itu besar dan lapang sesuai dengan sifatnya sebagai lapangan terbang antarabangsa, tetapi pada musim haji, tiap-tiap dua minit sebuah kapal terbang mendarat, dengan demikian kejadian menunggu berjam-jam di dewan penumpang itu tidak dapat dielakkan.

Ada pun berkenaan dengan rumah tempat duduk jumaah haji di Mekah, ini adalah satu perkara rumit sedikit. Sewa rumah di Mekah amatlah mahal dan jumlah bangunan tidaklah mencukupi pada musim haji. Seperti yang sama-sama kita maklum bahawa jemaah haji hanya membayar sebanyak 63 rial kepada Sheikh Haji untuk rumah di Mekah sedangkan seperti kata saya tadi sewa rumah begitu mahal sekali; sebagai misal, rumah Tabung Haji yang berada di Mekah itu sekarang ini sewanya ialah 100,000 rial dengan 38 buah bilik, maka jadilah sewa bagi tiap-tiap satu bilik lebih kurang 2,630 rial. Tiap-tiap satu bilik jika di isi 12 orang maka bermakna sewa tiap-tiap seorang ialah lebih kurang 200 rial. Barangkali jika tidak dibantu oleh subsidi dari Kerajaan Saudi perkara ini bertambah rumit lagi. Pada 23hb Februari Tahun 1973 yang lepas Duta Besar kita di Negara Saudi Arabia telahpun mengadakan perjumpaan dengan Sheikh-sheikh Haji di Mekah, di antara perkara yang dibincangkan ialah masalah bilik, tempat kediaman jumaah haji daripada Malaysia. Kesimpulannya Sheikh-sheikh Haji di Mekah telah mengaku akan mengemukakan kepada pihak yang berkenaan di Mekah supaya dapat diadakan sedikit sebanyak kawalan tentang sewa rumah. Dengan cara demikian mungkinlah kemudahan yang lebih baik pada masa yang akan datang dapat diadakan.

Berkenaan dengan tambang dari Mekah ke Medinah Kerajaan Saudi telahpun menetapkan tambang pergi balik dengan bas ialah 101.25 dan dengan teksi 160 rial. Walau bagaimanapun memang pernah berlaku di mana-mana, jika keadaan luar biasa, maka adalah setengah-setengah gulungan yang mengambil kesempatan. Seperkara lagi berkenaan dengan rumah penginapan jemaah haji di Medinah, dulunya Sheikh Haji di Mekah adalah bertanggungjawab sampai ke Madinah, tetapi mulai dari tahun lepas di Madinah pakai Sheikh Haji yang lain. Sungguhpun bayaran jumaah haji 284 rial itu sudah termasuk sewa rumah di Madinah, tetapi mungkin oleh sebab kekurangan rumah dan lain-lain kemudahan, maka jumaah haji telah dikenakan bayaran-bayaran tambahan oleh Sheikh Haji di Madinah. Mengikut pengalaman tahun lepas, bayaran sewa rumah adalah dikenakan 30 rial semalam bagi tiap-tiap seorang. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu berkehendakkan keselesaan yang lebih baik, maka beliau telah menyewa hotel dan sama-sama kita tahu bahawa sewa hotel di Musim Haji amatlah mahal. Jika tidak musim haji, sewa hotel boleh didapati atas kadar antara 20 hingga 30 rial sahaja semalam.

Berhubung dengan rumah Tabung Haji yang disewa di Madinah sekarang ialah digunakan untuk pegawai perubatan dan pegawai tabung haji yang bertugas. Kita sewa dua tingkat iaitu tingkat bawah dan tingkat pertama. Tingkat bawah untuk kelinik, tingkat yang pertama untuk tempat tinggal. Jika diberi peluang Ahli Yang Berhormat menumpang di situ apa kata jumaah haji yang lain yang tidak menjadi Ahli Yang Berhormat, lagi pun ruangnya tidak mencukupi.

Mulai tahun ini Tabung Haji akan menyewa semua sekali bangunan yang ada sekarang daripada bawah sampailah terus ke atas dan dengan demikian Tabung Haji akan dapat menyewakan pula kepada jemaah haji dengan sewa yang amat berpatutan mungkin antara \$5 dengan \$6 sahaja semalam dan bangunan ini boleh muat seramai lebih kurang 800 orang di atas asas 4 atau pun 5 orang sebilik.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat Dalam telah membangkitkan masalah pertukaran wang antara wang Malaysia dengan wang Saudi di Mekah. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar

sama sekali. Pertukaran wang melalui Tabung Haji ialah di atas kadar \$689 Malaysia untuk 1,000 rial Saudi, sedangkan pertukaran biasa di Mekah ialah \$700 Malaysia untuk 1,000 rial Saudi, dan berkenaan tiket jemaah haji memang diserahkan kepada jemaah haji di Malaysia itu lagi.

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Batu Pahat Dalam):** Tuan Yang di Pertua, adakah pihak Kementerian itu mahu menafikan yang sebenarnya pihak Tabung Haji telah mengamalkan wang pertukaran itu \$710 dengan 1,000 rial?

**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di Pertua, mengikut apa yang diamalkan di Pejabat Tabung Haji sekarang ini ialah pertukaran yang diambil oleh Tabung Haji \$689 Malaysia untuk 1,000 rial. Jika sekiranya berlaku pengambilan lebih dari itu . . . . .

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid:** Kerana saya sendiri telah menyerahkan \$710.

**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Saya rasa, kalau Yang Berhormat itu sudah menyerahkan \$710, saya minta Yang Berhormat itu membuat surat kepada saya dan saya akan cuba berhubung dengan pihak Tabung Haji. Semua lapuran saya terima daripada Tabung Haji dan saya telahpun dimaklumkan terlebih dahulu lagi bahawa pertukaran itu ialah \$689 untuk 1,000 rial Saudi. Jika sekiranya ada pertukaran yang lebih nyata lah itu ada sesuatu atau sebab yang tertentu berlaku sedemikian.

Jadi berkenaan dengan tiket jemaah haji memang telah diserahkan dari Malaysia lagi kepada tiap-tiap jemaah haji iaitu tiket pergi balik, kecuali ada sebahagian kecil yang minta tukar pelayaran di saat yang terakhir. Ini mungkin berlaku sedikit sebanyak kelambatan.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, saya menjawab ucapan Ahli Yang Berhormat dari Batu, adalah benar bahawa Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan ialah seorang ahli mewakili Kementerian Kesihatan dalam Majlis Universiti Malaya, tetapi namun demikian, saya tidak menyedari jika beliau mempunyai iktikad yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu.

Yang saya ketahui Ketua Pengarah Kesihatan tidak sekali-kali menganjurkan satu dasar mengurangkan pengambilan-pengambilan penuntut-penuntut di dalam fakulti-fakulti kejuruteraan dan perubatan. Ahli Yang Berhormat dari Batu adalah juga seorang Ahli dalam Majlis Universiti Malaya dan saya fikir jika Ahli Yang Berhormat mempunyai sesuatu masaalah yang difikirkannya bertentangan dengan polisi Kerajaan patutlah beliau membawanya ke mesyuarat Majlis tersebut supaya dapat dibincangkan dan di atasi dengan tidak payah membawa ke Parlimen.

Adalah juga penting bagi saya menyatakan di sini, Tuan Yang di Pertua, bahawa Kementerian saya tidak sekali-kali berniat hendak mengurangkan pengambilan penuntut-penuntut perubatan bukan Melayu daripada melanjutkan pelajaran perubatan di Fakulti-fakulti Perubatan Universiti Malaya. Kementerian Kesihatan sedang mengalami kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar dan pegawai-pegawai para medical akibat daripada perkembangan yang amat pesat dalam perkhidmatan-perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian. Kekurangan yang sedemikian itu bukanlah berlaku di Malaysia sahaja bahkan juga di negeri-negeri lain yang sedang membangun. Oleh yang demikian sebaik-baik jalan untuk menambah pengambilan penuntut-penuntut perubatan adalah dengan membesarkan lagi Medical Faculty di Universiti Malaya supaya kedua-dua jenis penuntut-penuntut perubatan Melayu dan juga penuntut-penuntut perubatan bukan Melayu dapat diambil dengan lebihnya.

Ini bolehlah diumpamakan seperti membesarkan sebiji economic cake apabila cake itu dapat dibesarkan bermaknalah masing-masing mereka itu boleh mendapat bahagian yang lebih.

Adalah nyata bukan polisi Kementerian saya untuk membiarkan kekosongan-kekosongan itu berlaku dengan tidak dipenuhi oleh kerana tiada penuntut-penuntut perubatan Melayu. Bilangan doktor-doktor yang akan keluar dari Universiti Malaya telah bertambah dari 61 orang dalam tahun 1969 menjadi 110 orang dalam tahun 1972. Dari tahun 1974 dan seterusnya, adalah dijangka bahawa Universiti tersebut mungkin akan mengeluarkan 125 orang doktor-doktor tiap-tiap tahun. Sebenarnya Fakulti Perubatan

Universiti Malaya akan menambah bangunan baharu dengan mengadakan 4 wad-wad baharu lagi untuk menambah katil-katil untuk pengajian di Universiti Teaching Hospital. Pembinaan bangunan tambahan baharu ini akan bermula dalam tempoh sebulan dua ini.

Jika bangunan sekolah pergigian telah ditubuhkan, bilangan pengambilan penuntut-penuntut perubatan sebagai Teaching Hospital Daerah Kelang akan digunakan sebagai Teaching Hospital untuk Medical Faculty, Universiti Malaya.

Tuan Yang di Pertua, Universiti Kebangsaan sudah mula mengambil 40 penuntut-penuntut perubatan mulai tahun ini. Universiti Kebangsaan akan mengeluarkan 40 doktor-doktor dalam tahun 1980 dan bilangan ini akan ditambah setiap tahun selepas itu.

Sukacitalah saya juga memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa latihan untuk menempatkan ijazah tinggi dalam perkara public health, psychiatrist, pathology dan akan dimulakan di yayasan-yayasan yang tertentu, dalam negeri ini mulai bulan September tahun ini.

Tuan Yang di Pertua, bersabit dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Saratok suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pembinaan Hospital Saratok telah tidak diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Walau bagaimanapun pembinaan Hospital di Saratok ini telah dikemukakan di dalam Kajian Pertengahan Penggal untuk mendapatkan tapak di Saratok dengan tujuan membina sebuah hospital pada awal Rancangan Malaysia Ketiga.

Mengenai rawatan gigi di sekolah-sekolah di luar bandar, hal ini telahpun diberi perhatian penuh. Sebanyak 48 buah sekolah-sekolah kelinik kesihatan gigi telah didirikan dan telahpun memberi khidmat dan adalah dijangkakan jumlah hospital yang sebanyak itu juga akan didirikan pada tahun-tahun berikutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan "school feeding" bukanlah menjadi tanggungjawab Kementerian Kesihatan. Ini biasanya dibuat oleh Majlis Kebajikan Kanak-kanak.

Mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bruas, saya suka nyatakan di sini bahawa bayaran-bayaran yang dikenakan bagi beberapa perkhidmatan tertentu adalah mengikut Perintah Am Bab "F". Tetapi bayaran-bayaran ini akan dikecualikan kepada pesakit-pesakit yang miskin.

Semua Hospital Kerajaan adalah menyimpan dalam simpanan mereka ubat-ubat dadah yang biasa digunakan dengan cukupnya untuk pesakit-pesakit. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua banyak projek-projek yang telah dijalankan untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan hospital dan kesihatan. Sebenarnya perkhidmatan perubatan dan kesihatan adalah sedang kembang dengan pesatnya, dan bukanlah terhad sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Muar Utara pada 18hb April, 1973, suka saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan sedang menyelenggarakan dengan sepenuhnya bagi mengawal pencemaran air bukan sahaja dari kilang kelapa sawit dan kilang getah bahkan juga pengeluaran sisa-sisa dari berbagai-bagai jenis industri. Ahli Yang Berhormat barangkali tidak sedar bahawa telahpun ada pakar-pakar dari negara luar bekerja bersama-sama dengan rakan sejawatnya di negara ini mengenai sesuatu masalah pencemaran khas. Berhubung dengan pengeluaran sisa-sisa dari kilang kelapa sawit dan getah, telahpun ada institusi-institusi awam dan sendirian di negeri ini menjalankan tugas-tugas penyelidikan bagi masalah-masalah ini.

Bagi menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Dato Kramat, suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat semua Hospital-hospital Kerajaan ada menyimpan dalam simpanan mereka dengan secukupnya ubat-ubat dadah yang biasa digunakan oleh pesakit-pesakit.

Kementerian Kesihatan pada setiap masa adalah merancang dan mengkaji semula perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan dalam negara ini dengan tujuan untuk mengadakan perkhidmatan yang terbaik sekali kepada rakyat. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, lebih kurang semua Hospital-hospital Daerah sedang

diperbaiki lagi kedua-duanya dalam segi keadaan bangunan dan juga kemudahan-kemudahan serta alat-alat kelengkapan yang moden.

Berkaitan dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Baram terhadap Travelling Dispensaries atau Mobile Dispensaries di Sarawak, sukacitalah saya memaklumkan semua Mobile Dispensaries di kawasan-kawasan pendalaman adalah dibekalkan dengan dua buah motor-sangkut supaya jika sekiranya sebuah motor-sangkut rosak motor-sangkut yang sebuah lagi boleh digunakan semasa tindakan diambil untuk memperbaiki motor-sangkut yang rosak tadi. Selanjutnya adalah dicadangkan untuk membekalkan satu lagi motor-sangkut menjadikan kesemuanya tiga buah motor-sangkut pada satu-satu Mobile Dispensaries. Ini adalah untuk memastikan bahawa jika sekiranya dua buah motor-sangkut itu rosak, pekerjaan Mobile Dispensaries dapat joga diteruskan.

Mengenai soal yang menyatakan District Dispensary tidak mempunyai ubat, sukalah saya memberitahu iaitu Dispensary-dispensary Daerah adalah dibekalkan dengan ubat-ubat dadah dengan secukupnya dan sekiranya terdapat pada sesuatu masa pesakit-pesakit disuruh balik tanpa mendapat ubat-ubat, sukalah saya jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberikan kepada saya butir-butir yang lengkap supaya dapat saya meniyasat dan mengambil tindakan.

Mengenai soal bantuan Kerajaan kepada Mission Hospital dan Dispensary-dispensary sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kerajaan sedang memberi bantuan wang atau capital grant kepada Mission Hospital di Sarawak dan membekalkan ubat dadah dengan percuma kepada Mission Dispensary kerana kita sedar dan menghargai pertolongan perubatan dan rawatan kesihatan yang mereka berikan kepada kita disetengah-setengah kawasan pendalaman di Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun membangkitkan berkenaan aktiviti-aktiviti perancang keluarga oleh Lembaga Perancang Keluarga, suka saya sebutkan di sini:

- (a) Berkaitan dengan peperiksaan sebelum diberi ubat pil atau alat-alat perancang keluarga, peperiksaan itu sahaja dijalankan untuk menetapkan samada boleh diberi ubat atau tidak, dan

peperiksaan yang diberi adalah yang difikirkan memadai mengikut syarat-syaratnya.

- (b) Berkaitan dengan badan menjadi gemuk akibat memakan pil ini, perkara ini adalah jarang berlaku, akan tetapi akan hilang dengan beransur-ansur lepas beberapa bulan. Seperti Yang Berhormat itu sedia maklum ada berjuta-juta perempuan sedang memakan pil di seluruh dunia ini bertahun-tahun lamanya. Jikalau betul kata Yang Berhormat itu, sudah tentulah banyak perempuan yang sangat gemuk pada masa ini.
- (c) Berkaitan dengan badan menjadi kurus dan pucat akibat pil itu, pengalaman di seluruh dunia tidak menunjukkan ini menjadi satu akibat memakan pil, oleh sebab pil itu ada di isi dengan beberapa jenis vitamin yang sebaliknya akan menguatkan tubuh badan.

Berkaitan dengan rancangan keluarga di luar bandar yang sedang dijalankan oleh Lembaga Perancang Keluarga, saya suka sebutkan di sini bahawa perkhidmatan ini akan dicantumkan sebagai satu daripada perkhidmatan kesihatan luar bandar di klinik-klinik. Akan tetapi tekanan Kementerian saya ialah untuk meninggikan taraf kesihatan sesuatu famili dengan membuat aktiviti-aktiviti memakan makanan yang berzat, didikan ibu mengandung dan anak kecil dan kesihatan murid-murid di sekolah. Tekanan di bidang perancang keluarga ialah untuk menjarakkan kelahiran anak bukan untuk menghadkan bilangan anak, supaya ibu itu sihat dan dapat menggunakan masanya untuk menjaga kesihatan anaknya. Itulah sahaja jawapan saya, Tuan Yang di Pertua.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di Pertua, saya akan beri jawapan atas tiga empat perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat ini.

Yang pertamanya, ialah teguran Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat yang telah menyebut, mengapa Kerajaan mendiamkan diri atas jasa-jasa Datuk Raja Sooria yang telah memberi peranan yang besar bagi menubuhkan Faculti Undang-undang di Universiti Malaya ini. Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan dan orang ramai juga sedar di atas peranan dan tenaga yang telah disumbangkan oleh Datuk Raja Sooria

bagi mendorong pihak Kerajaan dan pihak Universiti Malaya untuk menubuhkan Faculti Undang-undang itu. Syor itu sememangnya betul asal datang darinya sendiri dan telah bertahun-tahun diperjuangkannya baik masa di dalam Universiti sebagai Ahli Senate dan di luar hinggalah berjaya dapat ditubuhkan faculti itu baharu-baharu ini. Selagi ada faculti itu nama Datuk itu tidak akan kita lupakan.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, ada berkata dalam ucapannya iaitu adalah menyenangkan hati orang ramai sekiranya Titah Duli Yang Maha Mulia itu ada menyebut tugas-tugas yang telah dicapai bagi menunjukkan hasrat Kerajaan hendak menghapuskan rasuah dalam masyarakat di negara kita ini.

Perkara ini, Tuan Yang di Pertua, tidak disebutkan, oleh sebab semenjak Kerajaan Perikatan berkuasa memerintah negeri ini, Kerajaan telah mengatakan polisi ini hasratnya dan keazaman bagi menghapuskan rasuah negeri kita ini. Dengan sebab itulah satu badan khas telah ditubuhkan dan segalanya tugas-tugas mengintip, mengawasi, menyiasat dan menangkap adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai yang terpilih, yang amanah, berpengalaman dan cergas. Dari angka-angka Penyata Sulit Bulanan yang saya terima juga dari Pengarah Badan itu adalah menunjukkan kejayaan yang sangat memuaskan. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, telah mengarahkan mereka yang bekerja di Biro itu menjalankan tugas-tugasnya tanpa apa-apa publisiti. Kejayaan katanya adalah lebih penting daripada publisiti. Yang orang-orang awam selalu mendengar ialah bila mereka yang melakukan rasuah itu dihadapkan ke mahkamah. Tindakan disiplin di bawah Perintah Am atau General Orders ada juga diambil ke atas yang tidak dihadapkan ke mahkamah.

Ahli Yang Berhormat juga meminta penerangan, iaitu samada Biro Narkotik bertanggungjawab pada menjaga dan memulihkan mereka yang ketagih narkotik. Saya menyatakan, iaitu pihak Pusat Biro Narkotik adalah bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan dalam hal ini. Oleh sebab Pusat Biro Narkotik baharu sahaja ditubuhkan, maka Biro ini belum lagi mengadakan siasatan mengenai jumlah orang-orang yang sangat ketagih candu, ganja, dadah yang lebih keras. Pusat rawatan dan pemulihan khas belum lagi diadakan, tetapi rancangan

itu sememang ada sekiranya bilangan ketagih-ketagih memerlukan kita mengadakan-nya. Pada masa ini bilangan ketagih-ketagih belumlah besar lagi dan ketagih-ketagih yang berkehendakkan rawatan dan pemulihan adalah dilayani oleh Kementerian Kesihatan. Masa ini sebilangan kecil ada sedang dirawat di Hospital Bahagia, di Tanjong Rambutan.

Ahli Yang Berhormat dari Payang, Sarawak pula ada menyentuh hal yang berkaitan dengan Sediton Act atau Akta Hasutan. Kata Yang Berhormat itu sebilangan besar rakyat luarbandar, khasnya di Sarawak kurang faham tentang Undang-undang Hasutan. Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, selepas kejadian 13 Mei, apakala Perlembagaan kita diubah dan Undang-undang Hasutan juga dipinda, publisiti dan penerangan oleh saya sendiri dan Pegawai-pegawai Perundangan telah dibuat dalam perjumpaan-perjumpaan, perhimpunan dan juga melalui Radio Malaysia serta dalam akhbar-akhbar. Bagi menyambut permintaan Ahli Yang Berhormat itu, saya akan mengarahkan Pegawai-pegawai Perundangan di Sarawak akan memberikan penerangan melalui perhimpunan orangramai dan juga melalui radio. Kawasan Sarawak, Tuan Yang di Pertua, adalah sangat luas dan merbahaya pula dan adalah sukar bagi kita hendak menjelajah merata-rata di negeri Sarawak memberi penerangan berkenaan dengan Undang-undang ini. Tetapi perkara yang penting dalam ucapannya itu ialah kenyataan Ahli Yang Berhormat Dewan itu ada setengah-setengah ahli Pembangkang katanya, di Mesyuarat Majlis Negeri Sarawak baharu-baharu ini telah menimbulkan perkara-perkara yang sangat sensitive, yang boleh menimbulkan perasaan benci dan membenci dan tidak puashati kepada Kerajaan dan juga perkara yang boleh membangkitkan perasaan benci-membenci dan permusuhan antara satu kaum dengan satu kaum, misalnya orang Melayu dengan orang Dayak. Perkara ini telah ditimbulkan dalam Dewan.

Tuan Yang di Pertua, pada menjawabnya, itu adalah cara atau perangai setengah-setengah ahli Pembangkang di negeri kita ini menjalankan tugasnya menghentam keromo sahaja, dengan tidak menghiraukan akibatnya. Saya telah baca dan menyemak ucapan-ucapan ahli-ahli Pembangkang di Majlis Mesyuarat di Negeri Sarawak baharu-baharu ini, tetapi bila saya bandingkan dengan

ucapan setengah-setengah ahli-ahli Pembangkang dalam Dewan kita ini, dalam lima hari yang lepas saya dapati kecaman Dewan kita ini adalah lebih dahsyat dan lebih bahaya lagi. Kita sama tahu iaitu di dalam Dewan ini ada kecaman-kecaman yang seperti itu, tetapi kalau kecaman seperti itu dibuat di luar Dewan dan di khalayak ramai, saya bimbang akan menimbulkan perasaan permusuhan dan perkauman dan saya fikir padalah akibatnya.

Sebetulnya, Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang di Sarawak itu disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Payang, semuanya tahu ada Undang-undang Hasutan, bukan dia tidak tahu, dan juga tahu ada Standing Orders yang melarang mereka itu membawa atau bercakap perkara yang sensitive dan yang dilarang di dalam Dewan itu, tetapi oleh sebab Tuan Yang di Pertua di Majlis Mesyuarat itu ataupun Ahli Yang Berhormat yang ada bersama-sama itu tidak menegur atau membantah di bawah Standing Orders tentulah Ahli Yang Berhormat itu meneruskan ucapannya, kerana Tuan Yang di Pertua telah meluluskan dengan mendiamkan diri. Sebetulnya, perkara ini sememangnya boleh dikawal mengikut Standing Orders kita, samada Tuan Yang di Pertua itu tahu dan faham, tetapi tidak sedar atau tahu perkara-perkara yang sangat sensitive, yang tidak boleh ditimbulkan atau dicakapkan, itu saya tidak tahulah.

Pada pendapat saya dalam perkara seperti ini Peguam Negara cuma akan mengambil tindakan yang akhir di Mahkamah bila ahli itu meneruskan ucapannya melanggar Akta Hasutan dengan tidak mematuhi keputusan Tuan Yang di Pertua. Lagi pun ahli itu boleh kita hukum dengan sebab contempt of the House. Kalau itu semuanya tidak dapat di jalankan baharulah Peguam Negara mengambil tindakan mahkamah. Walau bagaimanapun, kalau dikehendaki saya sedia mengarahkan Peguam Negeri Sarawak memberi penerangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Majlis Mesyuarat Negeri Sarawak atau kalau mahu saya sendiri sanggup pergi ke sana memberi penerangan berkenaan dengan Akta Hasutan, tetapi diharaplah ahli-ahli Pembangkang di Sarawak sana ada bersama-sama mendengar penerangan-penerangan ini.

Tuan Yang di Pertua, saya berpaling berkenaan dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan yang mendesak Kerajaan supaya menjadikan Rang Undang-undang Islam ataupun Hukum Allah sebagai Undang-undang ibu atau sebagai Undang-undang semua rujukan bagi semua Undang-undang Negeri kita ini sebagai mengganti Undang-undang yang ada dalam negeri ini, dengan sebab katanya agama Islam adalah agama rasmi, maka sukalah saya menyatakan sedikit penerangan dalam perkara ini. Sungguhpun Fasal (1) Perkaras 3 dalam Perlembagaan menetapkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, tetapi Fasal (4) dalam perkara yang sama memperuntukkan bahawa perkara itu tidak mengurangkan kuasa mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan. Oleh itu kuasa-kuasa Perundangan di bawah Perlembagaan berkenaan dengan berbagai-bagai perkara yang dinyatakan dalam senarai Perundangan pada Perlembagaan tidak boleh dijadikan tertakluk kepada Undang-undang Agama. Sayugia diingat bahawa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ini, sekarang digelar Malaysia telah digubal, terutama sekali untuk mematuhi atau memenuhi kehendak-kehendak Raja-raja kita dan juga rayuan-rayuan dan kehendak-kehendak bilangan yang besar dari orang-orang di Malaysia atau rakyat Malaysia kita yang terdiri dari berbagai kaum, berbagai-bagai bahasa, adat resam dan agama yang berlainan. Oleh itu, walaupun agama Islam adalah agama negara atau agama rasmi, Undang-undang negeri kita yang dijalankan sekarang ialah Undang-undang yang digelar Secular Law. Kehendak Ahli Yang Berhormat itu, Tuan Yang di Pertua, iaitu jika ada kata dia mana-mana peruntukan dalam undang-undang negeri ini berlawanan atau bercanggah dengan Undang-undang Islam adalah tidak sah (null and void) undang-undang itu, itu kehendak dia. Semua undang-undang katanya, mesti selaras dan berdasarkan Undang-undang Islam, pendek kata Ahli Yang Berhormat itu menyuarakan polisi partinya, dan ini bukanlah polisi Kerajaan Perikatan pada mulanya. Peruntukan dalam Perlembagaan hendaklah diubah kalau satu-satu polisi itu hendak dijalankan atau dilaksanakan.

Oleh yang demikian, dengan sebab cadangan itu amatlah besar, amat penting yang patut diputuskan oleh rakyat jelata, saya menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu bawalah cadangan itu dalam polisi utamanya

dalam pilihanraya yang akan datang dan kalau ada sambutan dari rakyat negeri ini dapat bilangan 2/3 dalam Dewan ini, maka senanglah mereka itu, boleh Ahli Yang Berhormat itu dan rakan-rakannya menjalankan perubahan yang maha besar itu di negeri ini, ubah Perlembagaan dan jalankan, dan dia boleh pegang jawatan saya ubah undang-undang. Negeri kita masa ini diperintah cara demokrasi, itulah caranya kalau hendak dijalankan perkara ini, tetapi memohon Kerajaan sekarang berjalan sahaja tak ada fasal kerana bukan polisi Kerajaan itu pada masa ini.

Dia ada menyebutkan, satu dua patah perkataan dan satu daripadanya saya bacakan:

“Yang menggelikan hati kita, Tuan Yang di Pertua, banyak daripada peraturan-peraturan dan undang-undang yang asal made in United Kingdom yang telah dipakai di sini, tetapi di sana, negeri asalnya sudah berubah dan sudah dipinda, yang kita di Malaysia ini duduk di takuk lama juga, ganjil, Tuan Yang di Pertua, dan geli hati kita melihatnya”.

Ini dia menyatakan bagaimana undang-undang di sana telah dipinda, tetapi kita di sini tidak dipinda.

Tuan Yang di Pertua, kita meminda satu undang-undang itu walaupun asal daripada Eropah ialah mengikut keadaan masyarakat kehendak negeri itu. Di England dan United Kingdom misalnya sudah pinda, sudah cukup maju, sudah cukup tinggi masyarakatnya sehingga perhubungan antara laki-laki dengan laki-laki telah dihalalkan. Adakah Ahli Yang Berhormat minta kita pinda, kita ikut? Pada hal di sini itu satu kesalahan dan hukumannya 7 tahun. Inilah yang mengatakan geli hati dia kita tak pinda, tak ikut undang-undang di England. Itu saya buat satu misalan sahaja dan ada lagi satu iaitu undang-undang hukuman mati dengan sebab membunuh orang sekarang tidak lagi di-hukum mati, tetapi jel seumur hidup. Ini kita pun tak pinda, tetapi kalau dibawa pindaan kepada negeri kita mengikut apa yang berlaku di England saya fikir lagi banyak berlaku pembunuhan di negeri ini.

Demikianlah sahaja jawapan saya dan banyak lagi ucapan kalau hendak menghentam hujag-hujah yang dibawa oleh Ahli

Yang Berhormat dari Kota Star Selatan, tetapi saya fikir sampai masanya beri peluang kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang lain.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk menjawab dengan ringkasnya kepada teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya semasa perbahasan di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di Pertua, sebagai menjawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Muar Utara dan Ipoh mengenai cadangan struktur penguasa-penguasa tempatan di Malaysia Barat, maka saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat itu kepada Siaran Akhbar yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan selepas mesyuaratnya pada 25hb November, 1971. Untuk faedah Ahli-ahli Yang Berhormat saya sebutkan sekarang Siaran Akhbar yang dimaksudkan itu. Siaran akhbar itu seperti berikut:

“Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan yang dipengerusi sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Dato Ong Kee Hui telah mengkaji laporan Suruhanjaya Diraja Athi Nahappan dan mengambil ingatan atas cadangan-cadangan yang terkandung di dalamnya.

Cadangan-cadangan ini akan ditimbang-kan oleh Majlis Kebangsaan, dan sekiranya sesuai akan dilaksanakan dari satu masa kesatu masa memandang kepada keadaan dan bagi menjayakan dasar Kerajaan supaya menyusun masyarakat di negara ini dan juga bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membetulkan perbezaan ekonomi di antara kaum, di antara orang berada dan tidak berada dan mengseimbangkan kawasan yang terkemuka dan yang mundur.

Buat sementara waktu ‘Local Authority Election’ akan terus digantungkan dan Kerajaan Negeri dicadangkan mengkaji keadaan-keadaan dalam kuasa-kuasa tempatan masing-masing dan mengambil tindakan yang sesuai dengan tujuan memperkemas dan melicinkan pentadbiran dan pengurusan supaya perkhidmatan yang lebih sempurna dapat diberi”.

Itulah siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan Tuan Yang di Pertua. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sedar bahawa perkara Kerajaan Tempatan ini adalah melibatkan kehidupan rakyat sehari-hari, oleh itu dalam usaha kita untuk membentuk semula masyarakat kita maka kita mestilah berhati-hati dan tegas, kita juga mestilah memahami perbezaan yang wujud di antara kawasan-kawasan yang maju dengan kawasan-kawasan yang kurang maju, dan apa-apa sahaja perubahan-perubahan yang akan berlakunya hendaklah selaras dengan dasar yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat dan, Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang di antara kaum dan di antara rakyat yang ada dan tidak ada.

Dalam urusan ini bukan sahaja Kerajaan Pusat yang akan terlibat bahkan juga sebahagian besarnya Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri.

Sebagai langkah pertama untuk mencapai matlamat ini maka pihak Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan telah bersetuju agar undang-undang Kerajaan Tempatan yang baru hendaklah digubal untuk menggantikan undang-undang Kerajaan Tempatan yang digunakan oleh berbagai-bagai jenis Penguasa tempatan di Malaysia Barat. Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Kerajaan Tempatan dalam Kementerian saya sedang berusaha untuk menyediakan Rang Undang-undang itu. Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi peluang secukupnya untuk membahaskan perkara ini apabila ianya dibentangkan di Dewan ini sebelum akhir tahun ini.

Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kedudukan masa depan Kerajaan Tempatan dalam negeri ini akan dipandu untuk faedah rakyat sendiri.

Tuan Yang di Pertua, sebagai menjawab kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Saratok, Sarawak pada 20-4-73, berkaitan dengan Penguasa-penguasa Tempatan dan khususnya caruman Kerajaan Pusat terhadap kadar bantuan cukai bagi tahun 1971, 1972 dan 1973. Saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa kelambatan membayar caruman-caruman itu disebabkan rundingan yang ber-

larutan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mengenai prinsip membayar caruman kadar bantuan cukai ke atas harta Kerajaan Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Pihak Kerajaan Persekutuan telah mencadangkan iaitu caruman-caruman itu hendaklah serupa dengan yang dibayar kepada Negeri-negeri di Malaysia Barat. Prinsip ini tidak dapat diterima oleh Kerajaan Negeri Sarawak oleh kerana ini akan memerlukan pindaan-pindaan dibuat dalam undang-undang Negeri yang tidak dapat dikuatkuasakan dengan tarikh kebelakangan oleh kerana ini akan melibatkan pembayar cukai yang lain. Kementerian saya telahpun merujuk perkara ini kepada Kementerian Kewangan dan sementara menunggu keputusan terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Sarawak maka telah diputuskan bahawa bayaran caruman sementara akan dibuat kepada Penguasa-penguasa di Sarawak bagi caruman-caruman yang belum dibayar itu.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan perkara-perkara mengenai jalan-jalan, pembersihan kawasan setinggan dan pemindahan stesyen bas dari Jalan Melaka ke Jalan Perkeliling di dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya suka menjawab kepada perkara-perkara ini seperti berikut:

Jalan-jalan yang dimaksudkan itu boleh jadi jalan-jalan yang dibina dan diselenggarakan oleh pihak pengusaha dan tuan-tuan tanah yang bersempadankan jalan. Untuk mengatasi masalah ini Kementerian saya telahpun mengedarkan Deraf Akta Bangunan, Jalan dan Parit untuk pandangan dan ulasan orangramai. Apabila deraf Akta ini dijadikan undang-undang pihak pengusaha akan dikehendaki membina semua jalan mengikut standard yang ditetapkan oleh Dewan Bandaraya dan jalan-jalan ini akan diisytiharkan sebagai jalan awam untuk diselenggarakan oleh Dewan Bandaraya. Bangunan-bangunan tidak akan dibenarkan diduduki sehingga jalan, parit dan keperluan-keperluan lain sudah disediakan.

Mengenai jalan-jalan persendirian yang tidak dibuat mengikut standard, usaha sedang dibuat untuk menambak jalan-jalan itu menurut kaedah kerja-kerja jalan persendirian.

Pembersihan kawasan setinggan dalam kawasan Bandaraya hanya dilakukan apabila terdapat tempat-tempat kosong di rumah-rumah pangsa dan tiap-tiap keluarga setinggan ditawarkan rumah-rumah pangsa itu apabila notis untuk merobohkan pondok-pondok setinggan dihantar kepada mereka.

Jawatankuasa Pembersihan Setinggan, sebelum meluluskan pembersihan mana-mana kawasan setinggan, lebih dahulu menegaskan supaya kawasan setinggan yang berkenaan diusahakan sebaik-baik sahaja dibersihkan dari setinggan dan memastikan pengusaha-pengusahanya (samada mereka Jabatan Kerajaan ataupun tuan-tuan tanah persendirian) sudah mendapat kebenaran pihak perancang dan pelan-pelan bangunannya telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya untuk maksud tersebut. Dengan demikian, setinggan-setinggan baru tidaklah dibenarkan menduduki kawasan-kawasan yang sudah dibersihkan. Sekiranya pihak pengusaha tidak memulakan kerja dengan segera, mereka dikehendaki memagar kawasan itu untuk mencegah setinggan-setinggan baru dari masuk ke dalamnya. Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan), 1969 dengan jelas memperuntukkan hukuman bagi pengusaha-pengusaha yang gagal mematuhi syarat ini.

Dengan kerana itu, tidaklah benar dakwaan bahawa pihak-pihak berkenaan telah membersihkan kawasan-kawasan setinggan tanpa menghiraukan soal mengadakan tempat tinggal untuk setinggan-setinggan yang berkenaan dan juga dakwaan-dakwaan kononnya setinggan-setinggan baharu dibenarkan menduduki kawasan-kawasan yang telah dibersihkan.

Pemindahan setesyen bas dari Jalan Melaka ke Jalan Pekeliling telah dirancang dan diatur dengan baik. Selaras dengan permintaan syarikat-syarikat bas yang berkenaan, pihak Dewan Bandaraya telah membina dua buah perhentian bas, di Jalan Ampang dan Jalan Raja Laut. Jalan-jalan yang digunakan oleh syarikat-syarikat bas itu sekarang dimaksudkan sebagai satu percubaan selama 3 bulan dan selepas itu akan dikaji semula.

Tempat-tempat penumpang berteduh ada disediakan di perhentian bas Jalan Ampang dan Jalan Raja Laut dan juga di setesyen bas Jalan Pekeliling.

Kemudahan untuk orang ramai menyeberangi Jalan Ampang ada disediakan dalam bentuk "lintasan belang" dekat Restoran Bilal dan sebuah jambatan dekat bangunan A.I.A. Untuk keselamatan kanak-kanak yang menggunakan Jalan Ampang, Dewan Bandaraya membenarkan Pengawal-pengawal Lalulintas Kanak-kanak Sekolah mengawal lalulintas di jalan itu. Lampu isyarat telah juga dipasang di simpang Jalan Gereja dengan Jalan Melaka dekat Bank Bumiputra untuk keselamatan orang-orang berjalan kaki.

Satu kajian mengenai pengangkutan sedang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini untuk memperbaiki keadaan jalan dan lalulintas dalam kawasan Bandaraya dan kawasan-kawasan sekitarnya. Kajian ini seperti yang dimaklumkan rakan saya Yang Berhormat Menteri Perhubungan dijangka siap dalam bulan November 1973.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di Pertua, saya hanya ada sedikit sahaja yang saya ingin jelaskan iaitu berkenaan dengan tuduhan daripada Yang Berhormat Ahli dari Dungun yang telah menyatakan iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat telah tidak memberi pertimbangan memberikan bantuan am kepada balu-balu penganggur muda kerana mereka dianggap sebagai satu golongan masyarakat yang boleh mencari nafkah hidup, dan yang kedua orang-orang tua yang berkeluarga, kerana mereka adalah tanggungjawab anak isteri mereka.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin menerangkan di sini iaitu perkara itu tidaklah betul. Sebenarnya, bantuan am ada diberi kepada mereka yang berkeperluan samada mereka itu balu, orang muda ataupun mereka yang tua dan sebagainya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri-negeri adalah berasaskan kepada keadaan dan keutamaan keperluan khas bagi tiap-tiap kes itu. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa bantuan am adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan peruntukan bagi tiap-tiap negeri adalah berlainan mengikut kemampuan negeri itu.

Walau bagaimana pun sebagai tambahan kepada rancangan bantuan ini, Kerajaan Pusat ada menguruskan satu bantuan iaitu Bantuan Penyaraan Kanak-kanak yang dikhususkan untuk kanak-kanak yang berkeperluan yang mana akan meliputi juga bukan

Pembersihan kawasan setinggan dalam kawasan Bandaraya hanya dilakukan apabila terdapat tempat-tempat kosong di rumah-rumah pangsa dan tiap-tiap keluarga setinggan ditawarkan rumah-rumah pangsa itu apabila notis untuk merobohkan pondok-pondok setinggan dihantar kepada mereka.

Jawatankuasa Pembersihan Setinggan, sebelum meluluskan pembersihan mana-mana kawasan setinggan, lebih dahulu menegaskan supaya kawasan setinggan yang berkenaan diusahakan sebaik-baik sahaja dibersihkan dari setinggan dan memastikan pengusaha-pengusahanya (samada mereka Jabatan Kerajaan ataupun tuan-tuan tanah persendirian) sudah mendapat kebenaran pihak perancang dan pelan-pelan bangunannya telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya untuk maksud tersebut. Dengan demikian, setinggan-setinggan baru tidaklah dibenarkan menduduki kawasan-kawasan yang sudah dibersihkan. Sekiranya pihak pengusaha tidak memulakan kerja dengan segera, mereka dikehendaki memagar kawasan itu untuk mencegah setinggan-setinggan baru dari masuk ke dalamnya. Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan), 1969 dengan jelas memperuntukkan hukuman bagi pengusaha-pengusaha yang gagal mematuhi syarat ini.

Dengan kerana itu, tidaklah benar dakwaan bahawa pihak-pihak berkenaan telah membersihkan kawasan-kawasan setinggan tanpa menghiraukan soal mengadakan tempat tinggal untuk setinggan-setinggan yang berkenaan dan juga dakwaan-dakwaannya kononnya setinggan-setinggan baharu dibenarkan menduduki kawasan-kawasan yang telah dibersihkan.

Pemindahan setesyen bas dari Jalan Melaka ke Jalan Pekeliling telah dirancang dan diatur dengan baik. Selaras dengan permintaan syarikat-syarikat bas yang berkenaan, pihak Dewan Bandaraya telah membina dua buah perhentian bas, di Jalan Ampang dan Jalan Raja Laut. Jalan-jalan yang digunakan oleh syarikat-syarikat bas itu sekarang dimaksudkan sebagai satu percubaan selama 3 bulan dan selepas itu akan dikaji semula.

Tempat-tempat penumpang berteduh ada disediakan di perhentian bas Jalan Ampang dan Jalan Raja Laut dan juga di setesyen bas Jalan Pekeliling.

Kemudahan untuk orang ramai menyeberangi Jalan Ampang ada disediakan dalam bentuk "lintasan belang" dekat Restoran Bilal dan sebuah jambatan dekat bangunan A.I.A. Untuk keselamatan kanak-kanak yang menggunakan Jalan Ampang, Dewan Bandaraya membenarkan Pengawal-pengawal Lalulintas Kanak-kanak Sekolah mengawal lalulintas di jalan itu. Lampu isyarat telah juga dipasang di simpang Jalan Gereja dengan Jalan Melaka dekat Bank Bumiputra untuk keselamatan orang-orang berjalan kaki.

Satu kajian mengenai pengangkutan sedang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini untuk memperbaiki keadaan jalan dan lalulintas dalam kawasan Bandaraya dan kawasan-kawasan sekitarnya. Kajian ini seperti yang dimaklumkan rakan saya Yang Berhormat Menteri Perhubungan dijangka siap dalam bulan November 1973.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di Pertua, saya hanya ada sedikit sahaja yang saya ingin jelaskan iaitu berkenaan dengan tuduhan daripada Yang Berhormat Ahli dari Dungun yang telah menyatakan iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat telah tidak memberi pertimbangan memberikan bantuan am kepada balu-balu penganggur muda kerana mereka dianggap sebagai satu golongan masyarakat yang boleh mencari nafkah hidup, dan yang kedua orang-orang tua yang berkeluarga, kerana mereka adalah tanggungjawab anak isteri mereka.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin menerangkan di sini iaitu perkara itu tidaklah betul. Sebenarnya, bantuan am ada diberi kepada mereka yang berkeperluan samada mereka itu balu, orang muda ataupun mereka yang tua dan sebagainya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri-negeri adalah berasaskan kepada keadaan dan keutamaan keperluan khas bagi tiap-tiap kes itu. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa bantuan am adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan peruntukan bagi tiap-tiap negeri adalah berlainan mengikut kemampuan negeri itu.

Walau bagaimana pun sebagai tambahan kepada rancangan bantuan ini, Kerajaan Pusat ada menguruskan satu bantuan iaitu Bantuan Penyaraan Kanak-kanak yang dikhususkan untuk kanak-kanak yang berkeperluan yang mana akan meliputi juga bukan

sahaja anak-anak kepada balu-balu bahkan juga anak-anak kepada orang-orang tua yang miskin dan perlukan bantuan.

Selain daripada itu, Kerajaan Pusat juga menguruskan bantuan pelancaran iaitu satu bantuan sekali gus yang dikhaskan untuk orang-orang yang miskin yang perlukan bantuan sekali gus yang dikhaskan untuk sebagai modal bagi mereka memulakan usaha yang akan menjadi mata pencarian mereka.

Tugas mencari kerja untuk penganggur-penganggur adalah satu daripada tanggungan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Dalam hal ini Jabatan Kebajikan Masyarakat bukan sahaja menjadi badan rojokan kepada pemohon-pemohon bantuan am yang boleh bekerja, bahkan juga berikhtiar mencari mereka kerja. Di beberapa negeri pula Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menjalankan rancangan-rancangan latihan kemahiran bagi mereka yang perlukan bantuan supaya mereka itu boleh mencari nafkah hidup.

Itulah sahaja yang saya ingin jelaskan, Tuan Yang di Pertua.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara yang jatuh di bawah tanggungan saya.

Perkara-perkara yang telah dibangkitkan adalah terbahagi dalam perkara-perkara yang mengenai getah, perkara-perkara yang mengenai lada hitam dan perkara-perkara yang mengenai kayu-balak.

Mengenai soal getah, Ahli Yang Berhormat dari Temerloh telah pun menyeru supaya Kerajaan berhati-hati dalam mengembangkan perhubungan dengan negara-negara yang menjadi pasaran utama kepada bahan-bahan dari Malaysia seperti Jepun dan Amerika. Berkaitan dengan soal ini Ahli Yang Berhormat itu telahpun menyebut soal American Stockpile dan perkembangan besar industri getah tiruan di negeri Jepun.

Bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Malaysia tidaklah bergantung semata-mata kepada Amerika Syarikat dan Jepun bagi eksport getah. Walau bagaimanapun,

tidaklah dapat saya nafikan bahawa Amerika Syarikat dan Jepun adalah satu-satu daripada pasaran getah yang utama bagi Malaysia. Usaha-usaha Malaysia memanglah untuk memperlebar direction eksportnya ke negara-negara seperti Russia, Republik Rakyat Cina, Poland dan negara-negara lain di Eropah Timur. Beberapa rombongan bagi maksud demikian telahpun dihantar oleh Kerajaan dalam masa yang lalu.

Mengenai soal getah simpanan Kerajaan Amerika (stockpile) Kerajaan sekarang ini sedang pun berusaha untuk mendapatkan persetujuan daripada Amerika Syarikat supaya apakala mereka menjalankan penjualan getah dari stockpile itu, penjualan itu tidak akan menjatuhkan harga getah di pasaran dunia. Saya ada penuh harapan bahawa penyelesaian yang baik akan dapat dicapai tidak lama lagi.

Mengenai masalah getah tiruan dari Jepun pula, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini ASEAN telahpun membawa perkara itu kepada pengetahuan Kerajaan Jepun, Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli juga telah berbuat demikian.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh juga telah menyentuh tentang kegiatan-kegiatan badan-badan Kerajaan yang telah terpaksa bertanding dengan perniagaan-perniagaan dan badan-badan perniagaan yang besar yang telah lama established. Beliau mencadangkan supaya badan-badan Kerajaan itu diberi perlindungan yang cukup. Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu, memanglah patut badan-badan berkanun Kerajaan yang menjalankan perniagaan samada dari segi memproses, membeli atau memasarkan diberi perlindungan daripada persaingan yang boleh merosakkan.

Mengenai M.R.D.C. perlindungan memang ada diberi kepada perbadanan tersebut. Misalnya apabila pihak-pihak swasta yang hendak membina kilang hevea-crump memohon lesen-lesen yang berkenaan seperti lesen membeli, membungkus dan mengeksport getah daripada Kerajaan negeri, biasanya perkara ini terlebih dahulu dirojokkan kepada M.R.D.C. untuk mendapat pandangan samada pembinaan kilang tersebut akan merosakkan usaha-usaha M.R.D.C. dalam kawasan yang sama. Pandangan

M.R.D.C. akan diambil berat dalam menimbangkan kelulusan lesen yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

Mulai daripada tahun ini pula, saya telah melantik wakil M.R.D.C. untuk duduk di dalam semua lembaga pelesen daerah di negeri Malaysia Barat ini, supaya kepentingan M.R.D.C. dapat dijaga dengan cukup.

Perlu dijelaskan juga bahawa ada kalanya pertandingan ataupun persaingan adalah sihat jikalau ia akan menguntungkan pekebun-pekebun kecil. Misalnya di tempat M.R.D.C. ada menjalankan operasinya pekebun-pekebun kecil dapat harga yang baik bukan sahaja daripada M.R.D.C. tetapi juga daripada pihak swasta. Oleh sebab itu kita hanya mengawal persaingan yang tidak berpatutan dan yang mungkin akan merosakkan usaha M.R.D.C.

Berkaitan dengan getah juga Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menyeru supaya proses mengambil alih tugas-tugas Lembaga Tanam Semula Getah oleh RISDA dapat dipercepatkan supaya faedah dan tujuan penubuhan RISDA untuk memperkembangkan usaha-usaha tanaman semula getah serta-merta dapat dirasai oleh rakyat. Beliau juga telah mengesyorkan supaya bantuan tanaman semula dinaikkan daripada \$750 kepada \$1,000 seekar. Seruan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidaklah timbul lagi oleh kerana pihak RISDA semenjak tertubuh pada 1hb Januari, 1973 ini telah mengambil alih tugas-tugas yang dahulunya dijalankan oleh Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula. Tugas-tugas tersebut adalah berkaitan dengan penanaman semula getah dan penanaman baru getah. Di samping itu RISDA juga telah mengambil alih tugas-tugas yang dahulunya dijalankan oleh lembaga pentadbiran berkaitan dengan pembekalan benih dan sebagainya. RISDA pada masa sekarang sedang giat menjalankan usaha-usaha untuk mengambil alih tugas-tugas yang dijalankan oleh R.R.I. berkaitan dengan, perkhidmatan menasihati pekebun-pekebun kecil supaya usaha-usaha RISDA kesemuanya dapat dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil sendiri.

Mengenai soal kenaikan bantuan wang untuk pekebun-pekebun kecil daripada \$750 kepada \$1,000 seekar, perkara ini sedang dikaji oleh pihak RISDA sekarang ini dan apabila syor-syor mengenai perkara ini sudah siap, maka syor itu akan ditimbang oleh

Kerajaan dengan sewajarnya. Seperti Ahli Yang Berhormat itu tahu, Kerajaan memanglah sentiasa mencari cara-cara yang boleh memperbaiki kedudukan pekebun-pekebun kecil kita.

Mengenai lada hitam, Ahli Yang Berhormat dari Serian, Sarawak telah pun menyatakan bahawa bantuan wang untuk lada hitam tidak mencukupi. Saya sukacita menyatakan di sini bahawa Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$9.8 juta untuk sekim bantuan lada hitam di negeri Sarawak bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Bagi tempoh tahun 1973 sebanyak \$3.4 juta telah diluluskan untuk sekim bantuan tersebut dan peruntukan-peruntukan yang diluluskan itu adalah merupakan jumlah penuh yang diminta oleh Kerajaan Sarawak. Sekim bantuan lada hitam sebenarnya ada tiga tujuan:

- (i) untuk menggalakkan penyertaan dari golongan bumiputra dalam perusahaan lada hitam. Untuk gulungan ini sekim bantuan lada hitam bertujuan untuk mendapatkan bahan-bahan tanaman lada yang paling baik supaya pengeluaran yang bermutu tinggi dapat dicapai.
- (ii) untuk mengawal dan mencegah penyakit "foot-rot".
- (iii) untuk membantu penanam-penanam lada hitam dengan input credit bagi baja, dilomite, kayu tiang dan bahan-bahan tanaman lain.

Di bawah skim bantuan kepada lada hitam ini ada 3 kategori. Kategori-kategori ini mulai daripada bantuan sebanyak \$250 seekar untuk pekebun-pekebun baharu sampai bantuan sebanyak \$640 seekar untuk mereka yang sudah mempunyai kebun lada yang berisi daripada 200 sehingga 1,000 pokok yang berumur 3 tahun ke bawah. Saya di beri tahu bahawa 3 kategori skim yang telah dicadangkan oleh negeri Sarawak telahpun berasas kepada keadaan yang mereka faham di negeri Sarawak dan masalah yang ditempuhkan untuk perindustrian ladang lada hitam ini. Oleh sebab itu, maka saya rasa bantuan-bantuan seperti yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak itu bukan sahaja mencukupi tetapi juga sesuai.

Bersabit dengan perkara kayu balak, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telahpun menimbulkan kenaikan harga barang-barang keperluan bagi pembinaan seperti kayu-kayuan.

Beliau hairan mengapa Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan pengeluaran kayu-kayannya mengalami keadaan yang demikian. Beliau telah membuat cadang supaya satu watch dog committee di tubuhkan untuk mengawasi keadaan kenaikan harga barang-barang ini. Oleh kerana penarikan yang hebat bagi kayu tropika di seluruh dunia, harga kayu di pasaran dunia telah melambung naik khasnya dalam tempoh 10 bulan yang lalu. Seperti mana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sedia maklum, perusahaan kayu-kayan Malaysia adalah satu perusahaan yang bercurak export (export-oriented) dan oleh itu sebarang kenaikan harga kayu di pasaran dunia akan juga mempengaruhi harga kayu dalam negeri ini untuk menentukan pengeluaran dari kilang-kilang papan dan kilang kayu lapis bagi pasaran luar negeri dan keperluan tempatan tidak tergendala, Kerajaan telahpun menyekat export keluar negeri balak-balak yang popular ataupun popular species pada bulan November tahun lepas.

Kadar kenaikan harga kayu yang di export keluar negeri sekarang ini dianggarkan daripada 100% sehingga 200% (tertakluk kepada jenis-jenis dan ukurannya), tetapi kadar kenaikan harga kayu tempatan adalah lebih kurang daripada 50% sehingga 80% (mengikut jenis-jenis dan ukurannya). Usaha-usaha sedang dijalankan juga untuk menggalakkan dan memajukan lagi kegunaan di Malaysia ini species yang sungguh baik mutunya tetapi kurang di ketahui (ataupun the lesser known species), supaya ada yang lebih banyak lagi jenis-jenis kayu yang mendapat penerimaan pengguna-pengguna tempatan dan dengan ini diharapkan harga kayu tempatan akan dapat terus berpatutan.

Satu daripada pendapat mengenai kekurangan kayu yang dihadapi oleh pembina-pembina adalah kekurangan perhubungan diantara kedua-dua pihak pembina dan pihak pembekal, Kerajaan telah mengadakan perjumpaan diantara kedua pihak ini, dan dengan adanya perhubungan yang lebih rapat diantara mereka, maka kita harap harga realistic dapat dinegotiate di antara pembina dan pembekal. Kerajaan telah juga melantik sebuah jawatankuasa atau task force untuk mengkaji seterusnya kenaikan harga barang-barang pembinaan termasuk bahan kayu.

Tuan Yang di Pertua, itulah sahaja jawapan yang dapat saya berikan, saya harap ianya akan memuaskan Ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada kerja-kerja Kementerian saya.

Terlebih dahulu saya ingin menjawab sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai bidang perindustrian.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah menggesa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengenakan dua syarat baru ke atas firma-firma yang mendapat taraf perintis iaitu supaya mengadakan latihan mahir untuk pekerja-pekerja dan angka pelatih-pelatih tersebut hendaklah sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah tenaga pekerja-pekerja firma tersebut dan mereka hendaklah melantik bumiputra menjadi pembahagi-pembahagi (wholesalers) barang-barang keluaran mereka di kawasan-kawasan luar bandar.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang ada mengenakan syarat berkenaan dengan latihan mahir untuk pekerja-pekerja ke atas firma-firma bertaraf perintis. Contoh syarat tersebut adalah seperti berikut:

“Syarikat hendaklah mengambil dan melatih rakyat Malaysia dalam semua peringkat pekerjaan sehinggakan kepada peringkat pengurusan dan pekerja-pekerja ini hendaklah mencerminkan masyarakat berbilang bangsa negara ini.”

Jenis-jenis latihan yang lazim diberikan kepada pekerja-pekerja tersebut oleh firma-firma yang besar adalah seperti “in-service training”, latihan-latihan di Ibu Pejabat firma-firma tersebut di luar negeri, institusi-institusi tinggi seperti University, Maktab Teknik dan lain-lain di dalam dan juga luar negeri. Kerajaan juga sedang mengkaji soal latihan pekerja-pekerja bumiputra di semua peringkat khususnya di peringkat pengurusan dan iktisas. Ini bertujuan untuk meningkatkan taraf kemahiran bumiputra dalam bidang yang tertentu.

Syarat tersebut juga dikenakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke atas syarikat-syarikat yang bertaraf perintis. Syarat itu ialah bahawa :

“Corak pengedaran barang-barang syarikat dan perlantikan pengedar atau pengedar-pengedar akan dilakukan selepas berunding dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian”.

Kementerian ini adalah sekarang memperhebatkan pelaksanaan syarat tersebut dan dengan kerjasama daripada pihak-pihak tertentu termasuk Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri tiap-tiap Kerajaan Negeri dan lain-lain badan yang berkenaan, saya harap syarat tersebut akan dapat dijayakan.

Yang Berhormat dari kawasan Tumpat menggesa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya menubuhkan satu jabatan untuk menyelia pengambilan pekerja-pekerja di dalam syarikat-syarikat perindustrian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telahpun menyelia pengambilan pekerja-pekerja di dalam syarikat-syarikat perindustrian. Bahagian Perindustrian di Kementerian saya telahpun ditugaskan untuk mengawasi perkara ini. Dalam melaksanakan dasar supaya kakitangan syarikat mencerminkan masyarakat berbilang kaum, terdapat masalah tentang bekalan pekerja-pekerja bumiputra untuk mengisi jawatan-jawatan di dalam bidang Pengurusan dan Iktisas. Pada waktu ini beberapa institusi-institusi Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk membanyakkan lagi penyertaan bumiputra untuk mengisi jawatan tersebut.

Untuk pekerja-pekerja diperingkat bawah Kementerian ini berpendapat tidak ada masalah untuk mendapatkan bekalan yang dikehendakki.

Bahagian Perindustrian Kementerian saya akan menggesa syarikat-syarikat mengambil lebih ramai pekerja-pekerja Bumiputra dalam bidang Pengurusan dan Iktisas. Saya suka menyatakan di sini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji masalah kekurangan tenaga Pengurusan dan Iktisas Bumiputra dengan tujuan membuat cadangan-cadangan bagi mengatasinya.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Mulia Raja Tan Sri Mohar, Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Batu tentang teguran beliau ke atas aktiviti-aktiviti orang-orang asing di negeri ini. Kenyataan Ahli Yang Berhormat tentang kemerosotan orang-orang bumiputra dan Cina di dalam struktur swasta dibandingkan dengan orang-orang luar negeri adalah tidak benar. Mengikut satu kajian di Kementerian saya adalah didapati peranan orang-orang luar negeri di dalam struktur perusahaan adalah berkurangan. Satu survey ke atas syarikat-syarikat yang bertaraf perintis telahpun dibuat dan berikut adalah maklumat-maklumat yang diperolehi :

*Penanaman modal di syarikat-syarikat bertaraf perintis oleh orang-orang luar negeri:*

31hb Disember, 1971	\$339,424,713	56.3%
30hb Jun, 1972	\$341,864,713	53.5%
31hb Disember, 1972	\$349,293,703	53.6%

Memandang kepada angka-angka yang tersebut di atas saya berpendapat bahawa peranan orang-orang luar negeri dalam ekonomi di negeri ini tidaklah begitu serious. Seperti yang kita sedia maklum, 30% penyertaan bumiputra dalam bidang ekonomi di negeri ini akan memakan masa selama 20 tahun. Memandang kepada “trend” yang tersebut di atas, polisi Kerajaan tentang penyertaan bumiputra di dalam bidang perindustrian Insya Allah, akan berhasil.

Mengenai kecaman Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bintang mengenai saham the *New Straits Times*, saya sukalah menegaskan di sini iaitu walaupun nett asset backingnya yang disebutkan ialah 72 sen, ini tidaklah mengambil perhatian kepada kenaikan nilai harta tanah syarikat ini yang dinilai semula sebanyak lebih dari \$2.4 juta dan perpustakaananya pula dianggarkan bernilai kira-kira \$4 juta. Perpustakaan ini ialah satu kemudahan yang penting dan juga istimewa bagi sesuatu akhbar di mana-mana pun.

Kita juga perlu menimbang faktor-faktor lain seperti potential atau kemampuan serta prospect masa depan, terutama sekali dalam perusahaan persuratkhabaran seperti kemampuannya untuk bersaing dan tenaganya baik dari bidang kakitangan mahupun kepakaran dalam bidang yang ianya terlibat.

Sayugia diingatkan iaitu semenjak dua bulan lalu harga saham-saham lain juga telah jatuh. Ini bermakna bahawa kekurangan nilai saham the *New Straits Times* pada masa ini bukanlah disebabkan salah penilaian, malahan oleh kerana keadaan pasaran saham pada keseluruhannya.

Walau bagaimanapun saya suka mengambil kesempatan di sini mengingatkan tiap-tiap seorang yang ingin mengambil bahagian dalam aktiviti membeli-menjual saham bahawa mereka hendaklah sentiasa sedar akan "risks" aktiviti-aktiviti ini.

Yang Berhormat dari kawasan Tumpat juga menyuarakan kebimbangannya terhadap kesan-kesan pembangunan dan kemajuan dalam bidang pelancungan ke atas orang ramai terutama sekali penduduk-penduduk disekitar kawasan yang didirikan hotel dan lain-lain kemudahan pelancungan.

Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan sedang memerhati pembangunan dan kemajuan dalam bidang pelancungan bukan sahaja di Pulau Pinang bahkan di serata tempat dalam negara kita. Kerajaan juga sedar atas akibat pembangunan pelancungan dari segi "conservation" "environment", "pollution", "ecology", dan "social impact" dan sebagainya.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, di mana sahaja pelancungan telah maju dengan pesatnya, akibat ini tidak dapat dielakkan seperti mana di Negeri Sepanyol, pulau-pulau Caribbean, Majorica, Miami Beach dan lain-lain. Akibat yang negatif telah berlaku di negeri-negeri tersebut oleh kerana pembangunan pelancungan tidak dirangka dan dirancang untuk mengelak akibat yang buruk.

Malaysia adalah bernasib baik kerana pembangunan pelancungan adalah masih dalam peringkat permulaan. Oleh itu dapatlah kita mempelajari dari negeri-negeri lain untuk memastikan bahawa pembangunan pelancungan di negara kita akan membawa kesan-kesan yang baik.

Saya suka menyatakan bahawa bagi mencapai tiap-tiap kemajuan dan pembangunan dalam bidang pelancungan maka nyatalah kesan-kesan atas soal environment, ecology, dan lain-lain tidak dapat dielakkan. Sungguhpun begitu Kerajaan akan berikhtiar untuk

mengurangkan "social impact" yang tidak sesuai dan secukup dengan hasrat rakyat dan juga kebudayaan Malaysia.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang membina mengenai yang berkait dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Sebaliknya saya merasa dukacita dan kurang senang atas teguran-teguran yang tidak membina.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor menyatakan tentang kadar pengangguran yang tinggi dan menggesa supaya langkah-langkah diambil bagi menempatkan lebih banyak lagi bumiputra bekerja di kilang-kilang.

Mengikut perangkaan yang diperolehi, kadar pengangguran pada bulan April, 1972 ialah 7.4%. Tanda-tanda menunjukkan bahawa kadar ini akan bertambah kurang lagi memandangkan perkembangan perusahaan yang pesat dalam masa dua tahun yang lalu di seluruh negara. Banyak perusahaan yang menggunakan tenaga buruh yang banyak telah didirikan dan banyak lagi akan didirikan tidak lama lagi.

Sejauh yang dapat dimaklumkan, Perkhidmatan Pekerjaan telah menempatkan 26,882 pencari-pencari kerja dalam tahun 1972. Disamping Perkhidmatan Pekerjaan terdapat juga badan-badan Kerajaan, separuh Kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pertahanan, MARA dan juga badan-badan yang lain seperti pertubuhan-pertubuhan politik yang mengambil bahagian dalam usaha-usaha menempatkan pekerja-pekerja. Di samping itu juga, majikan-majikan mengambil pekerja-pekerja secara terus. Dalam perkhidmatan awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga menjalankan urusan pengambilan.

Calun-calun yang dihantar untuk ditemuduga mengandungi sebanyak 50% bumiputra, 30% orang Cina dan 20% India. Di negeri-negeri Pantai Timur kadar ini ialah 80% bumiputra dan 20% lain-lain kaum. Dalam tahun 1972, daripada 26,882 pencari-pencari kerja yang mendapat pekerjaan, 71% darinya adalah bumiputra, 18% Cina dan 11% India.

Pegawai-pegawai dari Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat di waktu menjalankan pemeriksaan di tempat-tempat pekerjaan telah diarah menggesa majikan-majikan supaya mengambil pekerja-pekerja bagi mencerminkan kadar berbilang kaum di negeri ini dalam semua peringkat pekerjaan.

Mengenai pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara supaya perundangan diadakan bagi memaksa majikan mengambil pekerja-pekerja hanya dari Pejabat-pejabat Pekerjaan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat berpendapat undang-undang itu tidaklah perlu pada masa ini, kerana menerusi pujukan oleh pegawai-pegawai pekerjaan, ramai majikan-majikan menggunakan Pejabat-pejabat Pekerjaan sebagai punca pengambilan pekerja-pekerja. Sebagaimana yang telah dinyatakan tadi bahawa calun-calun yang dihantar untuk temuduga oleh Pejabat Pekerjaan adalah mengikut kadar iaitu 50% terdiri dari bumiputra, 30% Cina dan 20% India. Saya merasa sukacita menyatakan bahawa kebanyakan calun-calun yang berjaya mendapat pekerjaan adalah bumiputra.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah mencadang supaya banyak lagi perusahaan diwujudkan di kawasan-kawasan luar bandar dan dalam pemilihan untuk pekerjaan-pekerjaan keutamaan diberi kepada pekerjaan-pekerjaan daripada kawasan itu. Kerajaan sebenarnya telahpun mengambil langkah-langkah seperti yang dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua, misalnya ladang tebu telahpun dibuka di kawasan 14 batu jauhnya dari Bahau, Negeri Sembilan dan pekerja-pekerjanya diambil daripada kawasan-kawasan itu dan pekerja-pekerja itu terdiri daripada semua kaum, dengan majoriti daripada bangsa Melayu. Banyak lagi ladang-ladang seperti ini dibuka di kawasan luar bandar di Perlis, Johor, dan Kedah. Kilang elektronik baru-baru ini telah dibuka di Pontian dan semua pekerja-pekerja adalah daripada kawasan-kawasan yang berhampiran.

Mengenai kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Datuk Kramat berkaitan dengan Syarikat Plastik Nam Tow, saya ingin memaklumkan bahawa pihak polis tidak mengambil tindakan terhadap pekerja-pekerja kerana permogokan. Pihak polis telah mengambil tindakan terhadap pekerja-pekerja kerana mereka telah melanggar

undang-undang iaitu mereka menghalangi pintu masuk syarikat itu dan tidak mahu bersurai meskipun diberi amaran oleh pihak polis.

Berhubung dengan gagasan Yang Berhormat Datuk Khoo Peng Loong supaya Kerajaan melaksanakan Sekim Keselamatan Sosial di Sabah dan Sarawak, saya suka memaklumkan bahawa Pertubuhan itu adalah sedang dirancang untuk meluaskan kegiatannya ke Sabah dan Sarawak. Baru-baru ini satu kajian telah dibuat di Kota Kinabalu dan Kuching di atas kemungkinan bagi memperkenalkan Sekim Bencana Pekerjaan bagi permulaannya di kedua-kedua bandar itu. Sekim ini akan diperluaskan ke Kuching dan Kota Kinabalu tidak berapa lama lagi.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat supaya faedah pengangguran dan "old age" dimasukkan ke dalam bidang Pertubuhan Keselamatan Sosial, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu ketahui bahawa Kerajaan sedang memberikan keutamaan kepada faedah-faedah yang lain seperti faedah sakit dan faedah-faedah bersalin. Oleh kerana memandangkan keutamaan kedua-dua faedah yang disebutkan tadi, adalah tidak mungkin bagi Pertubuhan itu mengadakan sekim faedah pengangguran dan "old age" pada masa ini. Walau bagaimanapun pertimbangan akan dibuat dan pelaksanaan akan diteruskan, jika didapati perlu.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar mengenai pekerja-pekerja di J. J. Morrison, Petaling Jaya, saya adalah dari mula-mulanya lagi mencampur tangan dalam pemogokan haram 21 orang pekerja-pekerja itu yang bermula pada 6-3-73 ini. Dalam penyelesaian pada 13-3-73 majikan bersetuju mengambil balik semua pekerja-pekerja dan kes pembuangan seorang pekerja serta soal pengiktirafan kesatuan akan dikelolakan di bawah Akta Pertubuhan Perusahaan, 1967. Pekerja-pekerja dikehendaki melaporkan diri pada esok harinya akan tetapi mereka tidak berbuat demikian. Pada 3-4-73 di dalam mesyuarat yang dikelolakan oleh Kementerian, majikan juga bersetuju mengambil balik pekerja-pekerja ini dan meminta pekerja-pekerja melaporkan diri pada 6-4-73 tetapi pekerja itu tidak juga balik bekerja. Oleh

sebab demikian, majikan mengambil pekerja-pekerja baru untuk menjalankan perniagaannya.

Undang-undang jika dipatuhi tidaklah ada salahnya dan tidak perlu diulangkaji. Jika sekiranya pekerja-pekerja mematuhi nasihat Kementerian supaya mereka balik bekerja dan soal pembuangan pekerja dan soal pengiktirafan kesatuan kekelolakan oleh Kementerian, maka masalah yang dilakukan oleh pertikaian ini akan selesai.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketiga.”

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.20 malam.*